

**DEWAN RAKYAT
PARLIMEN KEDUABELAS
PENGKAL PERTAMA
MESYUARAT KETIGA**

Bil. 46

Rabu

15 Oktober 2008

K A N D U N G A N

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN	(Halaman 1)
RANG UNDANG-UNDANG: Rang Undang-undang Perbekalan 2009	(Halaman 28)
USUL: Usul Anggaran Pembangunan 2009	(Halaman 28)

MALAYSIA

DEWAN RAKYAT

Rabu, 15 Oktober 2008

Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi

DOA

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar)
mempengerusikan Mesyuarat]

JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN

1. **Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]** minta Menteri Pelajaran menyatakan apakah status Jawatankuasa Menangani Masalah Disiplin Pelajar yang melibatkan kerajaan tempatan dan NGO-NGO serta adakah kementerian bersedia mewujudkan semula amalan merotan di khalayak ramai (Public Caning).

Timbalan Menteri Pelajaran II [Dato' Razali bin Ismail]: Terima kasih Yang Berhormat kerana keprihatinan berhubung dengan isu disiplin pelajar-pelajar. Untuk makluman Yang Berhormat dan sidang Dewan bahawa Kementerian Pelajaran telah pun sejak 2004 lagi telah membentuk Jawatankuasa Induk Menangani Gejala Disiplin Murid yang dipengerusikan oleh Timbalan Menteri Pelajaran sendiri dan jawatankuasa ini membentuk empat jawatankuasa bertindak yakni mencakupi menangani masalah-masalah di sekolah. Yang keduanya berhubung dengan perundangan dan juga penguatkuasaan. Yang ketiga ialah tindakan-tindakan rawatan psikologi dan juga kesihatan dan kaunseling. Yang keempat ialah memanfaatkan permuafakatan dengan pelbagai pihak dalam masyarakat.

Melalui penglibatan semua pihak ini, jawatankuasa ini telah melaksanakan aktiviti bersama secara yang lebih berkesan kerana muafakat itu membawa berkat kepada tindakan-tindakan disiplin ini. Lebih-lebih lagi kita, Kementerian Pelajaran, tidak melihat masalah disiplin ini dalam bentuk serpihan tetapi dalam bentuk yang menyeluruh. Sebagai contoh, operasi pencegahan ponteng di peringkat daerah yang melibatkan muafakat di antara Jabatan Pelajaran Negeri, PPD, PDRM, pihak berkuasa tempatan, PIBG, termasuk NGO telah dapat dilaksanakan secara berterusan.

Daripada Januari sehingga Jun 2008, sejumlah 52 daerah telah menjalankan operasi bersama untuk mengatasi masalah-masalah disiplin, khususnya tentang kes ponteng sekolah dan sejak jawatankuasa ini diwujudkan, banyak pihak khususnya NGO telah menyatakan minat untuk terlibat sama dalam usaha ini. Jawatankuasa itu sedang menimbang untuk melibatkan

pihak UNICEF yakni United Nation Children Education Fund dan juga pendekatan yang berkesan daripada Yayasan Pencegahan Jenayah Malaysia.

Berhubung dengan persoalan yang kedua, Kementerian Pelajaran tidak bercadang sekali-kali untuk melaksanakan hukuman rotan di khalayak ataupun *public caning* dan kekal dengan pendirian seperti yang terkandung dalam Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 7/2003 (Kuasa Guru Merotan Murid) kerana hukuman merotan di khalayak ini boleh menjatuhkan maruah serta menimbulkan kesan-kesan negatif dari segi psikologi dan juga perkembangan *self-esteem* pelajar. Lebih-lebih lagi Malaysia adalah merupakan di antara negara yang menandatangani *charter* berhubung dengan Child Right Convention ataupun disebut ringkasnya, CRC. Terima kasih.

Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri KPM. Saya mengucapkan tahniah kepada KPM kerana masalah disiplin pelajar bukan lagi menjadi masalah yang dianggap sebagai masalah terpencil tetapi masalah yang perlu diatasi oleh semua pihak termasuk ibu bapa dan juga NGO-NGO lain. Soalnya bermacam-macam jawatankuasa yang telah ditubuhkan menangani disiplin, program sekolah selamat dan sebagainya yang telah mengenal pasti 37 jenis masalah disiplin pelajar yang selalu dilakukan oleh pelajar di dalam negara kita. Saya juga tertarik dengan masalah perundangan dan penguatkuasaan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Soalnya, Yang Berhormat.

Tuan Haji Ismail bin Haji Mohamed Said [Kuala Krau]: Soalan saya tentang perundangan dan penguatkuasaan. Jawatankuasa Menangani Disiplin ini kemungkinan ada mempunyai perundangan dan juga penguatkuasaan di sekolah tetapi bila di luar sekolah, Jawatankuasa Menangani Disiplin ini tidak ada penguatkuasaan dari segi undang-undang, malah terdedah dengan ibu bapa atau penjaga akan mengambil tindakan saman dan sebagainya. Bagaimanakah jawatankuasa ini boleh bergerak untuk kita menangani disiplin pelajar dan bilakah akan dilaksanakan di peringkat Jabatan Pelajaran Daerah masing-masing. Terima kasih.

Dato' Razali bin Ismail: Terdapat dua isu yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat. Pertamanya adalah tentang tindakan-tindakan yang dibuat dan juga kuat kuasa itu. Sebenarnya pihak berkuasa tempatan, PBT kita amat membantu terutamanya premis-premis yang mengundang atau memberi kesan *the pull effect* kepada anak-anak untuk berpelesiran di tempat-tempat yang tidak sepatutnya mereka berada dan ada undang-undang kecil yang dibuat oleh pihak PBT untuk mencegah anak-anak.

Dalam masa yang sama pula ada *the pull effect* iaitu bagaimana mereka harus meletakkan di mana pelajar-pelajar ataupun remaja itu harus berada. Dalam konteks ini, padang-padang permainan yang merupakan aktiviti yang menarik pelajar juga diadakan dan ini

menunjukkan usaha-usaha kerjasama sama ada dari segi perundangan ataupun penguatkuasaan telah dibuat oleh pihak PBT itu sendiri.

Persoalan yang kedua ialah tentang pelaksanaannya. Terima kasih Yang Berhormat ya. Ini adalah merupakan satu perkara yang amat menarik perhatian kita. Sebab itulah Jawatankuasa Bertindak yang saya sebut itu sering kali bermesyuarat, memantau, malah dalam setiap mesyuarat-mesyuarat dengan pengarah-pengarah Jabatan Pelajaran Negeri, kita menekankan tentang penguatkuasaan dan pelaksanaan, bukan sahaja melihat dari segi wujudnya jawatankuasa ini tetapi terdapat lompong dari segi pelaksanaannya. Maka, perkara ini sentiasa kita ambil perhatian dan sebab itu jugalah, baru-baru ini dalam kad laporan Pelan Induk Pembangunan Pendidikan, laporan daripada pihak PPD, daripada pihak akar umbi menyebut bahawa kadar disiplin murid-murid di sekolah sudah menurun sekarang pada kadar 1.33% daripada bulan Januari hingga bulan Jun tahun ini.

■1010

Ini menunjukkan bahawa ada peningkatan dan penglibatan daripada pihak bawah. Kita juga ada *flying squad* bila timbul sahaja masalah-masalah disiplin yang dilaporkan sama ada melalui *website* Kementerian Pelajaran ataupun melalui media, kita terus mengambil tindakan-tindakan ini.

Tuan Nasharudin Mat. Isa [Bachok]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan saya adalah, sedarkah Yang Berhormat Menteri bahawa masalah disiplin melibatkan pelajar pada hari ini bukan sahaja di luar bidang pengetahuan sama ada pihak pentadbir ataupun ibu bapa tetapi isu-isu disiplin ini juga sudah sampai kepada satu tahap baru yang dirakamkan di kalangan mereka dan banyak juga hal-hal ini yang disiarkan kembali dalam *Youtube* contohnya, yang paling popular.

Daripada apa yang dapat saya lihat, ada di antara perlakuan-perlakuan disiplin ini digambarkan dengan kelihatan begitu jelas beg sekolah pelajar-pelajar berkenaan.

Saya ingin tahu sebanyak manakah tindakan yang telah diambil terhadap *monitoring* melalui *Youtube* ini dan kemudian juga tindakan-tindakan yang diambil ke atas pesalah-pesalah atau pelaku-pelaku yang jelas melakukan tindakan melanggar disiplin akhlak dan sebagainya. Terima kasih.

Dato' Razali bin Ismail: Terima kasih Yang Berhormat. Dalam keadaan persekitaran yang sudah berubah, dengan kemudahan telekomunikasi dan pelbagai macam, anak-anak kita bawa kamera dalam bentuk digital ataupun dalam bentuk yang sofistikated sekarang ini telah membuat rakaman-rakaman serupa ini. Akan tetapi kadang-kadang juga untuk kita mengesahkan sama ada dirakamkan di kawasan sekolah dan melibatkan pelajar-pelajar dengan pakaian-pakaian sekolah ataupun di luar, ini juga merupakan perkara yang perlu disiasat dengan teliti. Malah kita amat prihatin tentang perkara ini.

Perkara yang berbangkit di Bintulu, perkara yang tersebar di Pekan baru-baru ini, kita melakukan siasatan-siasatan tertentu dan memang kita sedar. Walau bagaimanapun saya ingin menyebutkan di sini bahawa tugas merungkaikan masalah disiplin ini adalah merupakan tanggungjawab pelbagai pihak. Kita tidak wajar melihat perspektif daripada satu sudut sahaja. Ia perlu merangkumi peranan ibu bapa terutamanya, peranan penguatkuasaan polis dan sebagainya.

Untuk maklumat Yang Berhormat, kita selalu peka. Malahan kes yang berlaku di Bintulu untuk makluman Yang Berhormat, kita menghantar malah saya sendiri sedang menghubungi dan saya akan panggil Pengarah untuk memberi penegasan tentang perumusan yang ada.

Demikian juga dengan kes yang berlaku di Pekan. Semuanya dalam perhatian kita. Pokoknya sekarang kita memerlukan kerjasama kesemua pihak termasuk Ahli-ahli Yang Berhormat, Ahli-ahli di Dewan Parlimen untuk sama-sama bekerja tentang masalah, tentang penyuburan dan pembangunan, membina adab serta memperkasa akal budi anak-anak kita.

2. Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong] minta Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi menyatakan apakah permohonan daripada pengusaha teksi Negeri Pulau Pinang untuk menaikkan tambang akan dimuktamadkan dan apakah Rapid Penang akan menawarkan perkhidmatan teksi.

Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi [Dato' Haji Noh bin Haji Omar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi telah menerima permohonan untuk membuat semakan kadar tambang perkhidmatan pengangkutan awam dan teksi daripada pengusaha di seluruh negara termasuk pengusaha pengangkutan awam di Pulau Pinang.

Kerajaan telah selesai membuat kajian semakan kadar tambang dan akan memuktamadkan kadar tambang pengangkutan awam yang baru tidak lama lagi. Dalam pada masa yang sama bagi memastikan perkhidmatan teksi mencukupi, kementerian telah mengumumkan permohonan lesen teksi dan kereta sewa dibuka untuk individu sahaja bermula daripada 15 Julai 2008 sehingga 15 Oktober 2008.

Pengeluaran lesen kepada pemandu individu akan memberi peluang kepada pemandu-pemandu tulen memiliki lesen sendiri dan mengurangkan bebanan pemandu untuk membayar sewa harian teksi dan diharap dapat meningkatkan kualiti perkhidmatan teksi negara. Oleh itu, kementerian tidak bercadang untuk menawarkan lesen teksi kepada syarikat termasuk Rapid Penang.

Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Selain daripada tambang di negeri Pulau Pinang, memandangkan keunikan keadaan negeri Pulau Pinang, apakah kementerian akan mempertimbangkan dasar-dasar khusus untuk menggalakkan penggunaan meter teksi di negeri Pulau Pinang dan apakah

dasar baru untuk membawa perkhidmatan teksi kepada taraf dunia sebab banyak rungutan tentang mutu perkhidmatan yang ditawarkan sekarang? Sekian.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya di Pulau Pinang teksi adalah diwajibkan menggunakan meter. Mana-mana teksi yang tidak menggunakan meter, tindakan boleh diambil sehinggalah kita boleh membatalkan lesen teksi tersebut. Yang tidak menggunakan meter ini adalah kereta sewa. Yang keduanya, kita sedar bahawa berlaku rungutan daripada beberapa penumpang mengenai pemandu-pemandu iaitu mungkin yang kurang berhemah dan sebagainya.

Oleh sebab itu pihak kementerian telah pun memperkenalkan kursus-kursus pemandu di mana kita mulai dengan Pusat Giat MARA akan memperkenalkan kursus khas untuk pemandu-pemandu bas dan juga pemandu-pemandu teksi.

Yang keduanya, kita akan terus mengadakan kursus-kursus bersama dengan pemandu-pemandu teksi, persatuan-persatuan pemandu teksi dan yang ketiga, kita mengadakan sistem mengenai pemandu. Ertinya, mana-mana pemandu yang mempunyai rekod-rekod yang kurang baik, yang disenaraihitamkan dan terlibat dalam kemalangan dan sebagainya, mereka ini akan dimasukkan di dalam senarai sistem kita. Jika mereka ini telah dimasukkan dalam senarai sistem kita, maka pemandu ini tidak akan diberikan peluang untuk mereka memandu teksi pada masa yang akan datang. Terima kasih.

Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: Kenapa? Assalamualaikum Warrahmatullahi Wabarakatuh. Saya Tuan Yang di-Pertua bukannya wakil rakyat di Semenanjung tetapi selalu naik teksi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ahli Parlimen Malaysia, Yang Berhormat. Soal, tidak payah bagi penjelasan.

Datuk Seri Panglima Haji Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]: Jadi, saya selalu naik teksi. Teksi-teksi yang kita naik merungut. Mereka kata, teksi-teksi yang mereka miliki ini bukan hak mereka. Teksi ini syarikat besar punya. Syarikat besar yang punya, jadi mereka ini anti kerajaan kerana dasar kerajaan ini menyusahkan mereka.

Jadi saya mahu minta penjelasan daripada Yang Berhormat Menteri, sama ada Yang Berhormat Menteri bersedia untuk merombak polisi ini supaya individu-individu yang menjalankan teksi-teksi syarikat ini diberi lesen individu terus kepada mereka. Inilah soalan saya. *[Tepuk]*

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat. Seperti yang saya nyatakan tadi bahawa kita telah pun merombak dasar ini. Di mana pada hari ini kita telah membuka untuk fasa yang pertama mulai 15 Julai dan 15 Oktober. Pada hari inilah. 15 Oktober adalah tarikh akhir untuk kita beri peluang kepada pemohon-pemohon pemandu teksi secara individu. Ini fasa yang pertama.

Saya difahamkan hampir 10,000 permohonan kita dapat dan kita sedang proses untuk memastikan bahawa mereka yang benar-benar layak sahaja diberikan lesen. Kita sedar bahawa selama ini kita berikan kepada syarikat kerana ada sebab-sebab tertentu. Akan tetapi pada hari ini kita lihat banyak syarikat tidak memenuhi syarat-syarat seperti mana yang mereka janjikan sebelum ini untuk menjaga kebajikan dan perkhidmatan yang baik. Akhirnya, kita dapati syarikat-syarikat ini menjadi syarikat jual beli kereta. Apabila habis sahaja hutang kereta ini kepada syarikat, maka kereta sahaja drebar dapat tetapi permit masih lagi dipunyai oleh syarikat.

Oleh sebab itulah kita telah pun rombak di mana kita akan terus beri kepada individu. Bukan sahaja kita akan beri lesen kepada individu malah kita juga telah mewujudkan Tabung Permohonan Perkhidmatan Awam. Kerajaan telah bersetuju untuk menambahkan lagi RM100 juta. Sekarang ini kita sudah ada RM300 juta. Apabila kita buka kepada individu, kita tambah lagi RM100 juta untuk kita memberikan kemudahan pinjaman kepada pemandu-pemandu teksi. Jadi banyak pertolongan yang diberi oleh kerajaan kepada pemandu-pemandu teksi. Jadi Insya-Allah pada pilihan raya yang akan datang, pemandu teksi akan kembali menyokong Barisan Nasional. *[Tepuk]* Terima kasih.

3. Prof. Dato' Dr. Abdullah Md. Zin [Besut] minta Menteri Kerja Raya menyatakan bilakah pembinaan Jalan Keruak, Hulu Besut ke Gunung Bongsu, Hulu Terengganu yang telah pun disempurnakan pelancarannya oleh kementerian pada 1 Mac 2008 akan dimulakan dan berapa lama tempoh yang akan diambil bagi menyiapkan projek tersebut.

■ 1020

Timbalan Menteri Kerja Raya [Dato' Yong Khoo Seng]: Terima kasih Yang Berhormat dari Besut. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Kerja Raya tidak terlibat dalam majlis pelancaran projek ini yang diadakan pada 1 Mac 2008. Kementerian ini difahamkan bahawa majlis tersebut adalah anjuran Kerajaan Negeri Terengganu sendiri. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kerja Raya telah mengemukakan permohonan pelaksanaan projek pembinaan Jalan Keruak, Hulu Besut ke Gunung Bongsu, Hulu Terengganu ke dalam Kajian Separuh Penggal Rancangan Malaysia Kesembilan.

Walau bagaimanapun, permohonan tersebut tidak mendapat keutamaan dan kementerian akan mengemukakan permohonan ini semula dalam Rancangan Malaysia Kesepuluh. Sekian.

Prof. Dato' Dr. Abdullah Md. Zain [Besut]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri yang telah memberi jawapan yang cukup jelas rasanya tidak ada kaitan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Tidak ada jawapan lagi? Tidak ada soalan lagi nampaknya Yang Berhormat?

Prof. Dato' Dr. Abdullah Md. Zain [Besut]: Ada.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Sudah jelas?

Prof. Dato' Dr. Abdullah Md. Zain [Besut]: Sudah. Jelas tapi tidak positif. Sangat negatif.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ya. Silakan Yang Berhormat.

Prof. Dato' Dr. Abdullah Md. Zain [Besut]: Jadi, saya rasa perlu dikaji semula dan diberi *priority* kerana jalan ini sangat mustahak untuk menghubungkan Pantai Timur dengan Pantai Barat dan juga utara. Dan bukan warga ataupun penduduk di Parlimen Besut sahaja yang mendapat manfaat tetapi Parlimen Setiu juga. Saya rasa dia sangat setuju, Parlimen Setiu juga akan mendapat manfaat dan penduduk-penduduk, warga iaitu Pasir Puteh dan Bachok juga mendapat manfaat. Jadi saya mengharapkan supaya disemak semula dan diberi *priority* kepada jalan ini kerana boleh menjana pembangunan di Daerah Besut dan juga daerah-daerah di sekitarnya.

Dato' Yong Khoon Seng: Tuan Yang di-Pertua, saya amat sokong Yang Berhormat dari Besut. Saya hendak bagi sedikit latar belakang...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Tak payah panjang sangat Yang Berhormat. Pertimbangkan atau tidak dipertimbangkan sahaja.

Dato' Yong Khoon Seng:...kita akan terus dengan usaha ini kerana projek ini adalah satu projek yang sangat penting dalam menghubungkan pantai ke pedalaman dan juga saya tahu projek ini adalah 45 kilometer. Mula-mula ia ada dianggarkan kosnya dekat RM50 juta tetapi atas permintaan yang kita ubahkan iaitu skop dengan tambahan satu terowong 10 kilometer yang melalui bukit kerana kita hendak memelihara alam sekeliling, alam sekitar dan juga hendak mencegahnya tanah runtuh dari cerun dan kerajaan negeri telah pun mencadangkan adakan satu terowong 10 kilometer yang mengambil kos lebih banyak dari RM50 juta.

Sekarang kosnya tinggi sehingga RM300 juta. Oleh sebab itu, kerana siling tidak cukup mungkin kita akan mohon dalam Rancangan Malaysia Kesembilan atau dalam permohonan, P.27 oleh kementerian. Saya akan meneliti ini, dengan terus kita akan terus berusaha. Terima kasih.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Soalan tambahan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ada lagi? Nanti tidak ada berdiri. Jadi saya nampak Yang Berhormat. Okey bagilah.

Puan Hajah Siti Zailah binti Mohd. Yusoff [Rantau Panjang]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat. Soalan tambahan saya apakah punca projek-projek yang telah diluluskan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ini banyak yang ditarik balik dan kenapa projek-projek yang punya kepentingan untuk rakyat selalu ditarik balik? Sedangkan projek-projek mega yang melibatkan kepentingan beberapa golongan tertentu, komisen yang besar tapi diberi kelulusan. Minta penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat tidak ada hubung kait, tak payah jawab Yang Berhormat.

[Soalan No. 4 – Y.B. Tuan Charles Anthony R. Santiago (Klang) tidak hadir]

5. Tuan Raime Unggi [Tenom] minta Perdana Menteri menyatakan adakah kerajaan mempunyai pelan alternatif kepada pengurusan ekonomi negara sekiranya ekonomi dunia masih berterusan tidak seimbang akibat harga minyak tidak stabil dan keruncingan makanan dunia.

Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Tan Sri Amirsham A. Aziz]: Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat kerana soalan ini. Kebelakangan ini beberapa negara maju di dunia telah mengalami krisis kewangan. Krisis kewangan ini bermula daripada sistem perbankan yang agak lemah. Oleh sebab kelemahan sistem perbankan ini jadi kredit menguncup dan juga *credit liquidity* ataupun aliran tunai juga terlalu berkurangan. Oleh itu, tidak dapat berfungsi dan ekonomi di beberapa negara maju telah menguncup, tetapi kita sangat bersyukur kerana sistem kewangan atau perbankan di Malaysia adalah kukuh dengan banyak data-data yang telah memberi penekanan seperti *Non Performing Loan* ataupun hutang lapuknya kurang daripada 2.5%, modal yang ada di dalam sistem perbankan adalah tinggi 12.6% dan juga kredit masih lagi berkembang.

Oleh itu, kita tidak ada masalah dari segi sistem kewangan di Malaysia. Oleh itu, perjalanan ekonomi Malaysia adalah secara biasa, tetapi kita tidak nafikan bahawa penguncupan ekonomi di negara-negara lain akan juga memberi kesan kepada Malaysia. Oleh itu, salah satu strategi yang digunakan ialah untuk terus memberi daya maju kepada ekonomi Malaysia ialah strategi bajet yang baru dibentangkan baru-baru ini ialah strategi *expansionary* bajet. Dengan cara *expansionary* bajet dapat kita memberi penekanan kepada pertumbuhan ekonomi dan oleh itu dapat kita memberi kesan kepada pendapatan rakyat. Itu adalah salah satu strategi yang tepat yang digunakan oleh kerajaan untuk menangani masalah ekonomi yang ada di dunia sekarang ini.

Tuan Raime Unggi [Tenom]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita tahu bahawa ekonomi global hari ini tidak menentu dan langkah kerajaan dalam menurunkan lagi harga minyak sejajar dengan kehendak komuniti dunia ini amat dialu-alukan Tuan Yang di-Pertua. Jadi soalan tambahan saya Tuan Yang di-Pertua ialah apakah mekanisme bagi kerajaan untuk memastikan barang-barang keperluan serta sektor perkhidmatan seperti tambang bas, yuran *tuition* dapat diturunkan seiring dengan keputusan kerajaan hari ini dan tidak hanya tertumpu kepada barang-barang kawalan sahaja dan apakah langkah kerajaan dalam memantapkan lagi ketahanan ekonomi dalaman bagi menghadapi ekonomi global kita pada hari ini? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tan Sri Amirsham A. Aziz: Terima kasih dengan soalan itu Yang Berhormat. Dengan penurunan harga-harga komoditi termasuk penurunan harga minyak, kerajaan telah pun

menurunkan harga minyak semalam. Kita telah turunkan lagi harga minyak sehingga ke RM2.30, ini kita dapat percaya bahawa rakyat dapat menikmati harga yang rendah berbanding dengan harga yang tinggi dulu RM2.70. Kita juga akan memantau kawalan-kawalan tentang *supply-supply* ataupun harga-harga yang tidak berkaitan dengan harga minyak. Saya tahu walaupun harga minyak telah turun sebegitu banyak hingga 40 sen dari sejak RM2.70 dulu masih lagi harga-harga barang makanan masih lagi tinggi.

■1030

Ini kita tetap akan memantau peniaga-peniaga untuk dapat terus memberi keselesaan tentang harga. Jadi kementerian-kementerian bertanggungjawab terus akan memantau kawalan harga.

Dr. P. Ramasamy [Batu Kawan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan saya ini *simple* sahaja. Apakah pelan alternatif yang telah direka oleh Kerajaan Malaysia untuk menghadapi krisis? Amerika Syarikat memang ada pelan alternatif, UK ada pelan alternatif, Eropah ada pelan alternatif, Singapura ada, tetapi Malaysia ini tidak ada pelan alternatif. Kalau ada pelan alternatif untuk kroni-kroni sahaja, tolonglah menteri bagi apa perancangan pelan alternatif. Terima kasih.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Terjejas, kita tidak terjejas.

Tan Sri Amirsham A. Aziz: Tuan Yang di-Pertua, memang betul Malaysia tidak terjejas dengan keadaan krisis kewangan ini. Sistem kewangan masih kuat, perjalanan kredit masih lancar oleh itu kita tidak perlu

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: *Wrong fundamentals.*

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Bagaimana *balance of payments* dagangan kita dengan Amerika?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, jangan buat begitu Yang Berhormat Kuala Selangor. Tidak payah dengar Yang Berhormat Kuala Selangor itu.

Tan Sri Amirsham A. Aziz: Okey, oleh itu tidak perlu menggunakan pelan alternatif tetapi kita menggunakan pelan-pelan yang akan terus memberi penjanaan ekonomi seperti saya beritahu tadi bajet alternatif yang kita beri ialah bajet *expansionary*, bukan bajet yang menguncup seperti yang dicadangkan oleh Ketua Pembangkang dahulu, jadi kita akan terus....

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Akan tetapi bajet telah dipertikaikan. Bajet telah tidak relevan lagi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Kuala Selangor. Duduk Yang Berhormat Kuala Selangor.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Pendapatan adalah 50% menurun.

Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]: Kalau dipertikai tidak semestinya betul... [*Dewan riuh*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Diam! Diam!
Tolong Yang Berhormat.

[Soalan No.6 – Y.B Tuan Loke Siew Fook (Rasah) tidak hadir]

7. **Datuk Haji Yussof bin Haji Mahal [Labuan]** minta Menteri Pelajaran menyatakan, adakah perancangan Kementerian untuk tidak menyerap Jabatan Pelajaran Wilayah Persekutuan Labuan ke Jabatan Pelajaran Wilayah Persekutuan Kuala Lumpur bagi menjaga kepentingan kakitangan dan pegawai-pegawai di Jabatan Pelajaran Wilayah Persekutuan Labuan.

Timbalan Menteri Pelajaran II [Dato' Razali bin Ismail]: Terima kasih Yang Berhormat. Kementerian Pelajaran Malaysia telah membuat penyusunan Jabatan Pelajaran Wilayah Persekutuan yang merangkumi Labuan, Putrajaya dan Kuala Lumpur dan sekarang ini kedudukan Jabatan Pelajaran Wilayah Persekutuan Labuan berada di bawah penyusunan baru di bawah Jabatan Pelajaran Wilayah Persekutuan dan Pejabat Pelajaran Cawangan Labuan ini diketuai oleh Timbalan Pengarah Pejabat Pelajaran Cawangan Wilayah Persekutuan Labuan dengan gred baru DG54.

Ini adalah merupakan satu kenaikan pangkat yang baru berkuat kuasa melalui waran S168 tahun 2008 yang berkuat kuasa pada 1 September 2008. Berhubung dengan persoalan menjaga kepentingan kakitangan dan juga pegawai-pegawai di Jabatan Pelajaran Wilayah Persekutuan Labuan, secara automatik apabila pegawai perkhidmatan pendidikan gred DG52 menerima saraan yang baru, maka pegawai-pegawai di bawahnya akan mengalami perubahan dan naik pangkat seperti DG52 dan DG48.

Untuk makluman Yang Berhormat, pegawai yang sedia ada adalah di bawah kategori DG48 sekarang ini naik pangkat di bawah DG54 dan untuk makluman Yang Berhormat juga, Kementerian Pelajaran sentiasa berusaha untuk menambah baik fungsi dan peranan Pejabat Pelajaran Cawangan Labuan tersebut bagi memudahkan Kementerian Pelajaran menyelaraskan semua aktiviti berhubung dengan pentadbiran kewangan dan pembangunan serta pemantapan struktur ini akan dapat memberi impak yang lebih berkesan dari segi penyampaian di ketiga-tiga buah Wilayah Persekutuan.

Tuan Haji Che Uda bin Che Nik [Sik]: *[Bangun]*

Datuk Haji Yussof bin Haji Mahal [Labuan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih timbalan menteri kerana telah pun memberikan kenaikan jawatan untuk Jabatan Pelajaran Wilayah Persekutuan Labuan. Soalan tambahan saya Tuan Yang di-Pertua, seperti mana yang kita sedia maklum, kementerian telah pun mengeluarkan tender untuk Sekolah Kebangsaan Layang-layang dan Sekolah Kebangsaan Sungai Lada untuk bangunan gantian, tetapi sampai saat ini saya difahamkan projek tersebut di *KIV* disebabkan *ceiling*, peruntukan yang diberikan tidak sampai ke situ.

Seterusnya saya ingin menanyakan juga, adakah perancangan Kementerian Pelajaran untuk mendirikan sebuah sekolah agama di Wilayah Persekutuan Labuan yang mana saya rasa sudah cukup waktunya untuk sebuah sekolah menengah agama diadakan di Wilayah Persekutuan Labuan. Terima kasih.

Dato' Razali bin Ismail: Terima kasih Yang Berhormat. Meskipun soalan itu agak terkeluar sedikit tetapi untuk makluman Yang Berhormat, di Labuan terdapat 17 buah sekolah rendah dan sembilan buah sekolah menengah. Tadi telah disebut rayuan-rayuan untuk pembinaan infrastruktur yang baru, tetapi dalam keadaan sekarang dalam kita menyemak *ceiling* harga yang baru terutamanya memandangkan dengan kenaikan harga besi dan simen serta bermacam-macam lagi itu, penilaian semula sedang dibuat dan saya yakin bahawa setelah disemak semula, maka saya kira apa yang telah disebut oleh Yang Berhormat itu akan kita beri pertimbangan yang sewajarnya. Terima kasih.

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya soalan. Kenapakah sehingga kini masih ada lagi larangan untuk Ahli Parlimen menyertai program-program di sekolah atau dijemput untuk program-program sekolah macam saya sendiri di Titiwangsa.

Sehingga kini walaupun tidak ada arahan bertulis tetapi guru-guru besar mengatakan masih ada lagi larangan tersebut termasuk juga larangan-larangan untuk menyertai program-program PIBG. Malangnya ketua-ketua bahagian UMNO dan bekas Ahli Parlimen dahulu boleh pula dijemput. Kemudian yang lucunya pula ada surat pekeliling mengatakan iaitu dibolehkan meminta sumbangan daripada Ahli Parlimen, jadi minta dapat jawapan. Terima kasih.

Dato' Razali bin Ismail: Ini jauh lebih terpesong daripada yang pertama tadi... [*Dewan riuh*] Beginilah sebenarnya kalau sekiranya kehadiran Yang Berhormat dengan keadaan yang baik, dengan sopan membawa kepada perubahan-perubahan kesan yang baik kepada pembangunan pelajar-pelajar, itu tiada halangan.

Saya kira saya tidak mahu menjawab, sebab itu bukan persoalan daripada soalan pokok yang sedang dibincangkan. Terima kasih.

8. Puan Chong Eng [Bukit Mertajam] minta Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi menyatakan, program-program yang telah dilaksanakan untuk meningkatkan jumlah peniaga-peniaga wanita bumiputera dan bukan bumiputera. Nyatakan bagaimana pandangan wanita diambil kira semasa program-program ini dirancang.

Menteri Pembangunan Usahawan dan Koperasi [Dato' Haji Noh bin Haji Omar]: Kalau macam itu saya pun menjawab cara mana saya hendak jawablah. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Walaupun Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi ataupun MECD merupakan agensi peneraju dalam membangunkan usahawan dan koperasi ke arah mewujudkan masyarakat perdagangan dan perindustrian bumiputera, tetapi program-program MECD terbuka penyertaannya kepada semua kaum termasuklah kaum wanita.

Dalam Rancangan Malaysia Kelapan, MECD telah menerima peruntukan sebanyak RM5 juta secara *one off* bagi melaksanakan Program Pembangunan Keusahawanan Wanita. Di bawah program ini lebih 200 kursus atau latihan keusahawanan dilaksanakan oleh MECD.

Selain itu, MECD mempunyai satu program keusahawanan yang khusus kepada wanita iaitu Program Francais Wanita yang dilaksanakan bagi menggalakkan penglibatan wanita menceburi bidang perniagaan menerusi pendekatan francais. Melalui Tabung Usahawan Siswazah, seramai 31 siswazah bukan bumiputera mengikuti 11.9% daripada jumlah keseluruhan menerima pembiayaan daripada SME Bank.

■1040

Daripada jumlah ini, 12 siswazah atau 38.7% merupakan wanita bukan bumiputera. Selain itu melalui program penyewaan premis perniagaan di bawah UDA seramai 426 usahawan bukan bumiputera atau 31.3% daripada jumlah keseluruhan menerima kemudahan ini.

Daripada jumlah ini, 334 usahawan atau 54.9% merupakan usahawan wanita bukan bumiputera, sementara itu seramai 5,268 wanita atau 12.4% telah mendaftar sebagai kontraktor di bawah Pusat Khidmat Kontraktor berbanding lelaki seramai 37,373 orang atau 87.6%. Daripada jumlah ini 571 atau 10.8% merupakan kontraktor wanita bukan bumiputera, manakala dalam industri pengangkutan didapati seramai 4,318 wanita atau 12.4% telah menerima lesen kenderaan perdagangan daripada LPKP.

Daripada jumlah ini, seramai 1,721 atau 39.8% merupakan pemegang lesen wanita bukan bumiputera, ini membuktikan wanita mampu bersaing dalam kedua-dua industri tersebut yang biasanya di dominasi oleh kaum lelaki. MECD amat mengalu-alukan kaum wanita untuk menceburi bidang keusahawanan.

Justeru itu, MECD berhasrat untuk membangunkan pelan tindakan pembangunan usahawan wanita MECD, bagi meningkatkan pendapatan wanita dalam bidang keusahawanan. MECD juga akan mempergiatkan kerjasama strategi dengan Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat serta kementerian-kementerian lain dalam memastikan wanita terutamanya golongan ibu tunggal menceburi bidang keusahawanan dan seterusnya mampu meningkatkan ekonomi mereka.

Dalam membangunkan pelan tindakan ini, pandangan kaum wanita akan diambil kira melalui forum-forum tertentu, seperti Majlis Pembangunan Usahawan Daerah, Majlis Pembangunan Usahawan di peringkat kebangsaan yang turut dianggotai oleh pelbagai kaum dan juga pertubuhan NGO termasuk wanita. Terima kasih.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Terima kasih kepada Yang Berhormat menteri, nampaknya ada usaha untuk melibatkan pandangan wanita di dalam usahanya untuk meningkatkan peniaga-peniaga wanita sama ada bumiputera atau bukan bumiputera. Saya melihat ada *segregated data* dia dapat memberikan Dewan ini berapa orang peniaga wanita dan juga lelaki. Akan tetapi saya rasa ini belum...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Soalan Yang Berhormat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Ya, saya akan pergi ke soalan, memberi latar belakang dulu, saya rasa ada perkara yang perlu di jelaskan dulu. Seperti yang di katakan bahawa di dasarnya ataupun dananya dia tidak membezakan sama ada dia wanita atau lelaki ini dipanggil *gender blind*. Apabila kita ingin membantu golongan-golongan yang lebih lemah seperti wanita kita perlu mengakui atau *recognise the fact that...*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Wanita tidak lemah, Yang Berhormat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Wanita tidak lemah, tetapi secara kumpulan...

Timbalan Yang Di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, soalan Yang Berhormat.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Tuan Yang di-Pertua, biarlah saya habiskan

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ini bukan masa berucap Yang Berhormat, soalan ya.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: *As a matter of fact*. Dalam Kabinet hanya dua orang wanita, dalam Parlimen ini hanya 24 orang Ahli Yang Berhormat wanita. Inilah yang saya maknakan bahawa wanita secara kumpulan, adalah merupakan *a weaker* kumpulan. Itu sahaja seperti OKU, ada OKU yang berjaya juga. Jadi saya...

Seorang Ahli: Soalan, soalan.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Eh, Yang Berhormat Bintulu, apa masalah? Bangunlah, apa nak kata?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang lain diamlah, tolonglah.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Jadi yang penting ialah, Kerajaan Barisan Nasional pun ada dasar mengatakan ada *gender focal point* di setiap kementerian untuk mengurus perdanakan pandangan wanita. Jadi ini merupakan bahawa yang ada di dalam kedudukan yang tertinggi ini pun tidak faham dasar ini. Walaupun ini merupakan dasar Barisan Nasional. Ini yang kkuatirkan kita semua...

Dr. Haji Mohd. Puan Zarkashi [Batu Pahat]: Tuan Speaker, takkan dibiarkan berlarutan?

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Saya nak tanya ialah, adakah...

Seorang Ahli: Menteri tolong beritahulah, dia tidak faham.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: ...ada pegawai yang *in-charge* ini *gender focal point*? Yang sepatutnya mengurus perdanakan pandangan wanita dan mengadakan rancangan ataupun projek-projek untuk membantu wanita-wanita menjadi peniaga. Terima kasih.

Datuk Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Tolong beritahu, DAP wanita ada berapa di sini?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, tolonglah Yang Berhormat.

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat Bukit Mertajam yang cuba nampak menjadi juara kepada perjuangan wanita. Sebenarnya Yang Berhormat Bukit Mertajam mungkin tidak faham, apa Yang Berhormat nak cakap itu, Kerajaan Barisan Nasional lebih *advance* dulu dah.

Sebagai contoh, kita Barisan Nasional lah dulu kalau Yang Berhormat ingat, kita pinda Perlembagaan mengenai persamaan *gender*. Itu yang bagus Barisan Nasional. Untuk pengetahuan Yang Berhormat, kita juga ada Jawatankuasa Kabinet mengenai *gender* yang dipengerusikan sendiri oleh Perdana Menteri. Di dalam Jawatankuasa Kabinet ini, adalah kita fikir, kita bincang, kita memberikan peluang-peluang yang sama di antara lelaki dan juga wanita.

Dalam masa yang sama, kita juga tidak pernah tinggalkan wanita dalam semua bidang seperti yang saya nyatakan tadi. Setiap jawatankuasa keusahawanan, kita akan ambil wakil wanita, daripada situlah kita mendengar masalah-masalah wanita. Itu sebenarnya kita nyatakan tadi, kerajaan memberikan peruntukan khas RM5 juta *one-off* untuk kita membantu menunjukkan perusahaan wanita.

Francais juga kita ada pula tabung khas yang untuk kita ikuti program francais khas untuk wanita saja, yang kita sediakan tabung, begitu juga...

Seorang Ahli: *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Tidak payah jawab dialog Yang Berhormat

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: ...menunjukkan bahawa, apalah *you* kata *gender focal point* ke apa juga, tetapi apa yang penting ialah matlamat.

Istilah yang kedua, masalah yang membuktikan apa jua suara dan pandangan wanita terutamanya wanita yang menyokong kerajaanlah. Namun, macam Yang Berhormat banyak kritik sahaja susah kita terima dan apa jua kita buat Yang Berhormat tidak akan terima. Jadi yang menyokong kita, kita bagi.

Saya bagi contoh, dalam satu dialog dia kata, dia minta MARA sebagai contoh menentukan bagi beberapa kolej ataupun maktab, berilah peluang wanita bersaing sesama dia. Oleh sebab itu MARA ambil tindakan, kita akan tentukan tiga Maktab Rendah Sains Mara khas untuk wanita, ada yang bersaing, tender ini kita buka untuk khas untuk wanita.

Dalam kita berdialog dengan ibu tunggal, dia minta tolong sediakan satu peruntukan khas kepada ibu tunggal. Maka kementerian memperuntukkan RM1.5 juta khas untuk ibu tunggal, tetapi semua pemohon-pemohon ini mesti dipohon melalui persatuan, kerana mereka ada persatuan. Jadi mana persatuan-persatuan yang PUSPANITA berdialog dengan kita.

Ertinya kerajaan Barisan Nasional ini peka, apa juga yang disuarakan oleh rakyat terutamanya kaum wanita. Apa yang mengakibatkan keadaan kelim kabut ini orang seperti Yang

Berhormat selalu putar belit apa yang kerajaan buat. Jadi kalau semua pembangkang faham dan tidak putar belit apa yang kerajaan buat, maka tidak timbul masalah hari ini. Terima kasih

Dato' Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Menteri. Saya ucapkan tahniah kepada kerajaan kerana telah banyak melahirkan usahawan wanita di negara kita. Cuma pembangkang ini tidak ambil kisah, dia cuma nak kompelin kita saja.

Soalan saya Yang Berhormat Menteri, di kalangan pengusaha wanita ini, kita terima kasih banyak. Akan tetapi, saya nak berikan perhatian, minta pandangan menteri ialah ibu tunggal yang Yang Berhormat sebutkan tadi, kerana mereka adalah kalangan wanita yang menghadapi masalah yang cukup berat. Bukan saja tidak ada lagi tempat bergantung, tetapi membawa ataupun memikul tanggung jawab yang besar, menyara anak-anak dan keluarga sebagainya.

Walaupun pihak kementerian ada program, tapi saya nak tanya, apakah program yang khusus? Apakah pihak kementerian mempunyai program yang khusus yang memberikan perhatian yang serius kepada ibu tunggal dalam bidang perniagaan? Ini kerana saya dapat maklumat di kawasan luar bandar, walaupun sudah dibuat tetapi masih ada lagi ada kelemahan-kelemahan yang perlu kita perlihatkan. Apakah program yang betul-betul serius yang dijalankan oleh pihak kementerian? Terima kasih.

■1050

Dato' Haji Noh bin Haji Omar: Terima kasih Yang Berhormat yang juga mengambil berat mengenai wanita. Dua pendekatan kita, yang pertama ialah kita memberikan pendedahan dahulu kepada budaya keusahawanan di kalangan ibu-ibu tunggal ini. Program ini kita buat melalui persatuan-persatuan ibu tunggal di mana berbagai-bagai kursus kita sediakan. Yang kedua ialah secara praktikal iaitu ia dinamakan Program Menjana Pendapatan di mana ibu-ibu tunggal yang menghadiri kursus ini, habis saja mereka menghadiri kursus, kita akan memberi mereka peralatan. Kalau mereka menghadiri kursus mengandam ataupun kecantikan, habis saja kursus, kita terus berikan satu alat solekan supaya mereka habis saja kursus, mereka sudah boleh mula untuk mengadakan aktiviti-aktiviti untuk menjana pendapatan mereka.

Kalau mereka menghadiri kursus jahitan, habis saja kursus, kita bagi mesin seorang satu bawa balik supaya dia bermula menjahit pakaian untuk keluarga dia, lepas itu nanti dia rasa seronok menjadi usahawan dengan bermula dengan menggunakan satu mesin dan lepas itu kalau dapat tempahan, maka dalam kursus kita bagi tahu dia, kalau nak tambah lagi mesin, boleh pinjam dengan TEKUN, RM50,000 ke bawah tanpa penjamin dan juga cagaran.

Jadi ini program-program pendekatan yang kita buat di mana kita mengadakan program ini bersama-sama dengan persatuan-persatuan ibu tunggal yang memang ada di seluruh negara. Jadi, kita lihat Program Menjana Pendapatan ini amat berkesan untuk kita membantu mengurangkan beban kepada ibu-ibu tunggal. Terima kasih.

[Soalan No.9 – Y.B. Tuan Billy Abit Joo (Hulu Rajang) tidak hadir]

10. Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai] minta Menteri Kewangan menyatakan, mengapa Takaful Malaysia tidak lagi memberikan keuntungan mudarabah kepada pemegang polisi Takaful kenderaan dan adakah benar pengurusan Takaful ini telah diambil alih oleh syarikat lain.

Timbalan Menteri Kewangan II [Dato' Kong Cho Ha]: Tuan Yang di-Pertua, untuk makluman Yang Berhormat, syarikat Takaful Malaysia Berhad telah mengumumkan dalam media pada bulan April dan Ogos 2008 bahawa pembayaran mudarabah sebanyak 10% telah dibuat kepada pemegang sijil polisi yang melanggan produk Takaful Am termasuk Takaful Am Motor, pemilik rumah dan korporat. Pembayaran ini dibuat kepada polisi yang tamat tempoh selepas bulan Mac 2007. Peserta serta pemegang sijil layak mendapat 10% daripada sumbangan bersih sekiranya tiada tuntutan dibuat terhadap polisi mereka dan semua pembayaran telah dibayar sepenuhnya bagi tahun berkenaan.

Semenjak bulan Mac 2007 sehingga bulan Ogos 2007, Takaful Malaysia telah membuat bayaran lebih daripada RM16 juta dalam bentuk keuntungan mudarabah. Oleh itu, bagi para peserta atau pemegang polisi yang belum lagi menerima apa-apa bayaran atau memerlukan penjelasan lanjut, mereka boleh mendapatkan maklumat tambahan mengenai pembayaran perkongsian keuntungan mudarabah ini dengan menghubungi pusat khidmat pelanggan Takaful Malaysia di talian telefon 1300-825-2385 atau dengan menghantar e-mel kepada CSU@Takaful-Malaysia.com.my atau melayari laman web di alamat www.Takaful-Malaysia.com.

Untuk makluman Yang Berhormat, pemegang saham utama Takaful Malaysia ialah BIMB Holdings Berhad dengan jumlah pegangan sebanyak 67.89%. Pengurusan Takaful Malaysia masih kekal dan tidak berubah dan diterajui oleh pengarah urusan kumpulannya iaitu Yang Berbahagia Datuk Mohamad Hassan bin Mohamad Kamil. Sekian.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih kepada Timbalan Menteri. Soalan ini kita kemukakan lebih kurang dua bulan yang lalu sebelum sidang kita dan mengikut maklumat yang saya dapati, daripada minggu lepas sudah ada orang yang menerimalah hasil daripada mudarabah ini. Ertinya jawapan menteri tadi okey cuma dalam dua tahun yang lalu ini, rungutan yang diberikan ialah mereka tidak mendapat keuntungan mudarabah ini, sebab itu kita kemukakan soalan. Selanjutnya, saya nak bertanya adakah menjadi dasar kepada kerajaan supaya mana-mana syarikat yang memberikan perkhidmatan takaful kenderaan ini ataupun takaful yang lain yang atas nama Takaful bercadang untuk menyelaraskan supaya setiap syarikat ini memberikan keuntungan mudarabah dan tidak seperti NCD bagi syarikat-syarikat insurans konvensional yang lain, terima kasih.

Dato' Kong Cho Ha: Untuk makluman Yang Berhormat, bayaran perkongsian keuntungan mudarabah ini dibayar di atas ataupun *over and above* NCD yang juga diberi dan untuk makluman Dewan yang mulia ini, peratusan keuntungan mudarabah yang dibayar adalah

bukan satu kadar yang kekal. Itu adalah mengikut untung rugi syarikat itu dan itu juga untuk syarikat-syarikat takaful yang lain, mereka ada sistem-sistem tersendiri untuk menguruskan bayaran mudarabah ini.

Dr. Lo' Lo' Haji Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri, sama ada bayaran yang telah tertunggak dua tahun yang dulu akan dibayar balik oleh Takaful kepada peserta-peserta ataupun tidak. Yang keduanya juga, saya difahamkan sejak apa yang dikatakan dasar untuk tidak memberi lagi mudarabah ini berlaku, telah ramai di kalangan pelanggan-pelanggan Takaful Malaysia telah pun berubah kepada syarikat-syarikat lain oleh kerana tidak berpuas hati dengan tindakan atau keputusan yang terakhir yang tersebut. Demikian juga dengan beberapa kakitangan-kakitangan yang berpengalaman juga telah meninggalkan Takaful Malaysia. Adakah ini benar dan apakah tindakan pihak kementerian tentang perkara yang tersebut. Terima kasih.

Dato' Kong Cho Ha: Terima kasih Yang Berhormat. Selepas penstrukturan semula syarikat Takaful Malaysia Berhad ini, bayaran-bayaran keuntungan mudharabah ini tidak pernah berhenti dan selama syarikat Takaful Malaysia Berhad itu beroperasi, ia tidak pernah tak bayar mudarabah. Jadi, untuk mereka yang bermasalah...

Dr. Lo' Lo' Haji Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Yang Berhormat Menteri, saya sendiri pun adalah peserta Takaful dan tidak menerima mudarabah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, tak apa, tak apa Yang Berhormat. Dengar dulu penjelasan Yang Berhormat ya.

Dato' Kong Cho Ha: Untuk mereka yang mempunyai ataupun menghadapi masalah untuk mendapat bayaran keuntungan mudarabah ini, jadi boleh mengemukakan kes-kes tertentu itu kepada cawangan-cawangan yang ada. Sekian, terima kasih.

11. Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam] minta Menteri Kesihatan menyatakan:

- (a) berapakah nisbah satu mesin dialisis pesakit yang ingin dicapai oleh kementerian memandangkan 1,278 buah mesin untuk 122 hospital adalah amat kekurangan; dan
- (b) adakah kementerian mempertimbangkan menyediakan mesin dialisis mudah alih.

Timbalan Menteri Kesihatan [Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Simpang Renggam. Untuk jawapan,

- (a) Nisbah sebuah mesin seorang pesakit adalah satu mesin kepada lima pesakit.
- (b) Kita memang sudah pun menyediakan mesin dialisis mudah alih.

Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat ...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Saya belum panggil Yang Berhormat Simpang Renggam lagi ini. Saya masih memikirkan jawapan kepada soalan itu begitu..., soalan *precise*, jawapan *precise*. Jadi ada lagi soalan Yang Berhormat?

Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam]: Ada, ada.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ha tanyalah.

Tuan Liang Teck Meng [Simpang Renggam]: Tahniah kepada Yang Berhormat Menteri atas jawapan yang singkat dan tepat itu. Soalan tambahan saya, mengikut data yang diberikan oleh *Malaysian Dialysis and Transplant Registry*, pada tahun 2007 ada terdapat 17,367 orang yang menghidap *end stage renal failure* di negara kita ini.

■ 1100

Jadi saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat Menteri, apakah kementerian mempunyai kerjasama dengan sektor swasta bagi memastikan pesakit ataupun orang tersebut dapat rawatan dialisis yang optimum. Sekian, terima kasih.

Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad: uan Yang di-Pertua, terima kasih soalan Yang Berhormat Simpang Renggam, jelas Yang Berhormat Simpang Renggam banyak buat *homework* walaupun Yang Berhormat bukan pakar nefrologi. Memang betul mengikut maklumat yang ada di kementerian, kapasiti kementerian yang mempunyai 132 pusat memang tidak dapat menampung 17,367 pesakit yang mendapat dengan izin, *end stage renal failure*, yang dikatakan oleh Yang Berhormat Simpang Renggam.

Justeru itu kementerian mestilah bekerjasama, pertama dengan NGO kerana terdapat banyak NGO seperti Lion Group, Rotary Club, dan sebagainya yang mempunyai 123 pusat yang mempunyai mesin sebanyak 1,836 yang memberikan rawatan kepada 5,000 pesakit dan juga sektor swasta yang mempunyai lebih banyak pusat iaitu 186 pusat melibatkan 1,787 mesin. Bilangan pesakit yang dirawat adalah 6,000 pesakit. Kementerian memang bekerjasama, kita bagi insentif RM50 setiap pesakit setiap kali sesi dialisis kerana kalau dapat *end stage renal failure* biasanya dia selang sehari, maknanya dalam seminggu, sekurang-kurang tiga atau empat hari mereka mendapat rawatan dialisis.

Setiap dialisis kita bagi RM50 insentif kepada pesakit. Selain itu kita memang menggalakkan sektor NGO dan swasta untuk menambah kapasiti dan pada waktu yang sama perkara yang paling penting kita juga memantau standard yang diwujudkan bagi memastikan semua pusat-pusat dialisis ini mengikut piawaian yang ditetapkan.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tadi Timbalan Menteri menyatakan bahawa kesemua pesakit yang dirawat di bawah NGO ataupun badan-badan yang dengan izin, *non-profit organization* ada subsidi yang diberikan tetapi baru-baru ini saya terima aduan bahawa baru-baru ini sahaja mereka diberhentikan subsidi tersebut. So

adakah ini benar dan kalau benar apakah sebabnya dan adakah kerajaan memberi jaminan akan meneruskan dengan subsidi yang biasa diberikan kepada badan-badan NGO yang mengendalikan mesin-mesin dialisis ini.

Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad: Tuan Yang di-Pertua, soalan spesifik saya akan kaji dan saya akan bagi jawapan kepada Yang Berhormat Beruas.

12. Tuan Haji Che Uda bin Che Nik [Sik] minta Menteri Pelajaran menyatakan, memandangkan kebanyakan kementerian lain menjadikan sekolah sebagai sasaran aktiviti mereka, adakah kementerian sedar perkara ini amat membebankan pelajar dan guru. Apakah langkah kementerian mengatasi hal tersebut.

Timbalan Menteri Pelajaran II [Dato' Razali bin Ismail]: Kementerian memang sentiasa peka tentang penyertaan dan juga penglibatan kementerian-kementerian lain dengan aktiviti-aktiviti di sekolah. Namun kenyataan bahawa ia amat membebankan pelajar dan guru adalah harus dilihat dengan lebih teliti. Ada kegiatan-kegiatan yang dibuat misalnya daripada Kementerian Belia dan Sukan yang boleh mendatangkan manfaat kepada para pelajar kita. Dalam usaha kita memperkasakan kecerdasan, kesihatan dan juga pembangunan minda anak-anak kita.

Kementerian-kementerian yang sering terlibat dalam kegiatan Kementerian Pelajaran adalah Kementerian Belia dan Sukan, Kementerian Kesihatan, Kementerian Pembangunan Keusahawanan dan Koperasi, Kementerian Alam Sekitar, PNB juga, PTPTN daripada Pengajian Tinggi juga PDRM. Kebanyakan kegiatan-kegiatan ini kita kawal dengan peraturan-peraturan tertentu agar keselamatan dan juga kebajikan guru-guru dan murid tidak terjejas. Kementerian Pelajaran juga sentiasa menganjurkan program-program dan aktiviti yang melibatkan kerjasama dengan kementerian-kementerian luar ini dan adalah menjadi tanggungjawab Kementerian Pelajaran untuk menjaga kebajikan, keselamatan murid dan guru seluruh negara.

Maka semua penyertaan guru dan murid sekolah dalam program serta aktiviti-aktiviti yang dianjurkan oleh agensi luar, kementerian luar ini mematuhi peraturan-peraturan dan arahan-arahan dalam surat-surat pekeliling yang tersedia seperti:

- (i) Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 9/2004 mengenai panduan, penglibatan murid-murid sekolah dalam program atau aktiviti-aktiviti agensi-agensi selain daripada agensi di bawah Kementerian Pelajaran;
- (ii) Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 7/1988, iaitu penyertaan pelajar dalam pertandingan atau kejohanan sukan anjuran persatuan atau badan induk sukan;
- (iii) Surat Pekeliling Ikhtisas Bil. 24/1988, iaitu berkaitan dengan penglibatan guru dan murid dalam aktiviti pasukan pakaian seragam anjuran agensi kerajaan dan pertubuhan bukan kerajaan.

Tuan Haji Che Uda bin Che Nik [Sik]: Tuan Yang di-Pertua, Timbalan Menteri, walaupun jawapan itu nampaknya tidak membebankan tetapi hakikatnya apa yang berlaku di sekolah-sekolah amat membebankan. Pengalaman saya dulu di sekolah saya amat sedar benda ini dan saya rasa satu peraturan jelas perlu diberikan kepada kementerian-kementerian lain atau badan-badan kebajikan lain yang mahu menggunakan kerjasama sekolah dalam menyelesaikan masalah atau menyelesaikan program-program mereka. Terima kasih.

Dato' Razali bin Ismail: Sebenarnya kita ada pemantauan iaitu mekanisme yang ada daripada Jabatan Pelajaran Negeri, daripada PPD, daripada guru besar, daripada pengetua dan juga guru-guru yang terlibat di situ harus memastikan mereka mematuhi segala peraturan-peraturan yang sedia ada sebab *core business* pendidikan di sekolah adalah untuk memastikan anak-anak belajar, guru-guru mengajar dalam proses mereka diperkasakan segala potensi-potensi pada diri pelajar itu. Jadi kawalan-kawalan ini saya harap tidak dilepaskan, tidak terlepas pandang oleh pihak-pihak yang berwajib di Kementerian Pelajaran.

Tuan M. Manogaran [Telok Intan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan saya mengenai aktiviti-aktiviti melalui kementerian, Program Khidmat Negara adalah satu program yang dikendalikan di bawah aktiviti sekolah kah tidak? Soalan saya, apa pasal aktiviti Program Latihan Khidmat Negara yang telah mengakibatkan beberapa nyawa terkorban masih dilanjutkan? Tidakkah pihak Kementerian Pelajaran mengambil kira bahawa mereka ada kepentingan dalam kebajikan murid-murid yang terlibat? Terima kasih.

Dato' Razali bin Ismail: Yang Berhormat, Kementerian Pelajaran tidak terlibat secara langsung dalam Program Khidmat Negara itu. Sesungguhnya di sekolah-sekolah kita, kita ada aktiviti-aktiviti pra Khidmat Negara dengan latihan-latihan yang bersifat lasak dengan latihan kawad, dengan latihan kadet polis tentera, unit beruniform yang lain. Ini adalah merupakan ruang lingkup Kementerian Pelajaran, yang dipersoalkan tadi Khidmat Negara itu di bawah Kementerian Pertahanan namun dia ada kerjasama dengan Kementerian Pelajaran Malaysia.

13. Tuan Aaron Ago Dagang [Kanowit] minta Menteri Pelajaran menyatakan, langkah kerajaan mengatasi prestasi akademik yang lemah bagi murid-murid di sekolah rendah dan sekolah menengah. 'Berapakah peratus murid-murid sekolah di bandar dan luar bandar.'

Tuan Aaron Ago Dagang [Kanowit]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Sebelum saya mengemukakan soalan ini, saya ingin membuat pembetulan sikit ke atas soalan ayat yang kedua iaitu sepatutnya berbunyi begini, "Berapakah peratusan murid-murid dalam golongan tersebut di sekolah-sekolah di bandar dan luar bandar".

Timbalan Menteri Pelajaran II [Dato' Razali bin Ismail]: Kata kunci Kementerian Pelajaran, "*Education for all*". Pendidikan untuk semua. "*No child left behind*", tidak ada anak-anak yang ketinggalan di belakang, merupakan kata tunjang kepada misi Kementerian Pelajaran dalam usaha kita membangunkan modal manusia, modal insan ini. Kementerian Pelajaran

begitu peka terhadap permasalahan dan bagi pelajar-pelajar lemah dari segi akademik sama ada di bandar mahupun di luar bandar.

■1110

Oleh yang demikian, pelbagai langkah atau program telah dirangka, direka bagi manfaat untuk memulihkan anak-anak kita yang lemah dalam pembelajaran itu. Di antara program-program yang disediakan oleh Kementerian Pelajaran ialah Intervensi Awal yakni di tahun satu, bulan yang pertama, kedua dan ketiga. Ini disebut sebagai KIA 2M iaitu program-program kelas KIA 2M itu ertinya Kelas Intervensi Awal Membaca dan Menulis.

Bagi anak-anak kita yang pernah mengikuti pra sekolah contohnya mereka ini barangkali lebih beruntung berbanding dengan anak-anak kita tidak melalui proses pendidikan pra sekolah. Selain daripada itu, kita juga ada program pemulihan khas seandainya anak-anak ini tidak dapat dipulihkan dalam tempoh intervensi awal itu. Kita ada juga program 3M iaitu Membaca, Menulis dan Mengira atau Program PROTIM yang disebut sebagai PROTIM dan juga Program Bimbingan Sekolah Menengah ketika mana anak-anak ini tidak dapat dipulihkan peringkat rendah apabila mereka berada di sekolah menengah, kita masih menyusuli dan menyambal tindakan-tindakan melalui Program Pemuda Membaca, Menulis peringkat menengah pula.

Untuk maklumat Yang Berhormat, pelbagai kegiatan dibuat oleh Kementerian Pelajaran dan kita ada bahagian khas di Kementerian Pelajaran yang menangani segala isu permasalahan berhubung dengan anak-anak yang lemah dalam pembelajaran ini. Namun, anak-anak kita yang menghadapi kecacatan dari segi penglihatan, pendengaran dan *special difficulties* juga ada tindakan-tindakan dan rawatan-rawatan yang diambil.

Berhubung dengan kegiatan yang paling penting juga dibuat oleh Kementerian Pelajaran adalah untuk memantapkan kewibawaan guru-guru yang mengajar. Selain daripada hubungan kita dengan agensi-agensi lain seperti NGO, seperti dengan hospital kesihatan dan juga agensi-agensi lain untuk memastikan tindakan secara bersepadu dan bersinergi itu dapat dilakukan.

Untuk persoalan berapakah peratusan murid-murid luar bandar dan bandar yang menghadapi masalah, sesungguhnya, saya tidak mempunyai statistik. Namun, kita mempunyai statistik berdasarkan kepada negeri dan saya boleh memberi statistik ini kepada Yang Berhormat secara personal kerana ini merupakan yang agak *detail* barangkali untuk saya sebut satu persatu kepada 13 buah negeri seluruhnya.

Tuan Aaron Ago Dagang [Kanowit]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, dasar *no child left behind* ini banyak pemikir telah mengatakan ada *meaning* meritokrasi.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Soalan tambahan Yang Berhormat.

Tuan Aaron Ago Dagang [Kanowit]: Ya, terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih atas jawapan Yang Berhormat Menteri yang begitu menyeluruh sekali. Memang kita melihat masalah murid-murid yang lemah ini. Bagi saya, saya melihat masalah ini adalah mungkin lebih berpunca kepada sistem pelajaran kita yang sedia ada walaupun masalah disiplin adalah satu daripada punca kelemahan murid-murid ini di sekolah.

Sebagai contoh, kalau kita melihat mungkin memang kerajaan cuba dengan bersungguh-sungguh untuk memberi pelajaran asas kepada murid-murid dari kecil dahulu dalam sistem pelajaran tadika tetapi di luar bandar malangnya masih banyak tempat-tempat di pedalaman belum ada sekolah tadika. Jadi, inilah satu punca di mana apabila mereka masuk kepada peringkat *primary school*, mereka ini akan didedahkan kepada *syllabus* yang begitu tinggi sekali yang mungkin dibuat untuk murid-murid di bandar-bandar yang sudah mengalami sekolah awal dahulu. Apabila mereka ini sudah masuk ke peringkat tingkatan, setelah gagal di peringkat *primary 6*, juga terus masuk ke peringkat tingkatan dan juga Tingkatan 4 dan seterusnya. Saya ingat dasar ataupun sistem pelajaran ini perlu di...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Soalan Yang Berhormat.

Tuan Aaron Ago Dagang [Kanowit]: Ya. Jadi, soalan saya adalah adakah kerajaan akan mengkaji masalah dasar ataupun sistem pelajaran ini supaya ianya dapat mengatasi masalah murid-murid yang lemah dalam pelajaran mereka? Terima kasih.

Dato' Razali bin Ismail: Isu tentang mengkaji dasar. Ini adalah merupakan kepekaan kita untuk sentiasa kita menyemak sebab keadaan berubah dan kita tidak boleh statik dan kita tidak boleh menjarakan diri kita dalam keselesaan ataupun *the comfort zone* lebih-lebih lagi keadaan pertambahan ledakan maklumat yang berlaku sekarang ini.

Tadi, beberapa perkara yang telah disebut oleh Yang Berhormat berhubung dengan tadika luar bandar. Kita jangan mengambil mudah bahawa anak-anak di luar sekolah tidak mendapat pra sekolah. Sebenarnya, ada ibu bapa. Saya pernah pergi ke kawasan Yang Berhormat iaitu di kawasan Ulu Kapit, Nanga apa nama? Saya lupa sudah. Saya melihat ada kelas tadika di situ dan di puncak bukit, di atas bukit ada sebuah rumah yang saya lihat terbiar di situ. Saya pergi menyiasat, rumah apa di situ. Sebenarnya ini adalah rumah daripada orang-orang dari perbukitan yang datang untuk datang dan menghantar anak-anak mereka ke kelas-kelas tadika.

Ini merupakan satu keprihatinan yang sudah timbul di kalangan masyarakat luar bandar. Mereka sanggup datang dari perbukitan, tinggal di rumah yang agak lusuh, usang dengan anak-anaknya dan pagi-pagi dia hantar anak-anak kecil itu ke tadika. Ini ertinya ada keprihatinan. Saya rasa masyarakat kita sudah sedar tentang pentingnya pendidikan. Oleh sebab itu, kita perlu banyak kerjasama di pelbagai agensi yang lain, NGO, daripada Perpaduan, daripada KEMAS untuk benar-benar menyemarakkan kegiatan pra sekolah ini.

Selain daripada itu, disebut tadi tentang kaedah-kaedah yang dibuat secara *standardize*. Kita sekarang di Kementerian Pelajaran memikirkan aspek *Indigenous Paralogical Knowledge* dengan izin iaitu dengan mengambil kira faktor-faktor *local*, faktor-faktor tempatan untuk kita meraikan anak-anak daripada pelbagai macam ragam pemikiran dan juga kemampuan. Jadi, *this Indigenous Paralogical Knowledge* ini juga sedang diusahakan. Malah, dua buah maktab perguruan yakni Maktab Perguruan Keningau, Maktab Perguruan Rajang telah dipertanggungjawabkan untuk mengkaji tentang cara-cara yang sesuai bagi digunakan, dimanfaatkan oleh anak di luar bandar. Ada kaedah yang berbeza. Berbeza dengan keadaan anak-anak kita di kawasan metropolitan, di kawasan bandar. Ini adalah merupakan satu pendekatan. Tadi juga saya bersetuju bahawa automatik *promotion* bagi anak-anak kita ini perlu dilihat dan saya kira ini merupakan agenda di Kementerian Pelajaran untuk melihat kita memantau, kita melakukan saringan diagnostik kepada sanak-anak ini sebelum mereka lulus dan pergi kepada kelas yang lebih tinggi. Terima kasih Yang Berhormat.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Yang Berhormat, walaupun ada banyak program yang diadakan dan saya hendak tahu sejauh mana keberkesanan program-program ini untuk mengenal pasti apakah punca prestasi akademik pelajar-pelajar ini lemah? Ini kerana baru-baru ini, dua minggu yang lepas saya pergi ke kawasan setinggan kaum komuniti India. Mereka tidak mampu membayar tambang bas untuk pergi ke sekolah dan ada juga yang diberi makanan tambahan tetapi makanan yang diberi tidak sesuai. Pelajar itu enggan pergi sekolah sebab kalau mereka pergi ke sekolah, makanan tidak sesuai, enak tidak ada duit untuk bagi mereka.

Jadi, walaupun ada program untuk membantu mereka untuk mengejar ke tahap sedemikian tetapi kalau mereka mengalami masalah keluarga, masalah kemiskinan tidak kesampaian program-program ini kepada mereka. Jadi, saya pohon hendak tahu apakah punca yang dikenal pasti? Kita mesti mengatasi puncanya dahulu barulah kita boleh berjaya menjayakan program ini.

Dato' Razali bin Ismail: Terima kasih Yang Berhormat. Satu pandangan yang cukup baik. Kita tidak melihat permasalahan pembelajaran anak-anak kita dalam konteks *piece meal* tetapi dalam konteks yang menyeluruh, *the big picture*. Dalam konteks yang menyeluruh, pandangan yang holistik. Terima kasih. Ini kerana punca kelemahan anak-anak kita itu pelbagai macam. Ada yang berpunca daripada masalah kesihatan, masalah organik, masalah fizikal, masalah sistem saraf, masalah kemiskinan, (PNP) Pengajaran, pembelajaran di sekolah, sikap ibu bapa. Pelbagai macam.

Oleh yang demikian, kajian-kajian dibuat. Oleh sebab itu, di Kementerian Pelajaran kita ada satu bahagian khas untuk menangani isu-isu berhubung dengan anak-anak kita yang tercicir dan juga yang dahulu disebut Lembam Remedial Student, Education Subnormal (ESN). Ini adalah merupakan perkara yang diberi perhatian. Tadi disebut tentang bantuan. Saya berterima

kasih kepada Yang Berhormat. Pelbagai macam bantuan telah diberi kepada anak-anak kita. Anak-anak kita yang cacat sekarang ini diberi, ditambah bantuan bulanan daripada RM50 sebulan kepada RM150 sebulan. Ini membantu anak-anak yang miskin dan yang menghadapi kecacatan dan kerencatan.

Selain daripada bantuan tambahan berupa Rancangan Makanan Tambahan Kumpulan Wang Amanah Pelajar Miskin, Bantuan Baucar Tuisyen dan sebagainya. Ini menunjukkan keprihatinan kita dan ini selari dengan bajet 2009. Bajet prihatin, kerajaan prihatin. Terima kasih banyak.

14. Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat] minta Menteri Kewangan menyatakan kenapakah orang India tidak dipilih untuk menjawat jawatan pengarah dalam lembaga pengarah dan juga dalam panel penasihat antarabangsa di LOFSA dengan adanya pakar-pakar dalam bidang kewangan dan pengurusannya dalam lembaga tersebut.

■1120

Timbalan Menteri Kewangan II [Dato' Kong Cho Ha]: Tuan Yang di-Pertua untuk makluman Yang Berhormat, pelantikan individu sebagai Ahli Lembaga Pengarah LOFSA bergantung kepada keperluan dan kepakaran yang dikehendaki untuk pembangunan Pusat Perniagaan dan Kewangan Antarabangsa Labuan atau Labuan IBFC tanpa mengira bangsa. Pelantikan tersebut adalah selaras dengan peruntukan seksyen 5 atau Lembaga Perkhidmatan Kewangan Luar Pesisir Labuan 1996 yang memperuntukkan bahawa pelantikan seorang pengerusi, ketua pengarah dan tidak kurang dari tiga atau tidak melebihi tujuh ahli lembaga yang lain. Dua dari ahli lembaga tersebut mestilah dari sektor awam. Dalam usaha meningkatkan daya saing Labuan IBFC, Lembaga Pengarah LOFSA telah melantik beberapa orang pakar tempatan dan antarabangsa bagi menganggotai Panel Penasihat Antarabangsa LOFSA. Dengan izin LOFSA *International Advisory Panel* iaitu sebuah badan perunding yang menasihati LOFSA tentang hala tuju strategi Labuan IBFC berkaitan pembangunan, perniagaan, dan pasaran.

Ini termasuk dua orang pakar berketurunan India sebagai ahli panel penasihatnya iaitu seorang warganegara Malaysia berketurunan India pakar dalam pasaran modal dan bidang kewangan antarabangsa dan juga *Financial Controller* Petronas dengan izin. Iaitu Encik George Deterville seorang warganegara India Encik Iqbal Khan, pakar dalam bidang perbankan termasuk kewangan Islam yang telah dilantik oleh Lembaga Pengarah bagi menganggotai Panel Penasihat Antarabangsa LOFSA.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Kita semua tahu bahawa kerajaan ada dasar-dasar untuk meresap semua kaum bila ada kerja kosong sebagai *director* dan sebagainya. Akan tetapi di LOFSA ini sudah lama di mana orang-orang minoriti tidak diberi peluang. Bukan sahaja LOFSA yang saya ingin utamakan, tetapi juga GLC dan banyak lagi badan-badan kerajaan. Di mana tidak ada polisi kerajaan betul-betul diimplementasikan, di mana semua rakyat berbilang kaum diberi peluang untuk mendapat jawatan tersebut, termasuk orang-orang peribumi seperti Orang Asli. Nampaknya mereka telah

dipinggirkan. Apakah dasar kerajaan supaya semua rakyat, tidak kira apa bangsa sahaja dapat peluang sedangkan mereka ada kelayakan-kelayakan yang tertentu supaya mendapat jawatan tersebut.

Dato Kong Cho Ha: Terima kasih Yang Berhormat. Apa yang saya jawab sebentar tadi bahawa pelantikan ahli lembaga adalah bergantung kepada keperluan dan kepakaran. Tidak bergantung kepada bangsa. Jadi untuk Lembaga Pengarah LOFSA dan *International Advisory Panel*, jadi yang saya kata tadi pelantikan itu semua adalah mengikut Lembaga LOFSA dan di dalam *International Advisory Panel* juga ada dua orang yang berketurunan India juga.

Dr. P. Ramasamy [Batu Kawan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya rasa Yang Berhormat Timbalan Menteri sendiri tahu apa itu jawapan sebenarnya. Kenapa masyarakat minoriti dipinggirkan di Malaysia. 50 tahun bukan atas dasar keperluan, bukan atas dasar kehandalan. 50 tahun masyarakat India, masyarakat orang estet telah dipinggirkan. Itu kerana politik dan 30 tahun selepas Dasar Ekonomi Baru ini *hegemony* UMNO, dipinggirkan masyarakat India. So, Yang Berhormat Timbalan Menteri ini beri jawapan macam mana? Keperluan, kehandalan ini saya rasa susah mahu terima. Bukan, ini timbalan menteri tidak terima jawapan. Cakap semua ini....

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: *Point of order*, ini sangkaan jahat 36(6). Mana ada UMNO buat orang India susah.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: [*Menyampuk*]

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ini sangkaan jahat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, Yang Berhormat..

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: UMNO tidak ada hasrat macam itu.

Dr. P. Ramasamy [Batu Kawan]: Ada jawapan, ada soalan...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Tunggu Yang Berhormat. Kalau peraturan dibangkit Yang Berhormat, *you* sendiri kena duduk dulu. Itu peraturan Yang Berhormat.

Dr. P. Ramasamy [Batu Kawan]: Apa peraturan?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Saya yang buat keputusan Yang Berhormat. Dia bangkitkan peraturan, saya akan jawab.

Dr. P. Ramasamy [Batu Kawan]: Apa peraturan?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Duduklah dulu. Duduk Yang Berhormat.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: 36(6), dia menyatakan UMNO bahawa membuat diskriminasi kepada warga India. Ini tidak betul.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Duduk Yang Berhormat. Okey Yang Berhormat. Yang Berhormat Kinabatangan duduk Yang Berhormat.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: *You* duduklah! *You* tahu peraturankah? *You* duduk!

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: Betul UMNO buat diskriminasi.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat....

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: *You* tidak tahu peraturan, *you* belajar dulu.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: *[Menyampuk]*

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: *You* belajar dengan Yang Berhormat Ipoh Barat, Yang Berhormat Ipoh Barat pandai! *You* belajar dengan Yang Berhormat Ipoh Barat, Yang Berhormat Ipoh Barat pintar sikit.

Tuan N. Gobalakrishnan [Padang Serai]: *[Menyampuk]*

Tuan Lim Lip Seng [Segambut]: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Sudah reda Yang Berhormat? Sudah puas hati itu? Sila Yang Berhormat. Bukan Yang Berhormat buat penjelasan. Tidak apa. Soal lagi. Soalan yang dibangkit oleh Yang Berhormat Kinabatangan *general* sangat.

Dr. P. Ramasamy [Batu Kawan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Cuma saya hendak bincangkan secara bagi konteks sebelum saya tanya soalan. Ada soalan bukan tidak ada. Jangan takut. Kepada Timbalan Menteri Kewangan ini, selepas tsunami politik ini, apakah langkah-langkah yang telah diambil oleh Kerajaan Barisan Nasional supaya memberi perlindungan, memberi kehormatan, memberi pengiktirafan kepada kaum-kaum minoriti seperti India, Orang Asli dan lain-lain supaya mereka dapat menyertai dalam lembaga-lembaga kerajaan supaya sama taraf dengan masyarakat yang kita rasa masyarakat majoriti. Itu soalan saya. Tolong jawab timbalan menteri. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Sudah-sudah Yang Berhormat. Bukan Yang Berhormat Kinabatangan yang jawab Yang Berhormat. Sila.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Ini berbeza dengan profesor dan orang lain.

Dato Kong Cho Ha: Terima kasih Yang Berhormat. Sebenarnya soalan Yang Berhormat tanya itu adalah soalan politik yang di luar tajuk soalan asal untuk sesi soal jawab lisan. Jadi saya bercadang Yang Berhormat berbahas dalam ucapan dasar bajet berkenaan perkara ini.

Dr. P. Ramasamy [Batu Kawan]: *[Menyampuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Sudah Yang Berhormat.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Elak dari jawapanlah.

15. Tuan Haji Hasbi Haji Habibollah [Limbang] minta Menteri Kesihatan menyatakan bilakah pihak kementerian akan membina sebuah klinik pakar asas di bahagian Limbang memandangkan keadaan geografi yang menyulitkan untuk dihantar ke Hospital Miri, apatah lagi sekiranya ada kes kematian yang akan melibatkan kos amat tinggi mencapai RM4000 hingga RM5000 untuk urusan membawa balik jenazah.

Timbalan Menteri Kesihatan [Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad]: Tuan Yang di-Pertua, pada masa ini, sehingga kini kementerian belum lagi mempunyai perancangan untuk membina klinik pakar di Hospital Daerah Limbang yang memang dikategorikan sebagai hospital daerah tanpa pakar. Walau bagaimanapun Hospital Limbang memang dilawati oleh pakar-pakar daripada Hospital Miri dari Jabatan Ortopedik, perbidanan dan sakit puan, kanak-kanak dan mata. Terima kasih.

Tuan Haji Hasbi Haji Habibollah [Limbang]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Terima kasih Yang Berhormat. Yang Berhormat Limbang berdiri lagi? Lambat sangat berdiri Yang Berhormat. Cepat sikit, muda-muda ini kena cepat. Saya tua boleh cepat. Soalan tambahan Yang Berhormat.

Tuan Haji Hasbi Haji Habibollah [Limbang]: Soalan tambahan saya, satu untuk pengetahuan timbalan menteri bahawa masalah tentang pakar-pakar daripada Hospital Miri datang ke Limbang itu bukanlah kerap sangat. Kadang-kadang dua bulan sekali dan itu pun mengikut *appointment*. Untuk senario saya bagi tahu kepada Yang Berhormat, kalau ikut skop soalan saya ini pada masa ini budak kecil yang tersumbat tahi telinga pun kena hantar ke Miri.

■1130

Begitu sekali, sehinggakan ia melibatkan kos. Itu pun kepada keluarga yang mampu, yang mempunyai pasport dan sebagainya. Di sini saya ingin mengambil kesempatan untuk bertanya ada dua buah klinik desa di kawasan Kuala Medalam dan Madamit yang telah pun diluluskan dalam tahun 2004, sehingga kini belum nampak lagi pembinaannya.

Jadi saya di sini mengambil kesempatan untuk bertanya apakah masalah dia? Apakah peruntukan atau apa-apa yang lain? Kita memohon klinik desa ini. Untuk pengetahuan Dewan ini untuk pergi ke kawasan ini memerlukan tiga empat jam kalau sekiranya penduduk kawasan ini turun ke Hospital Limbang itu pun melalui sungai. Jadi di sini saya memohon pada Kementerian Kesihatan untuk melihat perkara ini, itu sahaja. Terima kasih.

Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad: Terima kasih soalan tambahan daripada Yang Berhormat Limbang. Kami prihatin tentang apa yang dialami oleh penduduk-penduduk Limbang mengenai pembinaan dua-dua klinik ini adalah amat spesifik. Saya perlukan masa untuk mendapatkan maklumat yang terperinci daripada pegawai, terima kasih.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: [Bangun]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ada soalan Yang Berhormat Kinabatangan mengenai hal Limbang ini?

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ia bukan Limbang, tetapi secara menyeluruh. Pasal kesihatan, boleh Tuan Yang di-Pertua?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Saya bagi peluang Yang Berhormat.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, ringkas sahaja. Yang Berhormat Menteri, soalan saya bukan spesifik, tetapi saya ini menagih janji. Janji daripada kementerian hendak mewujudkan Hospital Sukau dan Pinangah sudah empat tahun Tuan Yang di-Pertua.

Beberapa Ahli: Kasihan...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Saya tidak tahu janji ini boleh ditunaikan atau tidak. Dia kata sudah, mahu tenderlah itu. Empat tahun, tidak juga dapat-dapat. Terima kasih.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Menteri ada opsyen mahu jawab atau tidak mahu jawab.

Datuk Dr. Haji Abdul Latiff bin Ahmad: Mengikut peraturan 24(3) terkeluar daripada soalan asal.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk soal jawab telah habis.

[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan telah tamat]

RANG UNDANG-UNDANG

RANG UNDANG-UNDANG PERBEKALAN 2009

Bacaan Kali Yang Kedua

DAN

USUL

ANGGARAN PEMBANGUNAN 2009

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah “Bahawa Rang Undang-undang Perbekalan 2009 dibacakan kali yang kedua sekarang” dan “Bahawa Usul yang berikut ini dirujuk kepada Jawatankuasa sebuah buah Majlis.”

“Bahawa Dewan ini, mengikut seksyen 4(3) Akta Kumpulan Wang Pembangunan 1966, membuat ketetapan iaitu satu jumlah wang sebanyak tidak lebih daripada lima puluh tiga bilion tujuh ratus dua puluh sembilan juta satu ratus empat puluh lima juta ringgit (RM53,729,145,000) dibelanjakan daripada Kumpulan Wang Pembangunan bagi tahun 2009, dan bagi tujuan-tujuan dan butiran-butiran perbelanjaan pembangunan yang dinyatakan di bawah Maksud Pembangunan atau (“P”) dalam senarai Bajet Persekutuan 2009, yang dibentangkan sebagai Kertas Perintah 41 Tahun 2008, adalah diuntukkan di bawah Maksud-maksud yang berkenaan jumlah-jumlah yang bersetentangan dengan

butiran-butiran itu di ruangan lapan dan sembilan senarai tersebut.” **[14 Oktober 2008]**

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Ipoh Timur sambung.

11.32 pg.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Tuan Yang di-Pertua, pada hari Sabtu dalam ucapan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kepada Gerakan Kongres, beliau ada cakap, untuk menjimatkan masa ini apa yang dilaporkan dalam *Malaysia Kini*.

Dia kata bahawa beliau tidak boleh faham, “*Why certain BN leaders were acting like they have lost the March General Election. Sometimes I feel sad, sometimes I feel more funny than sad because the parties which have failed to form the government are acting like they have won the elections while we act we have lost*’. *The PM said in a cynical tone. Sometimes we forget that we have won the elections. It’s just that we have lost the 2/3 majority. The Prime Minister also said that he was asked by foreign leaders what is so important about the 2/3 majority? They said the BN election results for them can be considered a landslide victory* itu benar.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee) **mempengerusikan Mesyuarat]**

Saya pun ada berkata di luar Dewan ini bahawa Barisan Nasional sungguhpun kalah teruk dalam satu tsunami politik yang pertama 8 Mac 2008. Akan tetapi masih ada majoriti yang sangat kuat apabila dibandingkan dengan negara-negara lain dan perlu bertindak berlaku sebagai satu kerajaan yang bertanggungjawab supaya melakukan, melaksanakan segala jaminan reformasi yang ada diutarakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri.

Namun, nampaknya kenapa dalam tujuh bulan ini, nampak kerajaan Barisan Nasional sudah kalah bukan sahaja dalam pandangan orang ramai, malah dalam pandangan tokoh-tokoh Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional, UMNO dan parti-parti komponen. Sebenarnya atas keputusan pilihan raya besar itu adalah memerlukan dan disahkan untuk memaksa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk berundur daripada jawatan Perdana Menteri. *[Tepuk]*

Di mana kita lihat seorang Perdana Menteri sungguhpun dia kata menang besar, sungguhpun hilang majoriti 2/3 dipaksa undur sebagai Perdana Menteri dan menjadi *the shortest leave, the most short leave Prime Minister in Malaysia*. Kenapa ada berlaku *pressure* dari UMNO? Adakah semua Ahli UMNO adalah pengkhianat kepada negara ini?

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: *[Bangun]*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Berdiri seorang pengkhianat, saya tidak hendak bagi saya tidak ada masa.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Inilah namanya pengecut, penakut.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Tuan Yang di-Pertua, oleh kerana masa yang singkat...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Dia berhujah menghadap kita, begini.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Saya tidak hendak buang masa. Pergi Taiwan belajar apa?

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Namun dia tidak bagi.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Pergi Taiwan berlari dari negara ini...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Dia berhujah menghadap kita, tetapi penakut.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Dia adalah antara orang yang mendesak Yang Amat Berhormat Perdana Menteri untuk berundur. Adakah dia berani berkata dia mahu Perdana Menteri terus menjadi Perdana Menteri, dia tidak sokong desakan UMNO yang memaksa Pak Lah keluar.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: [Ketawa]

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Dia ketawa, dia main-main. Ini bukan *sanctuary* Orang utan, ini *Parliament*. Apa ketawa? Ini serius. Apabila saya utarakan perkara ini, dia ketawa, orang utan baru...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Ini babi hutan. [Ketawa]

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Oleh itu, saya sangat marah. Perdana Menteri dipaksa untuk undur, dia ketawa sana. Apa ini? Mana ada serius?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Ipoh Timur, Yang Berhormat Ipoh Timur...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Nampaknya kita lebih serius daripada orang pihak dari sana.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat telah berucap selama 80 minit...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Ini adalah mustahak...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Dengar dahulu Yang Berhormat, tidak akan tidak boleh dengar? Yang Berhormat sudah berucap 80 minit dan harus memberi peluang kepada Ahli-ahli Parlimen yang lain. Okey, saya akan bagi Yang Berhormat sehingga jam 12.30 tengah hari nanti, terima kasih Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: 12.30. Ini menunjukkan bukan rakyat sahaja yang tidak ada kepercayaan, tetapi UMNO sendiri, parti-parti Barisan Nasional sendiri tidak ada kepercayaan kepada Perdana Menteri. Kenapa? Kenapa begitu? Sebenarnya apabila Yang Berhormat Perdana Menteri berkata dia akan undur pada bulan Mac tahun hadapan, sebenarnya dia sudah hilang kuasa Perdana Menteri. Sudah tidak ada *defector* Perdana Menteri, bukan

bermula pada 8 Oktober, tetapi 26 September apabila Majlis Tertinggi UMNO sudah buat keputusan mengenai masa untuk *exit* Perdana Menteri dalam perkara ini.

Sungguhpun pada hari Sabtu Presiden baru Gerakan ada menggelarkan Yang Amat Berhormat Perdana Menteri sebagai *Father of Democracy*, saya tidak percayalah bagaimana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri boleh digelar sebagai *Father of Democracy*. Walhal baru-baru ini ISA digunakan terhadap Yang Berhormat Seputeh, terhadap pemberita *Sin Chew Daily*, terhadap Raja Petra Kamaruddin dan di mana lima orang HINDRAF masih dalam tahanan ISA. Di mana semua orang yang ditahan *under* ISA lebih daripada enam tahun masih dalam tahanan. Apa demokrasi ini? Di mana tiga akhbar *Sin Chew Daily*, *Suara Keadilan* dan *The Sun* diberi amaran kenapa tindakan tidak patut diambil oleh mereka. Apa demokrasi ini?

Ini boleh disifatkan sebagai demokrasi? Tan Sri Dr. Khoo Tsu Khoon, apa demokrasi ini? Masalah ialah kepercayaan. Oleh sebab kita tidak boleh dapat kepercayaan, bagaimana kita boleh mengatasi krisis yang begitu serius yang kita hadapi bukan sahaja kerana *world crisis* tetapi pelbagai *multiple crisis of confidence* yang melanda di negara kita. Bolehkah Yang Amat Berhormat Perdana Menteri boleh melaksanakan jaminan beliau untuk melakukan reformasi khususnya dalam kehakiman, polis dan membasmi rasuah dalam masa lima bulan yang tinggal. Walhal dalam lima tahun dia gagal berbuat begitu.

Bagaimana dia buat? Siapa percaya? Saya percaya bahawa semua yang ada di sini pun tidak percaya langsung, tidak ada seorang pun yang akan percaya bahawa dia boleh melakukannya. Dia tidak dapat *assurance* bahawa dia akan mendapat sokongan sepenuhnya untuk memerangi rasuah untuk menandakan perubahan reformasi kehakiman dan pihak polis. Adakah sebab itu kosong sini, kosong sana? Inilah Parlimen yang kosong.

Kedua, bukan sahaja kita ada institusi *crisis of confidence* di mana bukan sahaja rakyat, tetapi parti-parti dalam komponen tidak percaya kepada Perdana Menteri. Ada *crisis confidence* mengenai tindakan Perdana Menteri *Prime Minister in waiting*. *Crisis of confidence*, sungguhpun Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada berkata bahawa dia *fully back* Najib, *Pak Lah backs Najib on latest allegations*.

■1140

Adakah ini boleh selesai *crisis confident* terhadap *Prime Minister in waiting*? Mengapa dia buat begitu untuk menjimatkan masa? Saya tak mahu sebut *exchange of SMS* antara Timbalan Perdana Menteri dengan peguam Razak Baginda enam muka. Tak perlulah saya kerana masa tak membenarkan tetapi apa yang...

Beberapa Ahli: Bacalah!

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Hendak baca? Mahu dengar? Hendak baca? Mahu dengar?

Beberapa Ahli: Mahu, mahu.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *I cannot believe.* Apa ada di sana? Satu sahajalah SMS ikut Malaysia Kini. Najib *tells a lawyer that Razak his advisor will face a tentative charge but all is not lost.* Or *is not lost* dan pada permulaannya apa ada di sini bahawa dia akan *contact* dengan pihak berkenaan - Balasubramaniam *private investigator* apa dia kata dalam *statutory declaration* beliau. Apa dia kata dalam *statutory declaration* beliau? Dia kata bahawa apabila Razak Baginda ditangkap dia ada SMS kepada Timbalan Perdana Menteri dan Timbalan Perdana Menteri kata dia akan hubungi IGP. Adakah ini dinafikan? Timbalan Perdana Menteri tidak nafikan *exchange of SMS*. Dia kata ini *private matter* sahaja. Dia tak perlu buat apa-apa penjelasan. Dia tak nafi. Ini dia kata *private matter*. Dia mengakui sama adakah dia nafi apa Balasubramaniam kata dalam *statutory declaration* bahawa dia ada kata dalam SMS dia kata akan *contact* dengan IGP mengenai perkara ini. Tak guna Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kata *he's a good person*. Bukan.

Kita tak mahu personel *belief* Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri di mana Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional tak percaya lagi pun kepada Perdana Menteri. Sebab itu mahu jatuhkan dia. Kita mahu bukan *personal belief*. Kita mahu satu siasatan yang sepenuhnya adakan satu *Inquiry Parliamentary Committee, inquire* kepada segala tuduhan yang dibuat terhadap Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. *[Tepuk]*

Sama ada dia terlibat dalam pembunuhan Mongolian atau Altantuya Sharibuu atau sama ada dia ada *exchange SMS* ini dan segala tuduhan yang dibuat oleh Balasubramaniam dalam *statutory declaration one*. Kita tahu lepas itu ada *statutory declaration two* dan dia telah hilang. Keluarga dan beliau hilang. Bagaimana ini boleh berlaku dalam Malaysia? *Rule of law* atau kita ada *rule of jungle*?

Seorang Ahli: *Rule of Kinabatangan.*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Adakah ini negara kita 51 tahun merdeka sampai ke tahap ini di mana ada satu *statutory declaration one, statutory declaration two*, ada sodomi *one* ada sodomi *two*. Apa ini? Tidak hormat *rule of law* dan sebab itu... saya tak tahu sama ada tuduhan-tuduhan atau dakwaan-dakwaan yang dibuat terhadap Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri *Prime Minister in waiting* benar atau tak benar. Akan tetapi ini semua dalam blog, *all the blogs*.

Mahukah kita ada seorang Perdana Menteri apabila menghadiri sidang antarabangsa menjadi objek ketawa, objek *whisper*. Oh, itu orang terlibat dengan pembunuhan Mongolian Altantuya. Itu orang adalah *commission submarine Scorpene*. Itu adalah terlibat dengan komisen Sukhoi. Kita mahu ini dibersihkan. Bukankah untuk kebaikan negara? Adakah sesiapa yang berani dalam Barisan Nasional untuk berdiri kata setuju kita mahu mengadakan siasatan terbuka *royal commission enquiry* terhadap segala tuduhan yang dibuat terhadap Timbalan Perdana Menteri supaya apabila beliau menjadi Perdana Menteri kita semua boleh merasa bangga ada seorang Perdana Menteri yang bersih 100% atau sebaliknya.

Kemudian, ini adalah realiti *perception* kita ada seorang yang *haunted hounded* tak pernah ada berlaku begitu banyak tuduhan mengenai korupsi, mengenai pembunuhan, mengenai jenayah, mengenai *endless*.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: [*Bangun*]

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Bagaimana itu semua cinta negara.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Yang Berhormat Ipoh Timur penjelasan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Nanti, nanti. Kita semua cinta negara, kita...

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Ini kerajaan, kerajaan pintu belakang demokratik kah tidak demokratik? [*Dewan riuh*]

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Kerajaan pintu belakang, Yang Berhormat Ipoh Timur sokongkah?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Nanti.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Demokratik atau tidak demokratik?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Masa saya singkat sebab itu saya tak mahu bagi jalan. Kalau tidak masa singkat saya akan beri jalan...

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Jawablah! kalau berani jawab.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Dan saya harap bahawa kita boleh buat keputusan bahawa ada satu *royal commission enquiry* segala tuduhan supaya kita ada Perdana Menteri keenam Malaysia apabila mengambil alih pucuk pimpinan negara adalah seorang yang semua boleh hormat. Kita boleh perbezaan pendapat tetapi kita boleh hormat seorang Perdana Menteri oleh kerana bersih daripada segala tuduhan seperti lima Perdana Menteri yang kita ada. RAHMA sampai N belumlah. RAHMA. Tunku Abdul Rahman, Tun Razak, Tun Hussein Onn...

Tuan Ahmad Maslan [Pontian]: Yang Berhormat Ipoh Timur mohon penjelasan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: ...Tun Dr. Mahathir dan...

Tuan Ahmad Maslan [Pontian]: Yang Berhormat Ipoh Timur.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: ...Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi. Kita ada perbezaan tetapi kita hormat. Tidak ada apa-apa tuduhan yang kita rasa *haunted and hounded them out of public life*.

Tuan Ahmad Maslan [Pontian]: Yang Berhormat Ipoh Timur, boleh saya mohon penjelasan.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Dia tak bagi jalan Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Nanti, nanti. Sebab itu kita harap dalam perkara ini kita adakan *royal commission enquiry* oleh kerana ini sangat serius. Sebab sebenarnya kita patut ada sesi satu atau dua hari untuk perbahasan satu perkara sahaja. Nama baik Dato' Sri Haji Mohd. Najib. Nama baik dia. Sepatutnya *full day debate* bukan sesingkat ini. Saya ada banyak perkara lagi saya mahu bahas.

Tuan Ahmad Maslan [Pontian]: Tak bolehkah mohon penjelasan? Pontian mohon penjelasan sedikit.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Tak ada masa, tak ada masa. Saya mahu tanya apa sudah berlaku kepada Balasubramaniam? Kenapa dia perlu menjadi *fugitive from justice, fugitive from* negara, tanah air sendiri? Oleh kerana kita ada satu iklim politik yang tidak sihat dan sangat berbahaya sehingga Yang Berhormat daripada Seputeh boleh diugut melalui satu tulisan. Ini sangat tidak patut diteruskan dan saya harap bahawa Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri kata dia akan jawab memberi penjelasan mengenai pembelian Eurocopter. Saya harap dia buat serta-merta. Saya harap dia datang ke Dewan yang mulia ini esok dengan satu *ministerial statement* supaya benda ini boleh terus dibincang dan dibahas dalam Dewan ini dan bukan tunggu sahaja.

Saya mahu tanya... apa fikir sekarang dituduh ada dibicarakan. Saya tak mahu bincang merit, demerit tapi kenapa dia bukan sahaja ditahan *under ISA* tetapi didakwa atas *sedition*, hasutan dan *criminal defamation*. Itu ialah *blog posting* beliau *to hell with the killers of Altantuya*. Betul dia ada buat tuduhan yang melibatkan Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan isterinya. Betul atau tak betul kita tak tahu tetapi langkah yang patut diambil ialah untuk mereka...

Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed [Sekijang]: Tuan Yang di-Pertua...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: ...untuk ambil tindakan *civil defamation*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, Yang Berhormat.

Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed [Sekijang]: *Point of order* Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *Point of order*, okey.

Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed [Sekijang]: Duduk.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Duduk Yang Berhormat Ipoh Timur.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Sangat pandai.

Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed [Sekijang]: Duduk!

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Kita hormat peraturan mesyuarat bukan macam *uncivil behavior* yang belajar daripada Taiwan. [Ketawa]

Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed [Sekijang]: Kita pergi ke Taiwan duit kita sendiri. Apa yang pembangkang susah hati ini? Apa hendak *jealous*? Hendak pergi, pergilah. Apa cemburu?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: *Point of order* Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Apa ini? Kalau tak ada *point of order* saya mahu teruskan. Saya tak mahu buang masa. *Injury time, injury time*.

Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed [Sekijang]: 36(6) Tuan Yang di-Pertua daripada tadi dia telah memesongkan Dewan. Seseorang Ahli itu tidak boleh mengeluarkan sangkaan jahat ke atas Ahli lain Tuan Yang di-Pertua. Daripada tadi dia telah memesongkan Dewan Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Okeylah, okeylah. Pandailah, pandailah.

Datuk Haji Baharum bin Haji Mohamed [Sekijang]: Saya minta tindakan diambil Tuan Yang di-Pertua.

■ 1150

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Dia tidak spesifiklah, Yang Berhormat, tetapi perkara yang dalam mahkamah saya minta jangan disentuh dalam Dewan ini.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Saya tidak ada timbul perkara dalam mahkamah tetapi saya mahu menyuarakan kenapa keputusan dibuat untuk mendakwa Raja Petra Kamarudin atas *criminal defamation* dan *sedition* walhal ini perkara yang persendirian. Apa yang patut berlaku ialah Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri dan isterinya ambil tindakan *civil defamation* untuk membersihkan nama mereka, kenapa menyalahgunakan *process of law of the government missionary* untuk tuduh dan dakwa RPK di mahkamah. Itulah kita mahu tahu satu jawapan, kenapa tidak ada orang berani tanya soalan itu.

Ketiga, pada bulan Julai, Yang Berhormat Permatang Pauh ada buat satu laporan polis terhadap dua orang pegawai tinggi, Peguam Negara dan juga IGP bahawa mereka adalah *fabricated evidence* 10 tahun dahulu mengenai *black eye incident*. Ini sangat serius, khasnya apabila ada testimoni, ada affidavit yang ada dibuat oleh pegawai polis yang ada buat siasatan masa itu, yang jatuh kepada *public domain* baru-baru ini bahawa ini benar-benar berlaku.

Dengan izin, dengan cepatnya, hendak jimat masa, "According to the police report lodged by Yang Berhormat Permatang Pauh, Anwar alleged both Musa and Ghani were involved in fabricating evidence over the black-eye incident. At that time, Police Chief, Musa was Investigating Officer of the charges against Anwar while AG Ghani Patail was a Chief Prosecutor. On the night Anwar was arrested on September 30, 1998, he was brought to the National Police Headquarters in Bukit Aman where the former Deputy Premier was beaten by then by Police Chief, Abdul Rahim Nor resulting the black eye and injuries to other parts of his body. Anwar say he lodged a police report seven days later and this was investigated by Assistant Commissioner Police, Mat Zain Ibrahim who submitted his findings and the investigations papers to the Attorney General, Moktar Abdullah and his team which included the Prosecutor, Ghani. This investigation paper concluded that Rahim Nor was a perpetrator of their sort on me, accept paper reach a conclusion after investigation which included medical report, the hospital KL forensic specialist, and so on."

Apa yang menjadi penting sekarang ialah bahawa *police officer* sungguhpun dalam satu kes yang lain, *police officer* yang berkenaan, Mat Zain Ibrahim ada *confirm* ini adalah berlaku.

Sekarang apa terjadi kepada *police report* ini? Sangat *open and shut*. *It was open and shut case. Was there an abused of power* oleh Peguam Negara sekarang, masa itu *Senior Officer Prosecution Office* dalam Kamar Peguam Negara, dalam *fabricate evidences* dan menghalang *the process of justice*.

Kalau begitu, kalau ada, dia sudah buat, *make a criminal offence* dan patutlah didakwa dalam mahkamah. Dalam isu ini, saya dapati bahawa ada disiasat oleh *Solicitor General* dan saya dapati bahawa *Solicitor General* sudah dapat satu *conclusion* bahawa Ghani Patail ada menyalahgunakan kuasa. Kenapa sekarang dia masih menjadi Peguam Negara? *I ask Tan Sri Ghani Patail resign* sekarang sebagai Peguam Negara.... [*Tepuk*] Bukankah benar *Solicitor General* sudah sampai satu *findings* bahawa Ghani Patail masa itu ada *fabricate evidence* terhadap Yang Berhormat Permatang Pauh dan sekarang dia patutlah letak jawatan.... [*Tepuk*]

Bagaimana kita boleh membenarkan satu *criminal* menjadi *Attorney General*?... [*Disampuk*] Sampai sekarang *criminal* jadi *Attorney General of Malaysia*. Apa sudah berlaku dalam Malaysia? Saya haraplah kita boleh dapat jawapan yang spesifik dalam perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua... [*Disampuk*] Apa itu? Banyak soalan ini. Setengah jam tidak cukup...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Lima minit lagi, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Ya, saya tahu. Tuan Yang di-Pertua, 12.30.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: 12.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: 12.30.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Saya cakap 12 tadi.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Tidak ada. Semalam Speaker janji, kita setuju satu jam. Kita boleh *adjourned*. Tanya Speaker.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat sudah bercakap satu jam setengah sekarang.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *No, no, no, agree* satu jam. *I am keeping time to one hour. It's okay one hour.* Tadi pun Yang Berhormat kata 12.30. Semua dengar, bukan?

Beberapa Ahli: Ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Semua dengar. Ya, semua dengar.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Saya cakap jam 12, Yang Berhormat, tetapi Yang Berhormat ulas 12.30. Gombak pun dengar, 12.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *I am argued for a half an hour.*

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Ini pun sudah cakap bohong. Apa lah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Teruskan, Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *Argue for a half an hour.* Orang di sana sentiasa bohong.

Bukan sahaja kita ada krisis keyakinan, Perdana Menteri, *Prime Minister in waiting*, *Attorney General*, *judiciary* pun kita tahu, kehakiman. Sampai sekarang pun, 20 tahun belum kita mengatasi *the juridical darkness* 20 tahun melanda Malaysia. Sekarang kita harap oleh kerana Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ada menjamin, itulah antara tiga perkara yang dia mahu melaksanakan sebelum dia berhenti sebagai Perdana Menteri, kita harap ini boleh berlaku.

Ini mustahak oleh kerana lagi dua hari Tun Hamid, sekarang Ketua Hakim akan bersara, dengan wajib, dan siapa akan menggantikannya. Kita tahu bahawa tahun lalu Tan Sri Zaki ada dilantik, *triple jump*, *quadruple jump*, sekarang *President Court of Appeal*, sama ada *triple step jump*. Kalau ini yang berlaku, kalau kali yang pertama, negara kita akan mengadakan seorang *Chief Justice* UMNO, kita bukan sahaja tidak boleh mengatasi *crisis of confidence* mengenai kehakiman kita, masuk satu krisis yang lebih gelap.

Kita tahu ada hakim-hakim yang baik, cerdik, komited, berintegriti dan berkualiti seperti Hakim Hishamudin Yunus, dia dianiaya, sekarang *High Court Judge* sahaja. Kenapa? *I think he is one of the most senior judges*. Dia berani untuk *uphold law of order*, Yang Berhormat dua orang *habeas corpus*, Padang Serai dan lagi seorang dia bebaskan, dia terlibat dalam kes Air Molek yang menjadikannya satu *most infamous case*. Dia boleh membetulkan. Dia berani untuk dalam kes *damages RM2.5 million*, ISA, Malik Husin. Semua kes yang berani. Kenapa dia tinggal dalam *High Court*? Kalau kita mahu *double jump*, *triple jump*, boleh, *quality judge*, *double jump*, *triple jump*, melantik Hakim Hishamudin Yunus sebagai *Chief Justice of Malaysia*. *I think it was a credit to Malaysia*.

Saya harap ini boleh berlaku. Sekurang-kurangnya kita tidak menjadikan negara kita kepada satu zaman gelap, *juridical darkness* oleh kerana kalau begitu, mungkin kita terpaksa untuk *invoke* Perkara 127 dalam Perlembagaan di mana kalau sesuku Ahli Parlimen di sini, ialah 55 orang Ahli Parlimen bersetuju, bolehlah kemukakan satu *substantive motion* untuk bincang mengenai *conduct* seorang hakim, layak atau tidak layak. Kita harap kita tidak perlu mengadakan tindakan itu.

Bukan sahaja *judiciary*, polis pun ada satu krisis keyakinan. Semalam bukan sahaja..., saya ada sebut dua perkara mengenai di mana IGP lebih berminat mengenai menjadi *lobbies*, dapat kontrak-kontrak untuk supaya kontrak-kontrak berbilion-bilion ringgit, helikopter atau *police e-solution* diberi kepada sesiapa itu. Selain daripada itu, apa dia patut buat ialah untuk memerangi jenayah di negara kita. *He is more interested in be a lobbies*. Siapa dapat kontrak berbilion-bilion ringgit. Ini bukan tanggungjawab IGP, sehingga dia melanggar prosedur.

■ 1200

Bypass Ketua Setiausaha Kementerian beliau, terus kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri. Bagaimana? Ini tidak pernah berlaku kepada IGP dahulu. Tun Hanif Omar, Norian Mai, Bakri Musa, tidak pernah berlaku. Mereka minat 100% *focus fighting crime*. Nampaknya IGP kita sekarang, 100% *focus on getting contract* untuk *somebody*. Oleh sebab itu,

patutlah dia *resign*. *Resign* supaya kalau dia mahu jadi lobi untuk *mega contract police, resign and their mega lobbyist*. Di dalam isu-isu yang lain, mana IPCMC? Dia tentang. [Disampuk] IPCMC, satu jaminan ada dibuat.

Kenapa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri menubuhkan satu *Royal Commission Inquiry* mengenai pihak polis? Supaya kita ada satu pasukan polis yang profesional, cekap, *world class* dan di antara 150 perakuan yang dibuat oleh *Royal Commission* supaya kita ada *world class police service* ialah IPCMC, *Independent Police Complaints and Misconduct Commission*. Sudah berapa tahun dan sampai sekarang belum ada apa-apa tindakan? Apa yang kita ada ialah satu jaminan untuk mengemukakan satu *bill, special complaints commission. Toothless, clawless*, di mana pihak polis pun adalah di antara anggotanya. Apa guna kita mahu polis bebas, polis cekap, tetapi kenapa ada pihak polis, wakil polis di dalam *commission* itu?

Oleh sebab itu, dia perlulah bertanggungjawab. *Corruption* di dalam pihak polis. Ini bukan saya cakap. Siapa cakap bahawa di dalam polis ada 40% bahagian polis korup. *40% of the police force are corrupt*. Bukan saya cakap! Siapa cakap? Siapa cakap? Utusan Malaysia? [Disampuk] [Membaca keratan] Pagar makan padi. Ini dua *paragraph* cukuplah. *"I believe the Royal Commission, the police corruption was so extensive. The very senior AC officer had confided in me and another top retired police officer. The 40% of the senior officers could be arrested without further investigations strictly on the bases of their life style. [Tepuk] One state Police Chief had a net worth of RM18 million. My friend and I had watched the forces getting deeper and deeper in the morales of corruption"*. Itulah dua, tiga tahun dahulu. Sekarang, lebih serius. Sekarang lebih serius dan kini *IGP more interested in lobbyist or mega contracts than as a IGP. ISA!*

Baru-baru inilah penyalahgunaan kuasa ISA di mana Yang Berhormat Seputeh dan Sin Chew *senior reporter* ... ditahan. Siapa yang bertanggungjawab? Siapa yang bertanggungjawab? Yang Berhormat Menteri Dalam Negeri kata dia tidak bertanggungjawab. Dia kata itu adalah hal polis. Adakah itu benar? [Membaca keratan] *"Syed Hamid said that the decision was a prerogative of the police. When the police feels it is best to bring the person in under the ISA, they will do so"*. Oh, dia tidak tahulah. Dia menteri yang baik, dia tidak tahu. Akan tetapi, apa Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kata? Dia kata bahawa, *"It is exclusive responsibility of the Minister of Home Affairs"* [Ketawa] *Exclusive responsibility of the Minister of Home Affairs! The Law Minister is not involved*. Dia membersihkan Zaid Ibrahim, *The Law Minister is not involved. It is exclusive responsibility of the Minister of Home Affairs. PM said*. Dia tahu. Dia baru sahaja melepaskan jawatan sebagai *Home Minister*.

Akan tetapi apa yang lebih mustahak, saya rasa apa yang saya mahu adalah mengenai satu tulisan oleh seseorang yang tidak ada sesiapa kata dia bukan patriot kepada Malaysia. Apa dia tulis? *"The New Sunday Times on September 21st. – "A Minister as saying that the police could invoke the ISA even without informing him. I wonder how a powerful act like the ISA can be*

left entirely to the discretion of the police. I have the highest respect and trust for the police force and I am not interfering and I am not inferring anything ulterior. Surely the ISA is a very serious piece of legislation which the government must use extremely carefully and wisely and therefore exercise complete control over it at all times. I believed there were no communist threat in the country anymore that ISA has outlived its usefulness. It become irrelevant and should be abolished or revised whether ISA was first introduce it was an absolute necessity because we were fighting the communist terrorist in the country. If the government decide to do away with the ISA and anti terrorism act should be enacted to check the worldwide terrorism threat. This act should be a very specific and clear in its intent and should be used only for this purpose. The ISA has mutated and orang-orang yang bertanggungjawab untuk menjaga act itu, mereka semua mutants.” [Ketawa] The ISA has mutated and is used over the passed thirty years or so and is now being used for what it was never intended”. Siapa yang tulis ini? Siapa yang tulis ini? Tan Sri K. Thanabalasingam, the first naval chief di negara kita. Is he a traitor? Is he a patriot? Time for the end for ISA. It is a mutant, mutated. Only mutants want such as ISA to continue. Are you all mutans? [Tepuk][Disampuk] Mutants mahu berdiri?

Dato’ Ismail Kasim [Arau]: [Bangun]

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Ya, boleh, boleh. *I need a bit of times to look on the paper. [Ketawa]*

Dato’ Ismail Kasim [Arau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Ipoh Timur. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin penjelasan kepada Yang Berhormat. Apabila pertuduhan Yang Berhormat kepada IGP seolah-olah IGP adalah pe/lobbyist kepada projek-projek mega adalah terlalu berat dan menunjukkan IGP tidak menunaikan tanggung jawab beliau sebagai Ketua Polis yang diberi amanah untuk menjaga keselamatan dan ketenteraman negara.

Jadi kalau Yang Berhormat bangkitkan perkara ini seolah-olah IGP yang sudah tidak relevan lagi sebagai Ketua Polis, Yang Berhormat harus buktikan dengan bukti-bukti sokongan. Bukan hanya berpandukan kepada *evidence* yang ada kepada kenyataan akhbar dan juga daripada blog-blog yang terdapat. Saya hendak Yang Berhormat buktikan kerana ini *demoralised* kepada pasukan polis yang ada di negara kita.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Okey, okey, okey. Saya tidak mahu tuduh polis, saya mahu *empower the police* supaya menjadi IGP yang baik. [Tepuk] Saya percaya kalau kita ada seorang IGP yang baru, yang baik dan betul-betul berkaliber, seperti Timbalan IGP menjadi IGP, itu *akan raise the moral of the police force*. Buktinya, semalam saya ada sesuatu bukti mengenai kenapa dia menjadi nampaknya sebagai *lobbyist* untuk Asiacooper, untuk Web Power, adakah ini tanggungjawab IGP? Kenapa menjadi *lobbyist* untuk Web Power dan untuk Asiacooper? Khususnya, dalam satu syarikat, anak dia ada bekerja di sana. Tidak perlulah untuk saya mengulangi apa yang saya cakapkan semalam.

Di sini saya mahu tanya, kenapa? Adakah IGP menjalankan tugasnya dengan baik kalau dia membenarkan dan nampaknya tunduk kepada desakan-desakan Mat Rempit-Mat Rempit di Malaysia? Baru-baru ini, dalam surat khabar kita ada baca, Oh, lagilah *glass ceiling* dipecah di mana "*First time police woman* dilantik sebagai *Federal Chief of Traffic Police*". Baik. *Another glass ceiling broken*. Siapakah dia? Noriah Anwar. *Very good and he is ...* Kita rasa bangga, *very efficient, very competent*. Inilah, baca blog sayalah, ini boleh baca.

■1210

Dengan izin, "*When an efficient police women called Noriah Anwar was appointed chief of traffic police, she went after the Mat Rempit with the dungeon..., does anyone remember her now? Where is she, where is she? She confiscated their bikes on the spots but soon the Mat Rempit called their political muscle..., they have political muscle, who want to fight and become the Chief UMNO Leader now. The protector of the Mat Rempit, siapa dia? Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat Rembau? She confiscated their bikes on the spots but soon the Mat Rempits called their political muscle and Noriah Anwar was kicked out... [Dewan Bising]*

To date, she hold the record for being the shortest service traffic police in Malaysia... [Disorak] She have been replaced by Senior Commissioner Two, Datuk Hamzah Taib. What type of IPG do we have? Saya rasa...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat diam Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: ...Betul-betul *demoralize police..., empower police..., is the time for IPG to go immediately, here and now... [Dewan tepuk]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Boleh mula gulung Yang Berhormat Ipoh Timur ya.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Ya. Lagi tiga puluh minit. *Thank you... [Dewan ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat kena fikir lain orang Yang Berhormat ya.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Kita fikir, kita fikir...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Kita cuma ada seorang Ketua Pembangkang...

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: ...Saya cepat. Terus, korupsi, korupsi dapat kepercayaan balik mengenai usaha untuk membanteras. Korupsi tidak perlu untuk sebut mengenai kejatuhan Malaysia di *ranking Transparency International Corruption Perception Index*, 5 tahun daripada 37 tangga kepada 47 tangga. Sungguh pun Yang Amat Berhormat Perdana Menteri kata beliau mahu memerangi rasuah dan dalam Nasional Integriti Pelan atau PIN yang dilancarkan oleh beliau pada tahun 2004. Dia kata *target*, matlamat *National Integrity Plan*

ialah 5 tahun sekurang-kurangnya Malaysia boleh dapat memperbaiki kedudukan sehingga 30, sekarang 47.

Sekarang 47 bukan lebih baik, tapi lebih buruk, tetapi adakah *political will* untuk membanteras rasuah? Tidak. Semalam dan dua, tiga hari ini kita ada baca surat khabar *The Sun* khususnya mengenai penyelewengan, penyalahgunaan kuasa, tetapi sebelum itu mengenai..., sangat nyatalah bagaimana kita boleh memerangi rasuah kalau badan yang terpenting di negara ini, dalam kerajaan begitu *corrupt* dan badan yang terpenting dalam Kerajaan Barisan Nasional ialah UMNO. *UMNO is the most corrupt political party in the country... [Dewan Tepuk]*

It is most corrupt. Sekarang ada party election. Politik wang been thrown all over the place dan 2004, UMNO Party Election ada disifatkan sebagai the most dirtiest and corrupt UMNO Party Election itu 2004. Sekarang akan lebih daripada sekarang, lebih teruk sekarang. Sekarang UMNO Political Election..., is not election, it is a competition of throwing money. Siapa berani nafi, siapa berani berdiri dan nafi?... [Dewan riuh] Dalam 2004, untuk kejar jawatan Ketua Bahagian purata perlu belanja RM1 juta. Sekarang sekurang-kurangnya RM2 juta, RM3 juta.

Siapa berani berdiri kata tidak betul, siapa berani kata, betul tidak betul? Ini sudah begitu nyata, begitu *understood*. Ini pun jadi tulisan *New Straits Times* surat khabar UMNO pun ada tulis. *New Straits Times...*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang lain tak payah bising la Yang Berhormat. Dengar sahaja dulu.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Ini salah satu *paragraph* la, *in his book "Dilema Neraka Retak", "Dilemma of a Crack Balance"*. Siapa tulis ini? *Former UMNO member. Independent MP, Datuk Ibrahim Ali say, "At least RM1 million to win a Division Chief Post. A divisional by chief experiences said a divisional leader now between RM2 million and RM3 million to secure the post, now inflasi la, ini inflasi. Sungguhpun harga minyak sudah turun tapi harga money politic tidak turun.*

And how much do you imagine it takes to be elected to the Supreme Council or Vice Presidency. It was widely speculated that the candidate for one of the three Vice Presidency post in 2004, had picked RM1,000 to each candidates, to each delegates. And there were about 2,000 of them. Then, then. Sekarang keadaan ini boleh memerangi rasuah, lebih improve anti corruption, ada berkesan? Impossible. Selain daripada UMNO menjadi teladan, abolish money politic...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Habiskan Yang Berhormat, habiskan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Ya. *Abolish money politic*. Kalau tidak, apa yang berlaku dalam kerajaan terus penyelewengan, salah guna kuasa, ketirisan. Sebagai contohnya kita baca dalam surat khabar khususnya beberapa hari ini *The Sun* bagaimana wang digunakan untuk..., sebagai contohnya, *the tourism minister's office has excess baggage, is over staff and*

the appointment of some 20 staff contriving of public services department regulation. Limiting the appointments the only 8. It is also defying of the Treasury Circular on a cost cutting... Ini semua langsung tak exit.

Apa itu *regulation mechanism*, langsung! *Good foresight* sahaja. *The minister's office has three special officers, 5 political officers, 1 research officers, 6 information technology officers and 5 support staff all unlawful. As only the PSD can approve new appointment the guidelines circumvented by getting Tourism Malaysia subsidiary Pempena Sdn. Bhd. and is affiliate Malaysia Business Travel Sdn. Bhd. and SD Corporation Communication Sdn. Bhd. to pay their salary.*

Antara other appointments on the list of sixteen names who not appear in the form include Datin Paduka Chew Mei Fun, who is Executive Director of Pempena. She paid RM10,000 and was provided with the car and a driver... [Disorak] What is happening? What is happening... Ini *scorching the surface of the tip of the iceberg*.

Lagi satu perkara di sini, sejumlah RM 30 juta telah diluluskan oleh EPU kepada Kementerian Pelancongan untuk melaksanakan program *Malaysian Kitchen* dan sudah dibelanjakan RM6 juta. Tinggal RM3.7 juta dan RM6 juta itu pun perlu disiasat tetapi meninggalkan baki sebanyak RM3.7 juta. Lagi satu perkara ialah mengenai *e-tourism portal*, RM10 juta disalurkan, belanja...

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Yang Berhormat Ipoh Timur, penjelasan?

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Nanti, nanti! Sabar!

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Itu dua Exco negeri Perak dituduh rasuah macam mana? Itu ada seks lagi, macam...

Seorang Ahli: Itu tak betul tu, tak betul!

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Jangan tuduh orang sahaja awak pun serupa juga... *[Dewan riuh]*

Dato' Ismail Kasim [Arau]: Makan diri la, makan diri!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, dia tak bagi jalan Yang Berhormat.

Seorang Ahli: Exco Perak tak ada, tak boleh bela...

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Itu lain orang. Bila orang tanya *you, you* cakap semua tak boleh.

Dato' Ngeh Koo Ham [Beruas]: Itu *frame out*.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Itu hal yang lain.

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: Orang lain kenapa boleh macam itu? Datuk Seri Najib sudah nafikan... Apa mau cerita lagi? *[Dewan Bisings]*

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: *[Menjerit]* ...Dalam Dewan ini!

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Bintulu, tolong berhenti la Yang Berhormat Bintulu. Dia tak bagi jalan. Tolong habiskan lah Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Samseng, tengok la tu...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat tolong habiskan lah Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Saya tak sebut dia...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Dia tak bagi jalan. Saya bagi tau Yang Berhormat tak bagi jalan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Saya tak bagi jalan kenapa tapi kenapa...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat pun kena patuh, sudah lama saya suruh Yang Berhormat berhenti. Habiskan Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Kita adakan satu *Mental Hospital Unit*...

■1220

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak payah Yang Berhormat. Tidak payah Yang Berhormat. *This is unnecessary*, tidak perlu Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Ini, *the first case*. Mahu pergi *mental hospital*, Tanjung Rambutan mahu pergi?

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Boleh, saya boleh sama-sama *you* pergi, tiada masalah.

Dr. Haji Mohd. Puad bin Zarkashi [Batu Pahat]: Awak pun serupa.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Marilah sama-sama pergi, kalau berani marilah sama-sama pergi.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Atau pergi Tampoi. Tidak pergi Sepilok *Sanctuary*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Ipoh Timur boleh habiskan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *Fine*, masa singkat.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: *Point of order, point of order*.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Sebab itu ada wang yang ada diperuntukkan...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Faham kah tidak, *point of order*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: *Point of order* Yang Berhormat, tidak perlu keras cakap Yang Berhormat.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Dia tidak dengar, dia keras, saya keras.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Ipoh Timur, *point of order* Yang Berhormat Ipoh Timur.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: *Point of order*.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Duduklah.

Datuk Bung Mokhtar bin Radin [Kinabatangan]: Duduk dahulu.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Tidak, boleh berdiri. Kata *point of order*, sebut apa *point of order*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Ipoh Timur duduk dahulu.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Bukan mahu sebut apa *point of order*.

Datuk Bung Mokhtar bin Radin [Kinabatangan]: Duduk dahulu.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Tuan Yang di-Pertua, macam mana sebagai Ahli Parlimen dalam Dewan tidak menghormati *standing order*. Kalau orang bangun duduklah, *standing order*. Dalam Dewan dia seorang paling besarkah?

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, Yang Berhormat Kinabatangan.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Kalau di Taiwan, kalau ada orang berdiri, dia berkata ...

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Ahli Parlimen paling...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Kinabatangan...
[Dewan riuh]

Datuk Bung Mokhtar bin Radin [Kinabatangan]: Tidak boleh duduk, patut *you* mahu *world class standard*. Apa *you* punya standard?

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Mental *problem*, masalah jiwa.

Datuk Bung Mokhtar bin Radin [Kinabatangan]: Ha, ini macam mana tidak mahu duduk.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya.

Datuk Bung Mokhtar bin Radin [Kinabatangan]: Saya mahu *point of order*, *you* tidak duduk apa macam.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, *point of order* yang ke berapa Yang Berhormat.

Datuk Bung Mokhtar bin Radin [Kinabatangan]: Saya baca dia tidak duduk.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak apa, *point of order* yang ke berapa Yang Berhormat, *point of order*.

Datuk Bung Mokhtar bin Radin [Kinabatangan]: 36(12), dia memesongkan Dewan. Saya jadi ketua bahagian tidak ada RM1juta pun. Tidak ada duit, jadi ketua juga. Dalam DAP ada kah pilihan raya, tidak ada. Ini krisis....

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Pelantikan mesti lulus, kalau lulus semua orang tidak boleh dapat, betul atau tidak.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: [Menyampuk]

Dato' Ismail bin Kasim [Arau]: Sebab itu Yang Berhormat Wangsa Maju lari pasal diktator.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Tuan Yang di-Pertua, tarik balik Yang Berhormat Kuala Selangor cakap. Kalau *you* cakap tidak berhentikan... [*Dewan riuh*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Okey Yang Berhormat. Cukuplah Yang Berhormat... [*Dewan riuh*]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, saya minta duduklah Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Saya dihalang daripada...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Saya sudah minta Ahli Yang Berhormat Ipoh Timur habiskan sejak 20 minit yang lalu Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Dia potong, saya tahu. Mereka menghalang, mereka takut saya cakap.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Saya tidak faham Yang Berhormat Ipoh Timur kerana itu juga arahan Tuan Yang di-Pertua Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Sungguhpun saya ada lagi 10 perkara.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Apa 10 perkara, tidak ada satu perkara pun tidak ada.

Dato' Ismail bin Kasim [Arau]: 36(12) Tuan Yang di-Pertua, *ruling* Tuan Yang di-Pertua.

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: Tuan Yang di-Pertua, saya minta *ruling*. Kalau masa cukup, cukuplah, kalau dia gulung, gulung 10 kali pusing pun sama juga. Bagilah peluang kepada orang lain.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: 12.30.

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: *Standing order*. Peraturan mesyuarat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Peraturan yang ke berapa Yang Berhormat.

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Tidak perlu pergi Taiwan belajar macam itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Muka surat berapa Yang Berhormat, Yang Berhormat Ipoh Timur... [*Dewan riuh*]

Tuan Lim Lip Eng [Segambut]: 36(6).

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: *Liar, liar*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Duduklah Yang Berhormat.

Tuan M. Kula Segaran [Ipoh Barat]: Tangkap dia.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Ipoh Timur....

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: Taiwan, satu

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: *I know you're very senior tetapi kena dengar juga Tuan Yang di-Pertua Yang Berhormat.*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *Let me wind up.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: *I have been asking you to wind-up since 20 minutes ago.*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *No, the promise was one hour, the promise made by the Speaker was 1 hour, that's no reason. And you came in 12.30. And there is not...*

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: *Cukuplah, cukuplah...*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *... Half an hour...*

Dato' Seri Tiong King Sing [Bintulu]: *Suruh dia berhentilah. Tidak berhenti hantar dia keluar.*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *Taiwan satu contoh.*

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: *Yang Berhormat Wangsa Maju lari dari DAP pergi masuk PKR sebab DAP tidak bagus.*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: *Yang Berhormat Kinabatangan.*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *Taiwan satu negara yang sudah berubah daripada rags to riches. Taiwan exact examples origination has gone to rags to riches, bak kita ada satu golongan, rombongan yang pergi belajar. Adakah belajar, kenapa Taiwan boleh menjadi from rags to riches.*

Di Malaysia kalau tidak berwaspada kita daripada riches to rags. On the way we are going from riches to rags. Dua minggu dahulu saya ada pergi ke...

Dato' Ismail Kasim [Arau]: *Minta laluan.*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *Mana ada masa untuk laluan.*

Dato' Ismail Kasim [Arau]: *Mohon laluan sebab sebut fasal Taiwan, mohon laluanlah.*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *Basic mentality, where got masa for laluan? Dua minggu dahulu saya ada pergi lawatan yang sangat singkat Guangdong. Saya ke Guangdong. Di Guangdong tengok...*

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: *Sama jugalah... [Ketawa]*

Tuan Lim Kit Siang [Ipoh Timur]: *Di Guangdong 30 tahun untuk economic reforms. I read this quick and fast. In 1978, the province is Guangdong, GDP only amounted 18.5 billion Yuan. In 2000 for the first time it had a breakthrough of one trillion Yuan. It was increased in 2005 to 2.13 trillion Yuan and it is now 3 trillion Yuan. 30 tahun GDP tambah berapa kali, 166%, 166 times.*

Malaysia, how many times in 30 years? Five times, six times, belajarlah kenapa boleh berlaku. Guangdong dengan kependudukan 100 juta orang. Area Guangdong lebih kecil daripada Malaysia tetapi dalam tempoh 30 tahun GDP boleh bertambah 166 kali, Malaysia lima

kali sahaja oleh kerana tidak ada orang yang tidak disiplin, tidak tahu apa kriteria-kriteria, *essential for success of a nation, to compete with the rest of the world.*

Mereka mahu *compete* dengan orang utan di Sabah sahaja. Sekarang kita menghadapi *nation building crisis*. Saya tidak mahu sebut banyaklah sama ada Ahmad Ismail mengenai penumpang atau sekarang tengok Tan Lian Hoe menjadi sasaran. Sasaran *Utusan Malaysia*, kenapa, UMNO atau pemimpin-pemimpin UMNO sekarang menyerang, mengkritik, mengutuk Tan Lian Hoe Timbalan Menteri.

Kita rasa ini tidak adil, kenapa sebab itu kita nampak tidak ada satu kecenderungan yang sangat *intolerance*, sangat *risk* tengok cerpen Datuk Chamil Wariya siapa Datuk Chamil Wariya. Dahulu dialah setiausaha politik Yang Amat Berhormat Timbalan Perdana Menteri. Dalam negara kita, akan berlaku pembunuhan ahli-ahli politik sama ada Yang Berhormat Seputeh akan di sifat semacam Mongolian, Altantuya saya tidak tahu tetapi kalau ada apa-apa yang berlaku kepada Yang Berhormat Seputeh, *we hold Utusan Malaysia, we hold Datuk Chamil Wariya to full responsibility... [Tepuk] What is the government doing? Why a number, body yet sign-up to condemn and stand for sanity in our country? Kenapa? Where is Back-benchers Club? Yell and shout but on such fundamental issue on Ahli Parlimen, her rights and integrity not to be threatened and killing. No voice! Silence, totally silence. Shame thousand times, shame millions times all Barisan Nasional... [Tepuk]*

Membenarkan saya akhiri ucapan saya. Saya mencabar Yang Berhormat Menteri Kewangan yang baru supaya membentangkan Bajet 2009 yang sama semula yang lebih realistik tepat pada keperluan semasa berbanding dengan bajet usang yang dibentangkan tujuh minggu lepas pada 29 Ogos mengambil kira segala perubahan senario ekonomi yang terbaru.

Bajet baru mestilah komprehensif dan mempunyai matlamat dasar yang jelas yang menangani kesan inflasi, pemilihan dasar-dasar ekonomi, mengatasi masalah defisit persekutuan yang tidak terkawal serta mengambil langkah untuk memperbaiki iklim perniagaan.

Pakej dasar ini haruslah termasuk program jaring keselamatan atau *safety net* yang lebih baik dan luas untuk membantu golongan lemah mengharungi krisis ini, upah minima untuk melindungi golongan pekerja menghadapi inflasi yang sengit, mengurangkan atau menangguhkan projek-projek besar dan raksasa untuk mengurangkan defisit ke tahap 2.5% ke 3%, mengamalkan tender saingan untuk mengurangkan kos projek dan pembelian barangan dan perkhidmatan, mengurangkan pengawal selia bagi mengubahsuai iklim perniagaan, memperbaiki kadar pengutipan cukai. Pemulihan dasar-dasar ekonomi yang sihat memerlukan tindakan yang tegas dan masa.

■1230

Adalah jelas bahawa tanpa tindakan yang berterusan Malaysia tetap akan menghadapi kedudukan saingan yang semakin lemah. Wawasan 2020 akan tinggal sebagai khayalan sahaja. Negara kita berkemungkinan akan menghadapi keadaan yang malapetaka, kini bukannya masa

untuk mengamalkan retorik politik parti atau merancang sesuatu untuk kepentingan segelintir masyarakat sahaja.

Cabaran kita adalah menghasilkan dasar ekonomi negara secara konsensus, sungguhpun kami adalah pembangkang di Dewan yang mulia ini, kami sanggup bekerjasama dengan semua parti untuk menangani isu-isu yang mencabar ini, dan kami juga mengambil iktibar, sekiranya ada cukup Ahli-ahli Parlimen yang bersedia untuk respons terhadap cabaran perubahan langit 'sky change' 9.1.6 dalam senario politik negara, kami sanggup mengambil alih pentadbiran negara dan membetulkan segala kesilapan yang sedia ada. Sekian, terima kasih.

[Tepuk]

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat berucap selama 126 minit. Ya, Pulai.

12.32 tgh.

Datuk Nur Jazlan bin Tan Sri Mohamed [Pulai]: Bismillahir Rahmanir Rahim. Terima kasih Tuan Yang Di-Pertua, saya bersyukur ke hadrat Allah SWT, kerana dengan ini dapat saya membahaskan Bajet 2009 yang sudah dibentangkan oleh Perdana Menteri, Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi pada 29 Ogos yang lepas. Sebelum saya memulakan, izinkan saya mengucapkan Selamat Hari Raya Aidilfitri kepada semua, maaf zahir dan batin serta selamat bertugas kepada Menteri Kewangan yang baru iaitu Yang Amat Berhormat Dato' Sri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak yang mengambil portfolio ini daripada Perdana Menteri Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi.

Tuan Yang di-Pertua, rakan-rakan sekalian, Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi mengambil keputusan besar pada minggu lepas untuk memberikan laluan kepada Dato' Sri Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak sebagai Presiden UMNO serta Perdana Menteri Malaysia pada bulan Mac tahun depan.

Tuan N.Gobalakrishnan [Padang Serai]: Laluan atau ditolak keluar?

Datuk Nur Jazlan bin Tan Sri Mohamed [Pulai]: Jangan kacaulah, telah memberikan isyarat bahawa UMNO sedang melaksanakan proses perubahan generasi yang dikehendaki oleh rakyat, pengorbanan beliau membuktikan bahawa beliau adalah seorang negarawan yang meletakkan kepentingan negara melebihi daripada individu atau pemimpin. Tindakan beliau juga telah mencetuskan reaksi yang tidak disangka di mana ada pihak dalam Pakatan Rakyat yang telah melahirkan perasaan kecewa dengan pengumuman beliau dan tidak mahu beliau pergi, mungkin inilah semangat setia kawan yang dimaksudkan oleh beliau dalam perenggan awal ucapan bajet beliau di mana beliau telah mengatakan bahawa saya *quote*, dengan izin, "Semangat setia kawan yang ikhlas teruji dalam kita menghadapi kesukaran dan kesusahan, kawan masa senang memang ramai, tapi kawan yang sejati, yang setia dan sanggup bersama di masa susah tidak mudah dicari".

Kesimpulannya, sebelum Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi mengumumkan pengunduran beliau, pembangkang telah terus-menerus menyerang pentadbiran beliau dan menjadi musuh, akan tetapi selepas beliau mengumumkan pengunduran beliau, pembangkang nampaknya sayang kepada beliau dan membela beliau. Saya juga ingin mengucapkan syabas dan tahniah kepada Yang Amat Berhormat Dato' Sri Haji Mohd. Najib bin Tun Haji Abdul Razak yang baru saja dilantik ke jawatan Menteri Kewangan. Pelantikan beliau ke jawatan Menteri Kewangan ini dalam kemelut sistem kewangan dan ekonomi dunia yang penuh mencabar, sekarang membuktikan kesanggupan beliau untuk ke hadapan menyelesaikan masalah terbesar pada negara kita ketika ini.

Beliau juga merupakan seorang pemimpin yang mempunyai pengalaman luas di peringkat negeri dan juga Persekutuan yang telah melalui proses dan peremajaan dalam UMNO dan kerajaan sejak daripada zaman Tun Hussien Onn lagi, dan memang menjadi contoh pemimpin muda yang telah diberikan peluang daripada awal-awal lagi yang berjaya dilahirkan oleh UMNO. Syabas kepada beliau dan saya percaya beliau akan menjadi Menteri Kewangan yang terbaik dan mampu menyelesaikan masalah negara yang disebabkan oleh kemelut dunia.

Saya yakin di bawah kepimpinan beliau, negara akan lebih maju pada masa-masa akan datang dan akhirnya akan diserahkan kepada generasi seterusnya dengan baik. Saya juga percaya bahawa beliau akan mendengar hasrat dan rintihan orang muda di dalam dan juga di luar parti untuk mempercepatkan proses peremajaan di dalam parti dan juga kerajaan. Pada masa yang sama, saya juga ingin mengucapkan terima kasih pada Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi kerana telah memikul beban sebagai Menteri Kewangan dan memastikan bahawa ekonomi negara kita terus berkembang pada kadar purata 6% setahun, walaupun dalam situasi yang paling mencabar.

Sesungguhnya beberapa inisiatif beliau dalam Rancangan Malaysia Kesembilan terutamanya dengan pengenalan lima koridor pembangunan ekonomi termasuk Iskandar Malaysia, telah berjaya menarik pelaburan asing terutamanya daripada pelabur Timur Tengah, yang kini menjadi fokus utama untuk FDI iaitu pelaburan terus asing.

Langkah beliau ini saya percaya, mampu meletakkan asas kepada penjaan pertumbuhan ekonomi yang baru untuk jangka panjang, sekali gus koridor ekonomi baru ini akan mencergaskan ekonomi negara untuk mencapai sasaran Wawasan 2020, Malaysia negara maju. Pelaksanaan koridor ekonomi ini juga harus diberikan masa yang munasabah untuk berjaya dan menunjukkan hasil. Negara kita juga telah mengambil masa selama 20 tahun untuk menjadi sebuah negara perindustrian, perkara pokok sekarang ini adalah Malaysia perlu menarik kembali pelabur asing yang telah ditarik ke negara-negara lain, yang menawarkan peluang-peluang pelaburan yang lebih baik daripada negara kita.

Dr. M. Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]: [Bangun]

Datuk Nur Jazlan bin Tan Sri Mohamed [Pulai]: Projek koridor ini telah pun menarik perhatian pelabur asing, terutama daripada Timur Tengah kerana kedudukan strategik Malaysia dalam laluan perdagangan antarabangsa, saya percaya ramai lagi pelabur asing akan berminat dengan Malaysia selepas 16 September, kerana Pakatan Rakyat telah gagal mengambil alih kerajaan. Tuan Yang di-Pertua, saya telah mengamati ucapan.. Bagi saya habiskan dulu boleh tak, sikit lagi.

Tuan Yang di-Pertua, saya telah mengamati ucapan Yang Berhormat Ketua Pembangkang dari Permatang Pauh dan juga bekasnya Ipoh Timur yang banyak menggunakan pemikiran orang lain terutamanya falsafah dari negara Barat. Ucapan mereka penuh dengan kritikan tapi kurang cadangan yang membina, yang positif, yang boleh digunakan untuk manfaat kita semua. Sebahagian besar dari ucapan mereka adalah mengenai korupsi dalam Kerajaan Barisan Nasional, perkara itu diulang beberapa kali dengan menyatakan bahawa pemimpin BN menyalahgunakan kuasa. Pemimpin BN terlalu lama memerintah sebab itu mereka dah sedap dengan kuasa dan mengamalkan korupsi. Akan tetapi yang saya hairan, kalau pemimpin BN mengamalkan korupsi yang berleluasa selama ini di negeri-negeri yang sekarang ini diperintah Pakatan Rakyat, kenapa setelah enam bulan mereka memerintah, belum ada pendedahan yang dibuat oleh Pakatan Rakyat mengenai korupsi yang berleluasa, yang dibuat oleh pemimpin BN di negeri-negeri yang mereka memerintah sekarang sebelum ini?

Walau bagaimanapun, di negeri Perak baru-baru ini, ada Exco dan pemimpin PKR yang didakwa dalam mahkamah atas tuduhan rasuah setelah memerintah selama enam bulan. Tuduhan rasuah ini bukan saja tuduhan rasuah wang ringgit seperti yang dilemparkan kepada pemimpin BN tapi juga rasuah seks.

Ini adalah satu perkembangan terbaru yang dipelopori oleh parti PKR. Tuan Yang di-Pertua, sekarang ini baru saya faham kenapa Penasihat PKR daripada Permatang Pauh telah menetapkan tarikh 16 September untuk mengambil alih kuasa dengan cepat, sebenarnya beliau tahu orang-orang dialah yang rakus, tamak dan mengamalkan salah guna kuasa. Agaknya tak sabar kerana dah lama menunggu, jadi mungkin, Permatang Pauh juga tahu perangai orang-orang dia. Jadi sebelum banyak lagi kes keluar dari negeri-negeri di bawah pemerintahan Pakatan Rakyat, lebih baik beliau cepat-cepat ambil Kerajaan Pusat untuk menutup kes-kes tersebut.

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, dan rakan-rakan sekalian, seluruh ekonomi dunia termasuk juga rakyat di negara ini sedar bahawa ekonomi dunia sekarang ini memasuki era yang amat mencabar bukan sahaja berkaitan dengan isu politik, atau sosial tapi juga ekonomi. Kuasa ekonomi dunia, Amerika Syarikat telah menyaksikan krisis subprima yang berlaku sejak awal tahun ini dan natijahnya menyebabkan syarikat kewangan terbesar dunia Meryll Lynch yang berumur lebih 100 tahun, mufliis.

Manakala syarikat insurans utama dunia, America Insurance Group (AIG) juga terpaksa diselamatkan sekali lagi. Keadaan institusi kewangan yang tenat telah memaksa Kerajaan Amerika Syarikat untuk meluluskan dana berjumlah USD700 bilion atau RM2.4 trilion untuk menyelamatkan atau *bail out* syarikat-syarikat kewangan mereka.

Kegagalan institusi-institusi kawalan kewangan seperti *Federal Reserve* dan *Treasury Department*, dengan izin untuk mengawal kelakuan pengurusan syarikat korporat kewangan gergasi Amerika ini telah menyebabkan Amerika Syarikat menambah beban hutangnya kepada suatu tahap yang tidak dapat diuruskan lagi. Sekarang baru saya bagi laluan.

■1240

Dr. M. Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat dari Pulau. Hanya nak tanya berkenaan koridor-koridor pembangunan dengan memandangkan suasana ekonomi dunia sudah ubah yang dikatakan *sub-prime crisis* dan kemungkinan kegawatan yang besar di Amerika Syarikat dan Eropah. Adakah kita akan dapat FDI? Oleh kerana FDI ini, dia bergantung pada permintaan di negara mereka. Jika mereka tak boleh jual benda-benda di negara mereka, mereka tidak akan datang sini melabur.

Jadi adakah perlu kita kaji balik? Adakah perlu koridor-koridor pada masa ini ataupun adakah lebih baik kita tangguhkan projek ini dan pakai dana itu untuk menjaga rakyat semasa kegawatan. Pekerjaan akan dikurangkan, masalah makanan, masalah *basis* untuk rakyat. Tidakkah lebih baik kita kaji balik, pakai dana itu untuk rakyat pada masa kegawatan ini dan tangguhkan projek-projek koridor. Terima kasih.

Datuk Nur Jazlan Bin Mohamed [Pulau]: Terima kasih Yang Berhormat Sungai Siput. Sebenarnya kita harus mengambil satu pemikiran jangka panjang. Sebab itu dalam perancangan, satu perancangan itu dirancang untuk tempoh masa yang lama, bukannya *short term*. Di dalam pelaksanaan projek-projek tersebut, maka akan adalah naik turun ekonomi dan sebagainya seperti apa yang berlaku sekarang ini.

Yang penting di negara kita ini adalah bahawa negara kita mempunyai dasar kewangan yang ketat, yang dapat melindungi kita daripada kesan krisis kewangan dunia yang berlaku sekarang ini. Akan tetapi kita tidak boleh mengambil tindakan *knee-jerk* iaitu tindakan yang tindak balas sekiranya berlaku apa-apa perkara yang bersifat *short term*. Yang pentingnya daripada segi *long term* nya, pelabur asing, dia nak tengok apakah rancangan kerajaan kita.

Dia nak tengok sama ada politik kita stabil atau tidak, dia nak tengok sama ada kerajaan kita boleh tak melaksanakan projek ataupun melaksanakan dasar ekonomi tanpa ada dolak-dalik. Maknanya kalau dah jalan biar jalan terus, jangan separuh jalan ditarik balik. Jadi kalau kita memberikan isyarat bahawa projek-projek ini akan dibatalkan dan sebagainya, maka itu akan memberikan isyarat yang negatif kepada pelabur dan mereka tidak akan lagi memberikan tumpuan kepada projek-projek koridor yang saya sebutkan tadi. Yang pentingnya Yang Berhormat Sungai Siput, kita harus fikir *long term*. Terima kasih.

Beban hutang korporat negara di Amerika Syarikat telah menyebabkan krisis keyakinan atau *confidence crisis* dengan izin berkenaan dengan keupayaan Amerika Syarikat untuk membayar hutang yang tertunggak dan hutang ke hadapan. Krisis keyakinan ini akhirnya telah merebak dan menyebabkan *liquidity* atau kecairan kewangan Amerika Syarikat kering disebabkan oleh keengganan bank-bank di Amerika Syarikat untuk meminjam di antara satu sama lain.

Pemimpin negara dan juga pakar kewangan terkemuka Amerika Syarikat telah kaku dan lambat bertindak, menyebabkan hakisan keyakinan yang lebih serius. Amerika Syarikat yang sebelum ini melantik diri sendiri menjadi moral *authority* dengan izin untuk mengawal tingkah laku kewangan negara di seluruh dunia akhirnya terjebak dalam sebuah krisis kewangan yang mungkin boleh membankrapkannya.

Dasar Amerika Syarikat memberikan *standard of living* atau *American way of life* dengan izin yang tinggi kepada rakyatnya dengan berhutang, akhirnya menyebabkan Amerika Syarikat hampir muflis. Amerika Syarikat untuk makluman Ahli-ahli Dewan, mempunyai *balance sheet* dengan izin iaitu laporan timbang tara yang menunjukkan hutang yang dianggarkan USD11 trilion berbanding dengan aset berjumlah USD15 trilion.

Jadi nampaknya negara Amerika Syarikat yang begitu gagah ini mempunyai hutang yang tidak boleh lagi mereka tanggung dengan kewangan yang mereka ada. Sekarang ini juga, teori ekonomi yang menyatakan sesebuah negara dianggap tidak boleh bankrap sudah tidak boleh dipakai lagi apabila Iceland telah terpaksa mengakui bahawa negara tersebut telah bankrap dan terpaksa meminjam US5 bilion untuk menyelamatkannya.

Akhirnya tindakan lambat kerajaan Amerika telah menyebabkan krisis kurang cair kewangan atau *lack of liquidity* dalam sistem kewangan Amerika Syarikat ini merebak ke seluruh dunia termasuk Eropah dan Asia dan juga Korea Selatan sebagai contoh. Di banyak negara Eropah seperti Ireland dan Germany, kerajaan mereka telah mengambil keputusan untuk menjamin simpanan di dalam bank negara-negara tersebut. Tindakan menjamin sepenuhnya simpanan bank di negara-negara tersebut bermakna bahawa teori perbankan yang digunakan oleh pakar ekonomi selama ini juga sudah tidak boleh dipakai lagi.

Kita di Malaysia sepatutnya bersyukur kerana keadaan kita di Malaysia berbeza di mana sistem perbankan negara kita masih stabil dan kuat. Dijangka tidak akan mengalami masalah besar disebabkan oleh krisis kewangan dunia sekarang. Bank Negara telah mengawal bank-bank di negara kita dengan baik dan mengamalkan dasar toleransi risiko yang rendah untuk melaksanakan dasar pengawalan kewangan mereka.

Kerajaan juga telah banyak belajar dan mengamalkan dasar kewangan yang konservatif selepas peristiwa krisis mata wang tahun 1998 dulu.

Tuan Yang di-Pertua, ciri-ciri masalah kewangan yang dihadapi oleh Malaysia pada tahun 1998 dulu sama dengan masalah yang dihadapi oleh Amerika Syarikat dan Eropah

sekarang. Iaitu *crisis liquidity* dan juga kurang keyakinan yang berpotensi untuk merebak dan menjejaskan ekonomi negara-negara di dunia ini termasuk ekonomi negara kita, Malaysia.

Kerajaan pada ketika itu dikecam hebat oleh Amerika Syarikat dan Eropah kerana menolak bantuan IMF yang bermotif politik dan bertujuan untuk merosakkan ekonomi negara. Kerajaan juga dikecam kerana mengambil tindakan menggunakan wang rakyat untuk menyelamatkan syarikat-syarikat besar yang bermasalah. Kerajaan juga dikecam kerana enggan menaikkan kadar faedah pinjaman yang boleh menyebabkan banyak syarikat-syarikat tempatan bankrap.

Kerajaan juga telah mewujudkan Dana Harta yang mengambil alih hutang-hutang lapuk dan juga *Non Performing Loans* atau NPL dengan izin daripada bank-bank dan sekali gus menyuntik modal ke dalam bank-bank yang bermasalah tersebut. Kerajaan juga pada ketika itu telah memulakan proses penggabungan bank-bank untuk memperkukuhkan sistem perbankan di negara kita ini. Tindakan yang dibuat oleh kerajaan Amerika Syarikat dan di Eropah untuk menyelesaikan masalah kewangan negara mereka sekarang ini juga mirip apa yang dibuat oleh Malaysia 10 tahun lepas.

Jadi itulah merupakan kejayaan kerajaan Barisan Nasional juga memastikan bahawa ekonomi kita, sistem kewangan kita kukuh selepas mengalami masalah. Mereka-mereka yang memberikan kritikan kepada kita 10 tahun dulu, sekarang ini mengambil daripada buku cara penyelesaian Barisan Nasional untuk menyelesaikan masalah mereka.

Kerajaan Amerika Syarikat juga telah *bail out* dengan izin syarikat-syarikat gergasi mereka dan Bank Negara Amerika Syarikat iaitu *Federal Reserve* telah menurunkan kadar faedah pinjaman daripada 2% kepada 1.5% baru-baru ini. Apalah gunanya pendeposit menyimpan wang di dalam bank, kalau mereka hanya mendapat kadar faedah berjumlah 1.5%. Akan tetapi itu pun kerana dalam keadaan terdesak, Amerika Syarikat terpaksa menurunkan kadar faedahnya supaya syarikat-syarikat dan juga rakyatnya senang dan tidak menerima kesan akibat daripada keadaan ekonomi yang tidak baik.

Sekarang ini juga Kerajaan Amerika Syarikat telah bercadang untuk mewujudkan sebuah agensi seperti Dana Harta dan Kerajaan Amerika Syarikat juga telah campur tangan dalam *free market economy* mereka dengan izin dan memaksa bank-bank di Amerika Syarikat untuk bergabung. Saya hairan juga kenapa ada *double standard* dengan izin, yang diamalkan di sini. Dulu kita tak boleh buat tapi sekarang mereka boleh buat. Saya tak tahulah apa sebabnya, mungkin Yang Berhormat Permatang Pauh yang merupakan Menteri Kewangan pada ketika itu yang menjadi *champion* kepada IMF dan juga Amerika Syarikat dan bertentangan dengan kepimpinan negara boleh menjelaskan kepada Dewan yang mulia kita ini apa yang berlaku pada ketika itu.

Mungkin saya dapat sedikit sebanyak menjelaskan niat sebenar IMF yang dikudakan oleh Amerika Syarikat untuk berbuat demikian. Preskripsi IMF sebenarnya adalah pintu masuk

belakang untuk Amerika Syarikat mengambil alih syarikat besar yang penting di Malaysia dan seterusnya menguasai ekonomi negara kita.

■1250

Tuan Yang di-Pertua, ketidakstabilan sektor kewangan Amerika Syarikat jelas menggugat pertumbuhan ekonomi di negara tersebut serta Eropah dan di ditambah dengan harga minyak yang tidak menentu di pasaran dunia, kenaikan harga barang makanan utama di rantau ini seperti beras tidak dapat dielakkan lagi. Walaupun aktiviti ekonomi di rantau Asia terutamanya di India dan di China kekal menggalakkan namun sokongan permintaan domestik di negara berkenaan mungkin terjejas akibat tekanan inflasi. Ia diburukkan lagi dengan bencana alam yang melanda seperti China dan gempa bumi selain daripada krisis politik di negara kita iaitu Thailand.

Selain daripada kuasa ekonomi Asia Timur iaitu Jepun memburukkan lagi usaha untuk menstabilkan harga barangan di rantau Asia khususnya di Asia Tenggara.

Ada tanda-tanda bahawa dunia akan mengulangi keadaan ekonomi yang dialami selepas kenaikan harga minyak yang mendadak pada tahun 1970-an dulu iaitu *stagflation* dengan izin iaitu kadar inflasi yang tinggi berserta dengan pertumbuhan ekonomi yang meleset. Apabila ditambahkan lagi dengan krisis *liquidity* kewangan dunia yang semakin meruncing. Pada pendapat saya, dunia akan melalui tempoh kemelesetan atau *recession* yang mengambil masa yang panjang. Kalau krisis keyakinan dan *confidence*, dengan izin berterusan maka saya khuatir bahawa dunia juga mungkin akan terjerumus kepada zaman *depression*, dengan izin.

Pada pendapat saya lambat laun kita akan menerima akibat daripada krisis kewangan dunia ini. Kestabilan kewangan negara kita memberikan ruang dan masa untuk kita memikirkan cara penyelesaian yang terbaik dari segi jangka panjang dan juga supaya kita tidak panik. Kerajaan juga perlu memastikan bahawa krisis keyakinan yang melanda dunia sekarang ini tidak berlaku di Malaysia di mana kerajaan boleh memastikan bahawa kecairan atau *liquidity* dalam sistem kewangan negara kita cukup. Kerajaan juga perlu memastikan bahawa dana-dana yang disediakan untuk pinjaman kepada syarikat-syarikat besar atau kecil mencukupi untuk membantu mereka melalui tempoh yang tidak menentu ini.

Kerajaan juga perlu memastikan bahawa syarikat-syarikat ini juga terus boleh hidup dan menjamin pekerjaan rakyat. Kerajaan juga perlu memastikan bahawa bantuan yang diberikan kepada mereka-mereka yang menghadapi masalah membiayai kos rumah untuk rakyat diteruskan supaya rakyat tidak akan hilang keyakinan dengan ekonomi negara dan berhenti berbelanja. Tindakan membantu pembeli rumah ini penting kerana pemilikan rumah atau harta ini memberikan kesan psikologi yang positif melalui *the wealth effect*, dengan izin dan mengekalkan keyakinan kepada rakyat untuk terus berbelanja.

Kerajaan juga perlu memastikan bahawa kadar inflasi dikawal supaya pendapatan guna pakai atau *disposable income* dengan izin, untuk rakyat tidak terhakis. Kerajaan juga akan

menghadapi masalah yang besar sekiranya *purchasing power*, dengan izin kuasa membeli rakyat menjejaskan perbelanjaan pengguna atau *consumer spending* dengan izin, yang diperlukan untuk menggalakkan pertubuhan negara dalam ketiadaan eksport market yang mungkin akan terjejas disebabkan oleh krisis kewangan dunia ini.

Pada pendapat saya, Yang Berhormat Menteri Kewangan tidak perlu membentangkan belanjawan baru seperti yang diminta oleh pembangkang kerana Bajet 2009 yang dibentangkan adalah bajet yang prihatin rakyat.

Kerajaan perlu berbelanja sekarang untuk meringankan beban rakyat menangani kos sara hidup yang semakin tinggi. Kalau kita ada deposit belanjawan, kerajaan boleh membuat *adjustment* kepada perbelanjaan yang lain, yang pentingnya apa yang diluluskan di Dewan Parlimen ini adalah merupakan siling maksimum untuk perbelanjaan kerajaan tahun 2009 dan masih boleh diubah mengikut kesesuaian waktu dan juga keadaan. Lagipun sesebuah bajet itu disediakan berdasarkan kepada andaian-andaian tertentu untuk setahun bajet itu beroperasi.

Kalau Ketua Pembangkang memperkatakan bahawa bajet sekarang perlu ditarik kerana andaian harga minyak yang berada di paras USD79 sekarang ini jauh daripada andaian asal USD125 setong, saya rasa tindakan mendadak tersebut tidak munasabah kerana harga minyak mungkin boleh naik semula ke paras USD120 pada masa akan datang dalam tahun ini memandangkan keadaan politik dunia yang meruncing disebabkan oleh krisis ekonomi. Mungkin juga ada negara-negara yang anti kepada sahabat baik Yang Berhormat Ketua Pembangkang Amerika Syarikat seperti Venezuela yang membekalkan 5% daripada minyak dunia akan menutup bekalan minyak dan menaikkan harganya pada bulan-bulan yang ke hadapan.

Minyak juga merupakan sumber hasil yang *finite*, dengan izin tidak boleh diganti. Jadi dalam zaman di mana bekalan minyak dunia semakin kurang, oleh itu andaian yang dipakai oleh kerajaan bahawa harga minyak akan terus naik adalah munasabah. Kerajaan juga boleh mengikut kehendak pembangkang dan menanggungkan projek-projek kemudahan dan kepentingan rakyat seperti projek pengangkutan MASSA untuk rakyat di Lembah Klang dan juga projek jalur lebar yang perlu untuk menjana sumber ekonomi informasi yang baru. Akan tetapi kita juga harus memikirkan kesan daripada tindakan *knee jerk* ini. *The knee jerk reaction* dengan izin dari tindakan kerajaan untuk mengubah perancangan jangka panjang negara berdasarkan kepada data jangka pendek.

Yang Berhormat Ketua Pembangkang telah menyebut mengenai pembelian helikopter oleh Kementerian Pertahanan, saya menolak andaian Yang Berhormat Permatang Pauh bahawa ada penyelewengan dalam pembelian tersebut kerana dalam apa-apa pembelian senjata canggih ini ianya bergantung kepada pelbagai faktor seperti *servicing*, alat ganti pembiayaan dan sebagainya selain daripada spesifikasi yang ditentukan. Tidak semestinya kerajaan terikat untuk membeli produk yang paling murah walaupun pembelian ini telah dibuat melalui tender.

Yang Berhormat Ketua Pembangkang juga telah menyebut mengenai projek HSBB, High Speed Broadband. Di sini saya ingin memberikan sedikit penjelasan tetapi sebelum itu saya ingin membuat deklarasi bahawa saya merupakan salah seorang daripada Ahli Lembaga Pengarah TM Berhad yang melaksanakan projek HSBB ini. Saya ingin membetulkan kenyataan Yang Berhormat Ketua Pembangkang dan juga bekasnya, Yang Berhormat Ipoh Timur yang mengatakan bahawa projek HSBB ini adalah projek yang tidak dilaksanakan melalui proses tender terbuka.

Projek HSBB ini sebenarnya adalah projek yang diberikan kepada TM Berhad kerana beberapa sebab yang kukuh. Pertama, saya ingin menjelaskan di sini bahawa syarikat TM Berhad adalah merupakan syarikat yang disenaraikan di Bursa Saham Kuala Lumpur. Pemegang-pemegang sahamnya adalah agensi kerajaan seperti Khazanah Malaysia. Lebih kurang 60% saham TM dipegang oleh agensi kerajaan. Pemegang saham yang lainnya adalah merupakan orang awam. Jadi soal kontrak ini diberikan kepada orang-orang tertentu tidak betul kerana penerima hasil ataupun keuntungan daripada kontrak ini adalah juga kerajaan dan orang awam yang membeli saham di Bursa Saham Kuala Lumpur.

Mengenai pembelian kontrak untuk peralatan, pelan pembinaan rangkaian fiber optik untuk *high speed broadband* ini, untuk makluman pembangkang, TM Berhad sedang menjalankan proses tender terbuka untuk membeli barangan tersebut. Jadi tidak timbullah soal tender terbuka tidak dibuat untuk menentukan pembelian barang-barang tersebut. Kedua,...

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Minta penjelasan sedikit tentang *point*. Sikit sahaja.

Datuk Nur Jazlan bin Tan Sri Mohamed [Pulai]: Sudah pukul 1.00. Okeylah, boleh.

Dr. Mohd. Hatta bin Md. Ramli [Kuala Krai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga terima kasih kepada Yang Berhormat Pulai. Saya bersetuju bahawa tender yang diberikan itu nanti untungnya Telekom juga yang mana kerajaan menjadi pemegang saham yang terbesar. Isunya bukan kepada Telekom tetapi kepada orang yang mendapat tender itu. Orang yang mendapat tender itu adalah orang-orang yang mungkin dipilih tidak melalui satu proses. Ini yang dipertikaikan, yang dibangkitkan ialah orang yang tidak layak mendapat. Bukan kita sebagai pemberi tender tetapi orang yang mendapat itu adalah tergolong daripada orang-orang yang dipertikaikan sama ada mereka itu orang yang rapat kah ataupun kaum keluarga. Itu isunya bukan syarikat itu, bukan syarikat yang memberikan tender itu. Jadi saya minta penjelasan Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Pulai, panjang lagikah Yang Berhormat? Sambung petanglah Yang Berhormat.

Datuk Nur Jazlan bin Tan Sri Mohamed [Pulai]: Tidak, hendak jawab sahaja jangan biar tergantung karang dia tidak puas. Kan saya katakan tadi bahawa tender untuk pembelian apa-apa barangan dan juga perkhidmatan untuk projek ini dibuat di peringkat TM Berhad melalui

proses tender terbuka. Andaian yang dibuat oleh Yang Berhormat Kuala Krai tadi meleset. Kalau tuduhannya adalah projek ini tidak dibuat melalui tender terbuka, itu meleset. Soal siapa yang menerima tersebut ini kita kena fikir positiflah...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Sambung petang Yang Berhormat.

Datuk Nur Jazlan bin Tan Sri Mohamed [Pulai]: Jangan kita sentiasa fikir negatif, ini yang rosak pembangkang ini. Jadi saya berhenti rehat, Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Sambung petang. Ahli Yang Berhormat kita tangguhkan Mesyuarat sehingga jam 2.30 petang.

Mesyuarat dtempohkan pada pukul 1.01 petang.

Mesyuarat disambung semula pada pukul 2.30 petang.

[Tuan Yang di-Pertua *mempengerusikan Mesyuarat*]

Tuan Sim Tong Him [Kota Melaka]: Tuan Yang di-Pertua, nampak kuorum masih belum cukup.

Seorang Ahli: Macam Mat Sabu sahaja.

Tuan Yang di-Pertua: Sila, bunyikan loceng lain.

[Loceng dibunyikan]

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Tuan Yang di-Pertua, hendak tanya sedikit. Saya tanya kawan-kawan, semua kesejukan. Saya ingat saya sejuk, mungkin penghawa dingin terlampau tinggi kuasanya. Boleh kasi turun sedikit kah?

Dr. Haji Mohd. Puad Zarkashi [Batu Pahat]: *[Menyampuk]*

Tuan Yang di-Pertua: Sila, saya rasa kuorum cukup dah 26 orang.

2.35 ptg.

Datuk Nur Jazlan bin Tan Sri Mohamed [Pulai]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Banyak betul gangguan. Macam hendak halang Timbalan Presiden UMNO sahaja. *[Ketawa]* Bawa perubahan pada UMNO. *[Ketawa]* Terima kasih. Saya sambung semula.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat, panjang? Ada setengah jam boleh begitu? Ada lagi setengah jam?

Datuk Nur Jazlan bin Tan Sri Mohamed [Pulai]: Lebih.

Tuan Yang di-Pertua: Lebih?

Datuk Nur Jazlan bin Tan Sri Mohamed [Pulai]: Lebih. Kena bagilah calon...

Tuan Yang di-Pertua: Selepas ini saya mahu jemput Yang Berhormat Marang. Selepas itu baru saya hadkan masa.

Datuk Nur Jazlan bin Tan Sri Mohamed [Pulai]: Saya ikut arahan dari Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua: Ya, sila Yang Berhormat Pulai.

Datuk Nur Jazlan bin Tan Sri Mohamed [Pulai]: Terima kasih. Saya sambung semula perbincangan saya mengenai Projek HSPB. Kedua, untuk menjawab soalan bahawa subsidi kewangan yang diberikan oleh kerajaan tidak perlu dan membazir kepada Telekom, saya ingin memaklumkan di sini bahawa Projek (*HSPB*) *High Speed Broadband* ini adalah merupakan projek yang mempunyai negatif IRR dengan izin maknanya projek ini dijangka akan mengalami kerugian.

Memandangkan projek ini merupakan projek yang dikehendaki oleh kerajaan untuk memacu pertumbuhan ekonomi negara melalui pembinaan *network fiber optic* yang canggih yang boleh menggalakkan lagi industri k-ekonomi, maka saya rasa wajarlah bagi kerajaan untuk memberikan bantuan subsidi sebanyak RM2.8 bilion untuk melaksanakan projek ini. Kita kena ingat projek ini *is not commercially viable* dengan izin, tetapi Telekom Malaysia Berhad sanggup mengambilnya.

Subsidi yang diberikan oleh Kerajaan Singapura sebagai contoh adalah lebih kurang SD1 bilion kepada syarikat yang melaksanakan projek HSPB di Singapura. Ini bermakna bahawa Singapura pun tahu bahawa projek-projek seperti ini tidak membawa keuntungan. Korea memberikan subsidi sebanyak RM5.5 bilion kepada syarikat yang menjalankan Projek HSPB. Di Sweden juga, Kerajaan Sweden memberikan sebanyak RM3.3 bilion untuk syarikat yang melaksanakan projek HSPB di negara Sweden tersebut.

Untuk makluman Dewan juga, TM Berhad akan membelanjakan sebanyak RM8.9 bilion dari dananya sendiri untuk melaksanakan projek ini. Semalam ada disebut mengenai keupayaan syarikat bernama HSBT melaksanakan projek ini berbanding dengan TM. Saya hendak nyatakan di sini bahawa HSBT merupakan syarikat yang belum lagi terbukti keupayaan kewangannya.

Ketiga, kos projek ini tinggi kerana ia perlu dilaksanakan dengan cepat supaya Malaysia tidak ketinggalan berbanding dengan negara-negara lain. Sebagai contoh...

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Insya-Allah, saya akan datang rumah terbuka Tuan Yang di-Pertua malam ini. Terima kasih Yang Berhormat. Kita mendengar hujah daripada pembangkang yang menggambarkan bahawa *High Speed Broadband* ini merupakan satu projek yang mega kononnya, yang tidak mendatangkan manfaat kepada negara tetapi dengan maklumat Yang Berhormat ketengahkan tadi seperti Korea, Sweden, *Singapore* sendiri membelanjakan berbilion-bilion semata-mata untuk memacu ekonomi negara mereka. Jadi, apakah ini bermakna bahawa pembangkang berbicara tetapi tidak ada fakta. Minta pandangan?

Datuk Nur Jazlan bin Tan Sri Mohamed [Pulai]: Terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan. Itulah penjelasan yang hendak saya berikan di sini. Kita ini terlalu baik, Kerajaan Barisan Nasional kita hendak memajukan Projek Jalur Lebar kita supaya mudah untuk pembangkang menggunakan internet dan menghentam kita. Jadi, saya berharap bahawa

penjelasan yang saya berikan ini adalah merupakan penjelasan yang mempunyai fakta dan bukan andaian seperti yang dikatakan oleh pembangkang.

Jadi, ketiga, kos projek ini tinggi kerana ia perlu dilaksanakan dengan cepat supaya Malaysia tidak ketinggalan berbanding dengan negara lain. Seperti saya katakan tadi, Singapura menyasarkan untuk melaksanakan 100% Projek HSPB ini di negara mereka pada tahun 2015. Maknanya lagi tujuh tahun siap.

■1440

Jepun dan Korea telah melaksanakan sebanyak 95% projek HSBB di negara mereka. Di Eropah dan di US pun sekarang ini projek HSBB ini dipercepatkan pemasangannya. Di Timur Tengah orang Arab pun sekarang ini memandang bahawa internet ini merupakan satu perkara yang boleh digunakan untuk menambahkan lagi pertumbuhan ekonomi negara mereka. Jadi semua negara-negara ini meletakkan keutamaan kepada projek HSBB kerana mereka sedar pentingnya HSBB ini sebagai penyampai kepada peniagaan berdasarkan ilmu. Projek ini penting untuk membangunkan industri ilmu bagi menarik FDI, *foreign direct investment* dan juga bakat pekerja ilmu yang terbaik untuk datang bekerja ke negara kita.

Keempat TM Berhad sudah mempunyai jaringan jalur lebar seperti *Streamyx* yang mempunyai 1.5 juta pelanggan yang boleh ditukar serta merta untuk menjadi pelanggan HSBB secara langsung. Oleh itu atas dasar *ready market* ini atau pasaran pelanggan yang sedia ada maka lebih mudahlah TM Berhad melaksanakan projek HSBB ini. Jadi projek HSBB ini untuk makluman Dewan dilaksanakan demi kepentingan negara bukan individu. Projek HSBB ini bertujuan untuk mempertingkatkan pertumbuhan ekonomi negara kita. Projek ini bertujuan untuk menyediakan infrastruktur untuk membangunkan K-ekonomi negara kita. Unit Perancang Negara telah menjalankan kajian dan mendapati bahawa impak ekonomi kepada negara daripada projek HSBB ini akan menambah jumlah 1% kepada keluaran kasar dalam negara pada tahun 2017 nanti apabila projek ini disiapkan. Ini bermakna bahawa 220 ribu pekerjaan akan dapat dihasilkan dan ia akan memberikan sumbangan sebanyak RM60 bilion kepada ekonomi negara kita.

Tuan Yang di-Pertua saya juga ingin membawa sedikit pandangan mengenai perkara yang dibawa oleh Ketua Pembangkang iaitu mengenai pembelian saham BII oleh Maybank Berhad. Yang Berhormat Ketua Pembangkang ada membuat andaian bahawa ada korupsi yang berlaku dalam pembelian saham bank BII ini. Saya sendiri tidak tahu di peringkat mana korupsi ini berlaku dalam pembelian BII oleh Maybank ini kerana Ketua Pembangkang tidak memberikan apa-apa fakta dalam ucapan beliau. Pada pendapat saya asas yang diberikan oleh Maybank untuk membeli bank ini kalau kita lihat daripada tempoh jangka masa yang panjang, masih kukuh. Dengan syarat kita percaya bahawa ekonomi Indonesia akan terus berkembang dan keadaan politiknya terus stabil.

Dari segi politik nampaknya Presiden Susilo Bambang Yudhoyono telah berjaya menstabilkan politik Indonesia dan dijangka akan terpilih semua pada pilihan umum yang akan

datang pada tahun 2009. Kawalan sistem kewangan Indonesia juga nampaknya bertambah kukuh di bawah seorang menteri yang begitu tegas bernama *Sri Mulyani*. Pertumbuhan ekonomi Indonesia sejak tahun 2004 juga yang telah mencatat sekitar purata lima ke enam peratus dan dijangka akan terus berkembang. Jadi kemakmuran yang dirasakan oleh rakyat ini akan menaikkan keyakinan rakyatnya untuk berbelanja kerana wujud pekerjaan dan pendapatan yang meningkat. Rakyat juga akan memerlukan perkhidmatan bank akhirnya untuk menyimpan duit mereka dan juga membuat pelaburan. Jadi maka dari segi asas jangka panjang pembelian BII ini oleh Maybank saya rasa ia adalah baik. Soal harga mahal atau murah itu terpuang kepada penjual dan pembeli dan juga bergantung kepada masa transaksi itu dibuat.

Jadi kalau ini merupakan satu keputusan komersial, kita harus melihatnya dari segi sah. Apa yang kita nampak mahal sekarang akan kelihatan murah pada masa-masa yang akan datang. Jadi saya hendak berkongsi sedikit pengalaman saya juga. Saya juga pernah terlibat dalam meluluskan satu pembelian saham dalam sebuah syarikat telekomunikasi Indonesia bernama *PT ExcelcomIndo* yang dibeli TM Berhad pada tahun 2005 dulu. Lembaga Pengarah TM Berhad pada ketika itu telah menimbang harga tawaran *ExcelcomIndo* yang dilihat sebagai mahal pada RM1.3 bilion walaupun penilaian awam pada ketika itu menyatakan bahawa nilai *ExcelcomIndo* ini hanya RM500 juta. Akan tetapi Lembaga Pengarah Telekom Malaysia pada ketika itu telah mengambil keputusan untuk meneruskan pembelian tersebut kerana industri telekomunikasi di Indonesia pada ketika itu berkembang dengan pesat. Jadi walaupun Indonesia dianggap sebagai negara yang berisiko tinggi, keputusan telah dibuat berdasarkan kepada faktor jangka panjang. Saya hendak ingatkan di sini *the higher the risk, the more the return*. Apa dia Yang Berhormat Kuala Selangor?

Dr. Dzulkiefly Ahmad [Kuala Selangor]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Pulaui bakal Timbalan Presiden UMNO, doakan. Namun perhitungan Yang Berhormat Pulaui ini agak mencurigakan sikit. Tuan Yang di-Pertua *historically Indonesian* punya *merger acquisition* dengan izin, hanya ke paras *price between* paling tidaknya *2 and 2.5 book value*, dengan izin. Dalam suasana di mana kita sedang berdepan dengan kegawatan *global meltdown* yang kalau pun tidak terjejas kewangan dan *banking* dan *financial system* negara ini adalah cukup dipertikaikan kewajaran pembelian ini. Kerana kalau pun telah diberikan 15% *discount*. Hari ini satu saham BII yang dibeli 433 rupiah, itu *after discount*. 11.7 sen daripada 18.5 sen dahulunya tetapi dijangkakan, bukan hanya dijangkakan ini ramalan orang yang lebih pakar daripada kita yang bercakap di sini bahawa *earning* ekuitinya dijangkakan tidak akan dapat *recoup* ataupun *probably in the financial year ending Jun 30, 2011 financial year 11* barulah dianggarkan dapat *a lot longer to turn over its equity earning*.

Bagaimana pandangan Yang Berhormat Pulaui yang cuba walaupun susah untuk menegak benang yang basah ini. *Question over high risk, high return* itu munasabah tetapi *we have seen many got burn* dalam *investment* seumpama ini dan risiko *the sovereign risk* Indonesia

itu adalah tidak lebih baik daripada kita. Saya pun ada sedikit sebanyak pengalaman dari sudut perkara ini kalau tidak pun banyak tetapi dengan senario seperti ini apakah kita menerima *fare value* itu sebenar-benarnya. Ini yang dipertikaikan.

Sebentar tadi pun Yang Berhormat Pulai pun menyebutkan tentang yang dikatakan korupsi ataupun yang dipertikaikan itu pun bukan perkara Yang Berhormat Pulai pertikaikan tentang *high speed broadband* itu. Tidak disebutkan tentang korupsi tetapi dipertikaikan tentang proses tender dan *procurement* itu. Ini yang sekali lagi dipertikaikan. Semuanya persoalan *good governance*. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Tuan R. Sivarasa [Subang]: Tuan Yang di-Pertua, minta laluan kalau boleh sambung atas tajuk yang sama tadi. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Pulai. Tadi Yang Berhormat berkata dalam ucapan ketua pembangkang beliau bangkit isu ini tanpa fakta. Yang Berhormat itu tidak betul. Jangan sebut fakta ialah pembelian BII ini adalah lima kali *book value*. Itu fakta, tidak dapat dinafikan. Saya sambung daripada Yang Berhormat Kuala Selangor amalan di sana adalah 2 atau 2.5. Itulah yang kita lihat di Indonesia. Macam mana kita bayar lima kali? RM1 hingga ke RM2 bilion hangus ke mana?

■1450

Itulah soalan. Berdasarkan fakta. Jadi kita tidak boleh hujah sebagai jawapan kata, "Oh, Ketua Pembangkang kata tanpa fakta". Dia sebut fakta. So, itu satu, dan kedua tentang *broadband* itu saya difahamkan oleh pihak-pihak daripada Jaring, saya tidak dapat namakan tetapi mereka kata nilai kontrak ini sebenarnya adalah dalam lingkungan RM5 bilion. Sama ada itu benar atau tidak saya tidak tahu. Akan tetapi apa yang kita bayar sekarang adalah RM12 bilion. Nampak RM7 bilion ini adalah duit rakyat yang mungkin akan pergi ke mana kita tidak tahu. Macam mana kita akan tahu sama ada ini adalah betul, kita mesti buat secara terbuka dan secara telus. *We have to have transparent process*, dengan izin. Adakah itu berlaku? Tidak. Itulah persoalan dia. Jadi saya tanya kepada Yang Berhormat Pulai, dengan izin Tuan Yang di-Pertua *are you trying to defend the indefensible?* Terima kasih.

Datuk Nur Jazlan bin Tan Sri Mohamed [Pulai]: Terima kasih. Saya rasa saya jawab mengenai HSBB dahululah sebab sudah terlajak. Soal tender, saya sudah katakan tadi. Tender dibuat di peringkat Telekom Malaysia, tender dibuat secara tender terbuka dan Telekom Malaysia telah membuat proses tender ini selama berpuluh tahun, bukan baru ini. Jadi, bagi saya tidak timbul soal penyelewengan dalam proses tender. Pembangkang kata tender tidak terbuka, saya kata tender terbuka. Itu benar, bukan tipu. Soal perbezaan di antara harga yang dikatakan oleh wakil daripada Jaring itu, siapa-siapa boleh taruh harga. Yang penting sekarang ini adalah keupayaan dan juga TM untuk melaksanakan projek ini. Dan TM sendiri membawa keluar wang daripada dana sendiri sebanyak RM8.9 bilion, bukannya kerajaan memberikan sepenuhnya belanja untuk melaksanakan projek ini. Ini adalah projek usaha sama di antara kerajaan dengan TM.

Kerajaan juga melalui pelaburan tersebut, subsidi RM2.4 bilion tersebut akan mendapat apa-apa limpahan daripada keuntungan projek ini di atas daripada IRR yang saya sebut tadi. Kalau tanpa masuk wang daripada kerajaan, maka projek ini akan menghadapi keadaan negatif IRR dan kalau wang masuk ia akan menjadi positif IRR. Kerajaan akan mendapat limpahan keuntungan daripada pelaksanaan projek ini apabila ianya berlaku. Itu jawapan saya. Soal BII, terima tidak terima itu jawapan saya. Apa yang saya katakan dalam hujah saya mengenai BII adalah mengenai *future value*. Kalau kita lihat sesuatu pelaburan dari segi *value short term*, memang tidak banyak pelaburan yang akan dibuat. Jadi saya baru hendak habiskan cerita mengenai pembelian PTS Windows oleh TM Berhad, biar saya teruskan dahulu baru saya kembali semula.

Jadi apabila TM membeli saham dengan PTS Windows itu harga yang diberikan oleh penilai adalah RM500 bilion, harga yang akhirnya yang dibeli oleh Telekom Malaysia adalah RM1.3 bilion maknanya tiga kali ganda. Serupa seperti apa yang berlaku dalam kes BII ini, di mana Maybank telah membeli saham dalam BII ini dengan harga yang dua kali ganda daripada apa yang ditentukan oleh penilai. Jadi, untuk menyambung apa yang saya katakan tadi, sekarang ini kerana keyakinan Lembaga Pengarah TM pada ketika itu mengenai suasana politik dan ekonomi Indonesia, maka pelaburan tersebut telah menjadi sekarang ini harganya lebih kurang RM4 bilion ke RM5 bilion. Daripada jumlah pelaburan yang kita masukkan RM1.3 bilion sekarang ini telah menjadi RM4 bilion ke RM5 bilion dan syarikat tersebut disenaraikan dalam Bursa Saham Indonesia. Jadi kalau kita membuat satu pelaburan berdasarkan kepada data jangka pendek, maka saya rasa itu akan menggagalkan usaha kita untuk membuat satu pelaburan. Kita kena tengok *future value* berdasarkan kepada *fundamentals* yang ada di dalam sesebuah negara tersebut.

Dr. Dzulkefly Ahmad [Kuala Selangor]: Sedikit sahaja. Tuan Yang di-Pertua, Dewan yang mulia ini mahu merakamkan bahawa daripada perspektif Pakatan Rakyat sekalipun, kita tidak mempertikaikan kepentingan untuk kita menjadi pro *business*. Yang mahu dirakamkan di sini adalah bagaimana dalam pembelian-pembelian sebesar ini dalam projek-projek mega ini yang dipertikaikan bukan projek itu ataupun kepentingan projek itu. Negatif IRR satu hal, tetapi yang dipertikaikan itu adalah pembayaran yang terlalu mahal daripada *fair value* yang akhirnya menggunakan dana rakyat, *tax payers money*. Tidak ada yang mempertikaikan tentang kalau infrastruktur khususnya, memang tidak ada negara di dunia ini contohnya *rail* ataupun kereta api, sistem kereta api memang tidak ada keuntungan.

Semua negara di dunia ini membuat pelaburan dalam infrastruktur *double tracking* ke, *rail system* atau kereta api ini memang tidak ada untungnya. Kerana ia adalah satu pelaburan untuk memacu dan membawa kesan *multiplier*, kesan limpahan kepada merangsang ekonomi negara tersebut. Persoalannya di sini bukan itu yang dipertikaikan, tetapi pembayaran yang terlalu mahal. Di situ perkara *open tender* itu menjadi penting. Kembali kepada persoalan BII,

Yang Berhormat Pulai mempertikaikan seolah-olah kita tidak memahami *future earnings* dan sebagainya. Kalau kita lebih teknikal dalam perkara ini, membincangkan tentang *valuation* dan banyak bukannya satu. *Good value, minor debt, cash flow* kita boleh berbicara di dalam Dewan Rakyat ini tidak memerlukan kita lebih teknikal pada itu.

Persoalannya adalah bagaimana kita sanggup membayar RM2 bilion, RM3 bilion lebih daripada *fair value* yang sepatutnya kita terima atau yang sepatutnya ditawarkan kepada kita. Kesemuanya adalah wang rakyat yang hangus dan tidak perlu kita laburkan begitu kerana bayangkan bagaimana banyaknya pembangunan yang boleh kita lakukan dengan RM2 bilion RM3 bilion ini. *High Speed Broadband* tadi itu begitu juga RM3 bilion. Tidak mustahil seorang pakar ekonomi menganggarkan setiap tahun 3% daripada GDP kita ini hangus kerana ketirisan seumpama ini.

Tuan Yang di-Pertua, ini perkara perlu dirakamkan dan kalau begini berterusan kita mengurus kewangan dan dana negara ini, maka tidak mustahil kita menjadi negara yang - sebab itu kita menjadi negara yang paling corot dari sudut daya saing kita dan kita menghanguskan dana rakyat dan *tax payers money* ini dengan kita mudah-mudah menggunakan *to defend* apa yang disebutkan oleh Yang Berhormat Subang tadi *trying to defend what is indefensible*. Itu yang kita maksudkan dan Dewan yang mulia ini merakamkan perkara itu dengan cukup rasa bertanggungjawabnya dan bakal Timbalan Presiden PAS nampaknya, maaf Timbalan Presiden boleh pindah kemudian. Timbalan Presiden UMNO nampaknya bersuara dalam nada dan tema yang sama walaupun merupakan ia satu nafas baru yang harusnya segar dan menyegarkan dan meremajakan UMNO yang sudah kian lama melepasi sah tarikh lakunya. Terima kasih.

Tuan Yang di-Pertua: Yang Berhormat Pulai, saya mengingatkan. Di samping murah hati sangat memberikan kebenaran dalam pencelaan sebegini, harus mengambil kira masa juga Yang Berhormat Pulai itu menjadi singkat.

Datuk Nur Jazlan bin Tan Sri Mohamed [Pulai]: Baik, selepas ini saya tidak bagi laluan lagi. *[Ketawa]*

Tuan Yang di-Pertua: Sila.

Datuk Nur Jazlan bin Tan Sri Mohamed [Pulai]: Jadi, begini apa yang saya hendak bawa di sini mengenai pembelian BIF oleh Maybank ini adalah mengenai trend yang baru, yang timbul daripada aktiviti *sovereign funds*. Makanya dana-dana kepunyaan kerajaan yang dikumpulkan dalam negara, tetapi selepas itu dilaburkan di luar negara untuk mendapatkan pulangan yang lebih tinggi.

■1500

Kita juga harus sedar bahawa di Malaysia ini negara kita menghadapi masalah untuk menghasilkan pertumbuhan ekonomi lebih tinggi. Jadi kalau dibandingkan negara kita dengan Indonesia, maka Indonesia lah merupakan negara di mana kita boleh membuat pelaburan dan

untuk mendapat pulangan yang tinggi. Singapura bukan sahaja duduk statik mendapatkan hasil negara mereka daripada eksport.

20 tahun dahulu dia sedar bahawa kalau mereka tidak menggunakan wang yang dikumpulkan melalui hasil eksport ini yang akan digunakan untuk dilaburkan di syarikat-syarikat dan juga di negara-negara lain maka mereka tidak akan dapat melipatgandakan lagi hasil negara mereka. Pada ketika ini kalau kita sedar Singapura menggunakan kekuatan *sovereign fund* mereka, dana yang terkumpul dalam negara mereka untuk menunjukkan kekuatan mereka di persada dunia. Mereka mendapat pengaruh politik daripada pelaburan yang mereka buat itu.

Jadi di Malaysia pun, Khazanah Malaysia telah bermula untuk melaksanakan apa yang dibuat oleh Singapura ini kerana kita tidak boleh lagi mengharap pelaburan di dalam negara kita untuk mendapatkan keuntungan yang lebih besar. Kita juga harus *balance*, pelaburan dalam negara sekian banyak tetapi kita juga harus menyediakan dana untuk dibuat pelaburan luar negara.

Jadi Indonesia lah yang merupakan jiran kita yang terdekat yang mempunyai kepentingan politik kepada kita. Indonesia merupakan sebuah negara yang sesuai untuk kita buat pelaburan. Satu, kerana *potential growth* yang tinggi dan kedua kerana mereka dekat dengan kita. Kalau apa-apa berlaku kepada Indonesia ia akan mempunyai kesan politik kepada kita kerana lebih ramai lagi pendatang asing tanpa izin yang akan berhijrah ke Malaysia. Maka ia menimbulkan *political flash point* dengan izin di antara negara kita dengan Indonesia kerana kita dituduh tidak melayan pendatang asing tanpa izin dengan baik. Padahal pendatang asing tanpa izin tak ada hak tapi apabila ia diputarbelitkan menjadi isu yang besar kita pula yang kena jawab.

Jadi adalah lebih baik kalau negara kita menggunakan pelaburan kita ke Indonesia...

Tuan Mohd. Yusmadi bin Mohd. Yusoff [Balik Pulau]: Penjelasan.

Datuk Nur Jazlan bin Tan Sri Mohamed [Pulai]: Tuan Yang di-Pertua tak bagi. Dia kata sudah tak ada masa. Untuk menggunakan dana kita membuat pelaburan di Indonesia dalam projek-projek infrastruktur api, air dan juga telekomunikasi dan juga kewangan. Kalau sistem kewangan Indonesia tidak stabil maka negara tersebut tidak akan maju dari segi ekonomi dan kesannya kerana kita hampir dengan Indonesia kita akan menghadapinya dengan kemasukan lebih ramai lagi pendatang asing ke dalam negara kita.

Jadi atas dasar itu saya rasa Lembaga Pengarah Maybank Berhad telah bersetuju untuk meluluskan pelaburan tersebut. Dari segi wang hangus saya tak setuju. Pasal apa pada hari Isnin lepas, Yang Berhormat Permatang Pauh telah dengan begitu lantangnyanya membuat satu kenyataan bahawa bila jatuhnya saham BII Maybank maka ada kerugian yang masuk dalam poket siapa. Apa maksudnya? Jatuh saham BII itu adalah kesan kepada jatuhnya nilai pelaburan Maybank dalam BII. Masuk poket siapa?

Akan tetapi kerana beliau membuat satu kenyataan yang tidak bertanggungjawab yang memutarbelitkan fakta yang boleh mengelirukan rakyat. Memang mudah untuk menuduh

Kerajaan Barisan Nasional pemimpinnya semua rasuah dan sebagainya dan mudahlah untuk seseorang pemimpin pembangkang untuk menyatakan perkara-perkara yang tidak mempunyai asas.

Apa yang saya hendak katakan di sini ialah wang pelaburan tersebut tidak hangus. Kalau kita tengok jangka panjang, *future value*. Seperti itu saya katakan tadi nilai pelaburan akan naik dan turun. Diharapkan walaupun pada 2011 *forecast* untuk keuntungan BII masih lagi belum sampai ke tahap yang boleh *justify* pelaburan tersebut mungkin pada tahun 2012, 2013. Terpulang kepada jangka masa di mana Maybank hendak memegang kepada pelaburan tersebut.

Kalau Maybank ambil pendekatan jangka pendek, maknanya hendak beli pada tahun ini hendak jual pada tahun 2011, ya, saya setuju. Jikalau Maybank ditambah lagi dengan harapan kerajaan bahawa Indonesia akan berkembang dan maju, maknanya Maybank akan memegang saham dalam BII ini untuk tempoh jangka masa yang lebih daripada tahun 2011. Kalau Maybank tak kukuh lagi kewangannya dan terpaksa jual BII sebelum tahun 2011 itu maka barulah Maybank akan rugi. Akan tetapi untuk mengatakan bahawa dengan jatuhnya saham tersebut, wang tersebut sudah hangus, itu tidak betul.

Jadi saya rasa saya terus kepada ucapan saya. Saya pun hairan juga apabila Ketua Pembangkang mendesak untuk menarik semula Bajet Tahun 2009 dengan segera berpandukan kepada fakta-fakta yang sahih. Namun apabila diminta oleh Tuan Yang di-Pertua untuk membentangkan cadangan bajet alternatif, Ketua Pembangkang kata cadangan belum siap. Tak tahulah mungkin sibuk hari raya.

Yang Berhormat Ipoh Timur pun ada mengatakan inilah kali pertama pembentangan dan perbincangan bajet terlalu panjang beza masanya, tapi bila diminta mencadangkan bajet alternatif pun kosong juga. Mungkin enam minggu itu terlalu pendeklah hendak suruh kerajaan buat keputusan segera. Lepas itu bila diberikan enam minggu untuk merumuskan satu bajet yang baru tak dapat. Tunggu dahulu senang hendak minta kerajaan, hendak memburukkan kerajaan tapi bila tanya pada diri sendiri tak boleh buat. Tak tahulah bajet ini merupakan satu dokumen yang penting untuk negara.

Jadi, menyedari hakikat tersebut kerajaan Malaysia di bawah kepimpinan Yang Amat Berhormat Dato' Seri Abdullah bin Haji Ahmad Badawi telah merangka pelbagai strategi bagi memastikan ekonomi negara terus mencatatkan pertumbuhan yang mantap. Kerajaan terus yakin bahawa ekonomi negara akan dapat terus stabil dengan pertumbuhan Keluaran Dalam Negara Kasar dianggarkan 5.7% dan ianya dinyatakan dengan jelas oleh Menteri Kewangan Kedua Tan Sri Nor Mohamed Yakcop baru-baru ini bahawa kerajaan yakin pertumbuhan berkenaan akan dapat dicapai.

Bajet 2009 adalah bajet kedua terakhir dalam RMK-9. Sebelum negara melangkah kepada RMK-10, sudah pasti ia menuntut kepada asas ekonomi yang kukuh dan bukan sahaja

untuk pembangunan negara tapi juga untuk kebajikan rakyat yang saban hari dihimpit dengan tekanan inflasi akibat kenaikan harga barangan makanan tapi tidak pula daripada upah dan juga gaji mereka.

Ketika Pak Lah membentangkan bajet ini segenap lapisan rakyat mengharapkan yang terbaik daripada kerajaan dan ia ternyata tidak menghampakan dan bertemakan kerajaan prihatin. Bajet 2009 menumpukan kepada tiga strategi khusus iaitu:

- (i) menjamin kesejahteraan rakyat;
- (ii) membangunkan modal insan berkualiti; dan
- (iii) memperkukuhkan daya tahan negara.

Kerajaan juga mengambil kira nasib generasi muda seperti kanak-kanak apabila kerajaan mewujudkan Program Tunas Harapan dengan bantuan sektor korporat dengan bantuan untuk menyediakan rumah dan kerajaan membayar kos pengurusanannya. Usaha ini harus diberikan pujian kerana ia menjadikan Malaysia setaraf dengan negara maju dan ia adalah langkah baik untuk memastikan bahawa kanak-kanak mendapat penjagaan dalam suasana kekeluargaan.

Walau bagaimanapun, usaha ini tidak akan berjaya sekiranya sektor korporat dan swasta tidak bekerjasama dan seruan Perdana Menteri supaya lebih banyak syarikat membina Rumah Tunas Harapan perlu disambut dengan segera. Usaha kerajaan untuk membasmi kemiskinan tegar menjelang 2010 amat ketara dan ini dibuktikan dengan pengurangan kadar kemiskinan daripada 5.7% pada tahun 2004 ke 3.6% pada tahun 2007.

■1510

Saya ingin memberi sedikit pandangan juga kepada Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat supaya turut memantau kemiskinan bandar yang sebenarnya berada pada kadar yang membimbangkan. Ini berdasarkan kepada pemerhatian saya di kawasan Parlimen saya sendiri iaitu Parlimen Pulai yang terletak dalam kawasan bandar raya Johor Bahru atau lebih tepat lagi dalam pembangunan knot 2 Iskandar Malaysia. Jika kita lihat jika pendapatan satu isi rumah berjumlah RM2,500 tetapi bilangan anak sampai empat orang bersekolah, kemudian ditambah lagi dengan hutang seperti rumah serta kereta, selain pembayaran untuk pendidikan dan perbelanjaan barangan keperluan isi rumah sudah pasti gaji berkenaan tidak akan mencukupi dan golongan ini boleh dikategorikan sebagai miskin, bukan dalam erti kata yang sebenar tetapi tetap memerlukan bantuan kerajaan.

Persoalannya, bagaimanakah kerajaan harus membantu mereka. Saya berkeyakinan bahawa Kerajaan Barisan Nasional dan juga Pakatan Rakyat di negeri-negeri boleh sepakat dalam hal ini kerana ia penting untuk kebajikan rakyat. Usaha Kerajaan Barisan Nasional untuk melaksanakan program meningkatkan pendapatan serta menyediakan latihan kemahiran dalam kerajaan melalui Skim Pembangunan Kesejahteraan Rakyat, Program Lonjakan Mega Luar Bandar di Pulau Banggi, Sabah dan juga di Tanjung Gahai, Kuala Lipis, Pahang sedang

dijalankan dengan peruntukan berjumlah RM220 juta yang akan memberikan manfaat langsung kepada 13,300 isi rumah.

Usaha ini perlu diperluaskan kepada negeri lain dan tidak hanya menumpukan kepada kawasan luar bandar tetapi juga kepada kawasan bandar yang memerlukan perhatian yang segera. Banyak pihak sebelum ini mempertikaikan jurang yang wujud antara Semenanjung, Sabah dan Sarawak tetapi dalam Bajet 2009 ini, jelas bahawa Kerajaan Pusat memangnya tidak mengamalkan dasar anak tiri atau diskriminasi kepada rakyat di Sabah dan Sarawak.

Usaha yang diambil untuk mengurangkan jumlah kemiskinan tegar sedang dijalankan. Usaha juga diambil untuk meningkatkan taraf kemudahan asas seperti bekalan elektrik dan sebagainya yang diperuntukkan RM580 juta untuk Sabah dan untuk Sarawak RM420 juta.

Tekanan inflasi juga yang dihadapi oleh rakyat tidak terlepas daripada pandangan kerajaan dan kesan besar kepada kuasa beli golongan berpendapatan yang sederhana. Untuk membantu mereka, kerajaan telah mencadangkan rebat cukai sebanyak RM350 seorang diberikan pada masa ini dan dinaikkan kepada RM400 bagi pendapatan bercukai RM35,000 ke bawah dan sekali gus melegakan 100,000 pembayar cukai dalam golongan pendapatan sederhana yang tidak lagi dikenakan cukai.

Tuan Yang di-Pertua, pekerja adalah merupakan tiang kepada ekonomi negara dan sudah pasti kebajikan perlu sentiasa dipelihara. Pengecualian cukai yang telah diumumkan dalam Bajet 2009 lepas untuk manfaat pekerja seperti bantuan faedah untuk pinjaman sehingga RM300,000 untuk perumahan, kenderaan bermotor dan pendidikan akan membantu mereka

Keprihatinan Pak Lah yang turun sendiri ke padang untuk menaiki pengangkutan awam Komuter bersama dengan warga kota baru-baru ini membuktikan keikhlasan kerajaan untuk memastikan sistem ini diperbaiki dengan segera. Untuk tujuan itu...

Beberapa Ahli: *[Menyampuk]*

Datuk Nur Jazlan bin Tan Sri Mohamed [Pulai]: Yalah, hendak berbuat sesuatu ini. Janganlah halang. Kerajaan hendak buat sesuatu. Kerajaan dengar apa yang pembangkang cakap. *[Ketawa]*

Untuk tujuan itu, pelbagai inisiatif serta peruntukan khas diberikan untuk meningkatkan tahap sistem pengangkutan awam di ibu kota yang akan diperbaiki dengan segera. Namun begitu Kerajaan Pusat juga seharusnya melihat sistem pengangkutan awam di bandar raya lain seperti Johor Bahru yang masih lagi berada pada takuk yang lama dalam keadaan yang menyedihkan. *[Disampuk]* Yalah, saya sebagai wakil rakyat di Johor Bahru memanglah mengakui perkara tersebut.

Dato' Ismail Kasim [Arau]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat saya dari Pulau. Saya ingin bertanya pandangan Yang Berhormat berhubung dengan kecekapan dalam sistem pengangkutan awam ini. Adakah di antara punca-punca utamanya disebabkan oleh di negara kita ini ianya tidak dikendalikan oleh satu operator kerana di bandar-bandar lain di

dunia ini kebanyakan kecekapannya adalah kerana satu operator sahaja yang mengendalikan keseluruhan perjalanan pengangkutan berkenaan. Apa pandangan Yang Berhormat berhubung perkara ini?

Datuk Nur Jazlan bin Tan Sri Mohamed [Pulai]: Saya setuju dengan pandangan Arau. Itu pun merupakan satu perkara yang telah menghambat perkembangan perkhidmatan awam di dalam negara kita ini.

Pembaikan sistem pengangkutan awam juga turut dilakukan di bandar raya besar negara untuk memastikan bahawa agihan pembangunan turut dinikmati rakyat. Walau bagaimanapun, pengusaha pengangkutan awam juga perlu memainkan peranan efisien dalam memastikan bahawa perkhidmatan yang disediakan efisien, selamat dan bermutu tinggi. Kerajaan tidak sekali-kali akan mengabaikan mereka dengan memberikan bantuan subsidi minyak selain meningkatkan kuota diesel dan bantuan tersebut.

Jadi akhirnya saya berharap bahawa tahap perkhidmatan yang lebih baik yang setanding dengan negara maju akan dapat diwujudkan di Malaysia. Jadi kalau kerajaan dapat buat sesuatu mengenai keselesaan penduduk di kawasan bandar raya utama, kalau boleh biarlah pengundi pada pilihan raya akan datang, hargailah apa yang dibuat oleh kerajaan dan tidak undi lagi Pakatan Rakyat. *[Ketawa]* Buat baik pun orang tidak terima, susah. *[Ketawa]* *Wishful thinking. Wait and see.*

Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, barang makanan juga adalah faktor yang paling hampir dengan rakyat dan sekiranya kenaikan harga barang tidak dibendung, rakyat akan menderita. Justeru dalam bajet yang lepas, kerajaan turut melaksanakan pelbagai projek pertanian bagi menjamin bekalan makanan mencukupi melalui Dasar Jaminan Makanan. Peruntukan untuk dasar ini cukup besar iaitu RM5.6 bilion bagi tempoh tahun 2008 ke 2010 dan di antara lain untuk pembayaran insentif kepada pengusaha pertanian bertujuan untuk meringankan beban kenaikan kos pengeluaran dan penggalakan peningkatan pengeluaran hasil tani dengan sasaran insentif kepada 350,000 petani.

Selain daripada itu, kerajaan juga turut memastikan bahawa masalah setinggan bandar dapat di atas dengan program perumahan rakyat dan dalam tempoh 2004 ke 2008, lebih 100,000 rumah kos rendah sudah dibina dan untuk tahun depan, peruntukan sebanyak RM330 juta disediakan kepada Jabatan Perumahan Negara untuk menyiapkan hampir 4,400 unit rumah PPR disewa, 1,500 unit PPR bersepadu dan 600 unit PPR yang dimiliki selain daripada Syarikat Perumahan Negara yang akan membina 33,000 rumah kos rendah.

Kerajaan juga tidak mengabaikan nasib rakyat, khususnya yang berpendapatan rendah untuk memiliki rumah melalui inisiatif mengurangkan kos memiliki. Melaluinya, bagi pembeli rumah kos sederhana pada harga RM250,000 kerajaan mencadangkan pengecualian duti setem 50% diberikan terhadap surat cara perjanjian pinjaman kepada pembeli rumah selain daripada pengecualian duti setem 50% kepada surat cara pindah milik yang diumumkan sebelum ini.

Selain itu, Skim Jaminan Kredit Perumahan yang diumumkan pada tahun 2008 juga turut diperluaskan dan dengan meluaskan skim ini kepada semua institusi tempatan dan juga dananya ditambah kepada RM100 juta daripada RM50 juta. Dengan itu, maka 40,000 peminjam akan mendapat manfaat daripada Skim Jaminan Kredit Perumahan ini.

Tuan Yang di-Pertua, strategi kedua bajet untuk membangunkan modal insan turut menarik minat saya untuk membahaskannya kerana ia amat penting dalam memastikan pertumbuhan negara terus dapat dicapai melalui penghasilan tenaga kerja yang berilmu dan berdaya saing. Justeru itu dengan peruntukan berjumlah RM2.4 bilion untuk mempertingkatkan program latihan dan kemahiran bagi memberikan kemahiran dan latihan kepada generasi muda, ia membuktikan bahawa kerajaan mahu memanfaatkan sepenuhnya tenaga ini.

Sebenarnya peruntukan untuk tujuan ini perlu dipertingkatkan lagi pada masa-masa yang akan datang kerana jika boleh, lebih ramai lagi anak muda yang gagal melanjutkan pelajaran ke universiti awam dan juga swasta akan dapat diberikan latihan kemahiran di politeknik ataupun kolej kemahiran seperti Institut Latihan Perindustrian (ILP).

Tuan Yang di-Pertua, dalam strategi ketiga Bajet 2009 iaitu untuk memperkukuhkan daya tahan negara, kerajaan menyedari bahawa peluang perlu terus diberikan untuk pertumbuhan di beberapa sektor.

■ 1520

Sektor perkhidmatan serantau seperti kewangan Islam, proses perniagaan penyuburan luar, pelancongan, penjagaan kesihatan dan juga perkhidmatan berkaitan dengan penerbangan selain daripada industri berasaskan sumber terutamanya petroleum serta minyak kelapa sawit juga perlu terus dibantu.

Tuan Yang di-Pertua, menyedari bahawa kerajaan sememangnya berusaha keras dalam memastikan ekonomi negara terus dipacu pada tahap yang sebenar serta cuba memberikan kehidupan yang terbaik untuk rakyat, saya memohon supaya Bajet Tahun 2009 ini akan mendapat kerjasama daripada semua Ahli Parlimen termasuk daripada Pakatan Rakyat walaupun telah menyatakan tidak akan memberikan sokongan dalam Dewan yang mulia dan supaya ia dapat diluluskan dalam sesi yang akan datang ini.

Adalah amat penting supaya semua inisiatif yang diumumkan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri ketika membentangkan bajet ini akan mendapat sokongan dan kerjasama bagi membolehkan ia dilaksanakan tanpa sebarang masalah demi kepentingan rakyat jelata. Tuan Yang di-Pertua, saya dengan ini menyokong bajet yang dibentangkan. Terima kasih.

3.21 ptg.

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang [Marang]: Assalamualaikum warrahmatullahi wabarakatuh dan selamat sejahtera. Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat, seluruh pegawai kerajaan dan para pemerhati, hadirin dan hadirat yang dihormati sekalian.

Pertamanya, saya mengucapkan terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua kerana memberikan peluang kepada saya untuk sama-sama ikut serta dalam perbincangan Belanjawan Bajet Tahun 2009, satu perkara yang penting dan menjadi perhatian di seluruh negara.

Insyallah saya akan tumpukan kepada perkara prinsip dan konsep serta akan menyebut contoh-contoh yang perlu diberikan perhatian oleh kerajaan dan penekanan supaya pihak kerajaan dapat menunaikan tanggungjawab dengan tepat dan berjaya dan kita sama-sama bertanggungjawab di dalam menunaikan amanah memimpin negara. Bukan sahaja kerajaan termasuk pembangkang kerana sebarang kesan daripada kegagalan akan menimpa semua. Faedah kejayaan akan dapat kepada semua.

Kita tidak dapat menafikan bahawa ketika belanjawan dibentangkan, kita menghadapi situasi krisis ekonomi dunia yang gawat dan menjadi ancaman besar kepada negara walaupun ada pemimpin-pemimpin kerajaan membuat kenyataan seolah-olah kita tidak ada apa-apa kesan kerana ekonomi kita kukuh dan kuat. Namun demikian, Yang Amat Berhormat Perdana Menteri dalam ucapannya menyatakan bahawa supaya kita berjaga-jaga kerana akan menerima kesan dan tempiasnya. Ini kerana kita Malaysia berada di dalam dunia, bukan di angkasa lepas. Apa yang berlaku di dalam dunia, kita akan menerima kesan-kesannya kecuali kita sebuah negeri yanguduknya di angkasa lepas.

Negara akan menghadapi cabaran besar apabila bajet dibentangkan dalam suasana krisis ekonomi. Bermula daripada sebab krisis harga minyak dan diikuti dengan krisis kewangan. Keadaan ini sudah tentu mewajibkan kerajaan supaya lebih berhati-hati sama ada dalam mengkaji semula dasar yang lemah dan polisi yang masih dibebani oleh unsur-unsur negatif yang boleh menggagalkan perancangan yang diatur dengan sebegitu rupa.

Kita tidak dapat menafikan walaupun kerajaan tidak bersedia untuk membaiki atau membentangkan semula bajet ini. Walau apa pun, kerajaan hendaklah bersedia dan menangani masalah-masalah yang akan berlaku. Sudah tentu kita akan membincangkan semula peruntukan-peruntukan tambahan yang akan menjadi bebanan yang besar kepada negara. Sebenarnya apa yang berlaku ketika menghadapi kesan keruntuhan sistem liberal kapitalisme barat setelah di abad yang lalu kita menyaksikan keruntuhan komunisme yang menghancurkan leburkan negara besar Soviet Union. Sehingga negara-negara komunis terpaksa melakukan reformasi yang mengubah dasar dan polisi daripada ajaran komunisme yang sebenarnya walaupun selama ini mereka memaksa negara-negara lain supaya mengikut mereka. Berlakunya peperangan dan pemberontakan yang mengorbankan berjuta-juta manusia termasuk di negara kita ini pun kerana mahu menegakkan teori komunisme, tiba-tiba ternyata agak meleset.

Hari ini kita melihat tanda-tanda jelas dan besar, kegagalan liberal kapitalisme ditunjukkan oleh sendiri oleh Amerika yang menjadi 'Ah Long' kepada dunia yang rakus dan memaksa negara-negara dunia supaya mengikut cara-cara, amalan-amalan dan polisi mereka

dan menyerang negara-negara yang tertentu untuk kepentingan ekonomi mereka walaupun mengorbankan ratusan ribu dan berjuta rakyat.

Pada hari ini, kita melihat 'Ah Long' gergasi itu sedang menunjukkan tanda-tanda untuk tersungkur. Walau apa pun, kita wajib mengambil iktibar dan pelajaran daripada peristiwa lama dan baru. Kepada umat Islam yang membaca Al-Quran, Al-Quran memaparkan sejarah kuasa-kuasa besar dunia yang terdahulu. Punca kejatuhannya ialah kerana kezaliman, kejahatan dan penyelewengan walau bagaimana kaya dan kuat sekalipun kuasa-kuasa besar itu. Kaum Aad, kaum Samud, kaum Luth, kaum Firaun dan kaum-kaum yang lain. *[Membaca sepotong ayat Al-Quran]*. "Adakah kamu tidak lihat, tidak faham, tidak mengerti apa yang telah berlaku kepada kaum Aad, kaum Samud, kaum Firaun? Begitulah kaum-kaum yang lain yang hebat tamadunya. Bangunan-bangunan yang hebat, tinggi mencakar langit, tiang-tiang yang besar menggunakan tiang-tiang balak batu, bukan balak kayu. Semuanya musnah bila berlakunya penyelewengan kejahatan sama ada aqidah, politik, ekonomi, akhlak dan lain-lain".

Semuanya itu sepatutnya menjadi iktibar kepada kita semua, termasuk kerajaan yang memerintah, kita hendaklah mengambil iktibar daripada apa yang berlaku. Keruntuhan liberal kapitalisme menunjukkan kebebasan yang mencetuskan perlumbaan dan persaingan yang diuar-uarkan boleh memajukan ekonomi tetapi mengikut hawa nafsu tanpa batas. Berlakunya penindasan dan membawa keruntuhan kepada diri sendiri. Di antara aspek penting yang menjadi amalan mereka ialah riba yang menjadi dosa besar di dalam ajaran Islam. Riba ada dua aspek yang menjadi kebanggaan ekonomi barat dan itulah yang meruntuhkan ekonomi itu sebenarnya. Allah Taala telah menyatakan, *"[Membaca sepotong ayat al-Quran]"*.

■1530

"Sesungguhnya orang-orang yang melakukan riba itu, tidaklah mereka bangun daripada kubur mereka bila mereka dibangkitkan, mereka bangun laksana orang gila yang dirasuk oleh syaitan." Mereka berlagak macam syaitan dalam kehidupan dunia ini, dengan kerakusan untuk mengejar kemajuan ekonomi tanpa mengira orang lain. Mereka berkata riba macam jual beli juga, padahal Allah mengharamkan riba dan menghalalkan jual beli. Pernah berlaku Bank Bumiputra yang tinggal nama, barang kali generasi yang akan datang akan lupa nama Bank Bumiputera ini. Hilangnya nama Bank Bumiputera dan terpaksa bertongkat dengan bank lain digabung, dihilangkan namanya tidak lain da tidak bukan kerana pinjaman-pinjaman yang berasaskan riba yang dianggap boleh membawa keuntungan, akhirnya terlalu ramai tidak bayar.

Yang pinjam ialah pemimpin-pemimpin, orang-orang kenamaan. Inilah yang berlaku dalam ekonomi Amerika. Didedahkan sejak tahun 60-an lagi. Belanjawan Amerika mengalami defisit yang begitu parah. Pada zaman Johnson 1964 hingga 1968 ialah USD44.8 bilion; zaman Nixon 1969 hingga 1974 ialah USD70 bilion; zaman Ford USD1.79 bilion; zaman Carter USD226.9 bilion; zaman Regan USD1.3 trilion; zaman Bush, USD 1.4 trilion; dan selepasnya 3.7 trilion; dan trilion, trilion lagi.

Kerajaan boleh menyediakan wang dengan banyak trilion, kalau tak cukup pinjam dengan bank. Bukan sahaja kerajaan pinjam, tokoh-tokoh kerajaan pun pinjam, kroni-kroni dia pinjam, akhirnya kewangan menjadi merudum. Ini yang berlaku, yang kita perlu mengambil iktibar. Oleh kerana itu, saya mengalu-alukan pihak kerajaan yang meneruskan usaha perbankan Islam dan muamalah Islam tetapi ianya hendaklah dilakukan dengan cara yang bersungguh-sungguh, menggalakkan mudarabah, *qirat*, *Al-Qardhul Hasan* pinjaman yang ada faedahnya tetapi bertimbang rasa antara peminjam dan yang memberi pinjam.

Keuntungan sama-sama adil, kerugian sama-sama ditanggung. Biar ada tanggungjawab dan semangat tanggungjawab ini melahirkan hasil kerja yang bertanggungjawab dan tidak melepas tangan yang boleh memajukan perjalanan kewangan dan memajukan muamalah itu sendiri. Ini hikmah daripada amalan Islam. Saya berbalik kepada belanjawan yang dikemukakan dalam merealisasikan Bajet 2009 kerajaan jangan lupa teras Rancangan Malaysia Kesembilan. Walaupun terdapat konsep penekanan yang sama dalam bajet 2009 ini dengan 2008 pembasmian kemiskinan, peningkatan taraf hidup rakyat, kesaksamaan sosioekonomi dan modal insan.

Menunjukkan bahawa semua konsep ini masih belum berjaya yang perlu diteruskan dalam pembasmian kemiskinan jangan hanya mengemukakan peruntukan-peruntukan jangka pendek dan saya lihat seolah-olah pembentangannya adalah secara jangka pendek sahaja, tidak melihat jangka panjang. Saya minta...pepatah yang 'mengatakan lebih baik bagi pancing daripada bagi ikan' kalau bagi ikan lepas habis ikan dia minta ikan lagi, bagi pancing dia boleh cari ikan sendiri lepas itu. Dalam menangani masalah kemiskinan kerajaan jangan hanya menyediakan data jumlah kemiskinan yang diminta dalam Dewan di akhir tahun. Sediakan wang dahulu lepas itu baru cari kemiskinan.

Kadang-kadang sumbangan yang diberi tersasar, tidak sampai ke matlamat orang-orang miskin itu sendiri. Kerajaan mesti membuat kajian yang terperinci berapa jumlah orang miskin yang dapat dipulihkan, berapa jumlah orang miskin yang tidak ada harapan untuk dipulihkan, Orang kurang upaya, orang cacat ada harapan untuk dipulihkan berapa jumlah. Jangan semuanya tak dapat dipulihkan, sepanjang masa boleh subsidi, seolah-olah kita mahu orang ini wujud supaya senang dapat undi dalam masa pilihan raya, ini tidak bertanggungjawab...

Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria [Padang Terap]: *[Bangun]*

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang [Marang]: Kita mesti menunaikan tanggungjawab, mesti ada angka berapa ramai yang boleh dipulihkan...

Tuan Mohd. Nasir bin Zakaria [Padang Terap]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Marang. Adakah Yang Berhormat Marang bersetuju kalau disebut tentang mentaliti subsidi sejak daripada 50 tahun BN memerintah menyebabkan kemiskinan bertambah teruk terutamanya. Bukan sahaja berlaku di Sabah dan Sarawak tetapi di peringkat

negeri Kedah di Padang Terap, Sik, Baling ini semua apa yang kita lihat mentaliti yang mahukan subsidi menyebabkan mereka terus miskin. Adakah Yang Berhormat Marang bersetuju?

Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang [Marang]: Saya bersetuju dengan huraian-huraian. Ada mereka yang mesti diberi subsidi sepanjang masa, yang tidak ada harapan untuk dipulihkan, Orang kurang upaya, ibu tunggal, yang tidak ada tempat bergantung, yang sudah tua, dan lain-lain. Dalam keadaan-keadaan darurat ketika menghadapi inflasi, mereka yang tinggal di kawasan-kawasan bandar, setinggan, yang miskin ada insentif daripada kerajaan sementara waktu bukan selama-lama dan ada yang selama-lama dan mestilah diperincikan.

Dalam masa yang sama kita mesti ada angka berapa orang miskin yang sudah dibebaskan, tidak perlu lagi bantuan. Kadang-kadang yang sudah dibebaskan juga ada buat bantuan, dan bantuan ini menjadi masalah. Kalau bagi duit hari raya, datang dengan kereta letak jauh-jauh. Ini berlaku di kawasan saya, di negeri Terengganu, di negeri lain pun ada berlaku macam ini. Oleh kerana itu, mesti terperinci jumlah ini baru diperuntukkan dulu baru cari. Mereka yang menjadi sasaran ini ialah petani, nelayan, buruh, penganggur dan berlakunya ketirisan dalam menyampaikan bantuan-bantuan ini.

Seperti yang saya sebut tadi bantuan yang diberi kepada yang tidak berhak, penyalahgunaan bantuan, contohnya subsidi diesel, petrol yang diberi baru-baru ini bukan dapat kepada nelayan tetapi lintah-lintah darat, tauke-tauke, jual di laut, nelayan menjadi pekerja untuk menjual diesel yang dijual di laut, ini berlaku. Walaupun ada tindakan-tindakan tetapi amalan ini berterusan, dalam masa yang sama kerajaan mesti mendidik masyarakat untuk membantu. Bukan sahaja menjadi tanggungjawab kerajaan, kalangan-kalangan swasta mesti dilibatkan dalam membantu menangani masalah kemiskinan. Cuba menjadi tanggungjawab bersama, tanggungjawab sosial, tanggungjawab masyarakat.

■1540

Kerajaan jangan hanya memberi kontrak, memberi projek, memberi itu sahaja tetapi galakan-galakan kepada mereka yang melakukan kerja-kerja kebajikan, yang berjaya dalam projeknya, yang berjaya dalam khidmat kepada masyarakat.

Yang kedua, penekanan dalam peningkatan taraf hidup rakyat dan kuasa beli. Kita dilanda oleh keadaan inflasi yang begitu rupa. Kita melihat negara lain, negara Barat, Singapura yang dekat dengan kita walaupun berlaku inflasi tetapi kadar gaji yang sekurang-kurangnya boleh menghadapi masalah kehidupan. Apa yang berlaku di negara kita ini, kadang-kadang pendapatan tidak mencukupi. Ini melahirkan gejala-gejala sosial.

Kerajaan mesti bersungguh dalam menangani masalah ini dan mesti melihat supaya gaji kakitangan rendah, buruh dan sebagainya supaya pendapatan di kalangan orang miskin dipastikan mampu sara hidup. Saya faham mungkin ada perbezaan di antara kawasan bandar seperti Kuala Lumpur dengan bandar yang jauh.

Kerajaan boleh memberi insentif, memberi sumbangan untuk mereka yang dihimpit oleh kawasan-kawasan yang tertentu dan kerajaan mesti membuat kajian dalam sistem gaji dengan cara yang tepat bukan dengan cara yang tidak tepat supaya hilangnya masalah taraf hidup yang tidak seimbang dengan inflasi.

Masalah pengangguran, walaupun di sana ada program modal insan untuk melahirkan tenaga mahir di kalangan terpelajar tetapi berlakunya pengangguran. Pengangguran ini berlaku sama ada tidak ada peluang pekerjaan ataupun tidak ada semangat, semangat tidak ada. Kedua-dua aspek ini hendaklah diberi perhatian, yang tidak ada peluang pekerjaan mesti diberi peluang pekerjaan, mewujudkan suasana yang memberi peluang pekerjaan, yang tidak ada semangat dipulihkan semangatnya termasuklah penjenayah, penagih dadah.

Saya mencadangkan supaya mereka bukan sahaja dihukum dengan hukuman sebegitu rupa sahaja. Penagih dadah, penjenayah ini dihukum dan dididik dengan pekerjaan-pekerjaan ataupun dalam masa mereka dihukum memberi hasil dan sumbangan kepada negara.

Masalah pekerja asing hendaklah dengan cara yang sistematik jangan dengan cara yang tidak teratur. Kerana cara yang tidak teratur, kedatangan pekerja asing yang tidak perlu yang menyebabkan hilangnya pekerjaan kepada rakyat. Kadang-kadang kerana adanya kalangan yang melihat upah yang murah, kerana mahu upah yang murah keuntungan yang besar ambil pekerja asing tanpa mengambil kira penduduk tempatan sendiri.

Jangan kita jadi seperti kera di hutan disusukan, anak diriba dilemparkan. Kerajaan mesti mengambil perhatian juga, begitu juga pekerja asing yang membawa gejala sosial hendaklah ditapis dengan sebaik-baiknya dan yang ketiga dalam konteks belanjawan ini ialah kesaksamaan sosioekonomi.

Kita jangan terus-menerus dengan sistem yang diamalkan di zaman penjajahan dahulu. Negeri-negeri di Pantai Timur sebagai contoh diabaikan. Negeri-negeri di Malaysia Timur diabaikan. Banyak industri, pembangunan-pembangunan yang memberi pulangan yang lumayan, yang mengukuhkan ekonomi di negeri Pantai Barat, kemudahan-kemudahan pelabuhan dan lain-lain Pantai Timur dan Malaysia Timur ditinggalkan.

Kita melihat sendiri bagaimana amalan projek-projek hanya digalakkan dalam masa pilihan raya. Apabila ada pilihan raya kecil berebut-rebut hendak buat jalan. Kadang-kadang rakyat bercita-cita supaya wakil rakyat itu mati cepat apabila dapat projek. Ini malang, dia tidak bertanggungjawab.

Di Malaysia Timur, di Sabah, di Sarawak saya melawat beberapa kali. Walaupun kita telah mencapai kemerdekaan 50 tahun, Malaysia Timur hampir 50 tahun, masih banyak kawasan yang tidak ada infrastruktur. Melalui sungai tidak ada jalan raya, tunjuk muka apabila ada pilihan raya, selepas pilihan raya dilupakan. Apa yang berlaku adalah aktif di dalam menebang balak-balak sahaja, mengambil hasil bumi sahaja tetapi rakyat dibiarkan.

Penduduk-penduduk asli, jangan jadikan penduduk asli ini barang warisan untuk dipelihara selama-lamanya. Seolah-olah kita bangga menjadi barang warisan. Orang Iban, orang Kadazan, orang yang asal duduk di kawasan ini, biar pelancong datang tengok. Kita mesti ada tanggungjawab, memasyarakatkan mereka, majukan mereka, jangan dibiarkan begitu.

Dalam menangani masalah pengagihan pendapatan ini kita tidak menafikan kaum bumiputera adalah majoriti kalangan miskin, oleh kerana itu mereka diutamakan di peringkat ini. Kaum bumiputera dengan jumlah yang besar tetapi dalam masa yang sama kita tidak boleh mengabaikan kaum yang lain, yang juga menjadi sebahagian daripada kita, rakyat negeri ini.

Kaum Cina yang tinggal di kampung-kampung baru, kaum India di estet, mereka adalah rakyat kita, jangan duduk berbalah siapa yang asal duduk di sini dahulu, hilangkan perbalahan itu. Kita hendaklah menerima hakikat, ini semua adalah rakyat negara kita... [*Tepuk*] Jangan duduk bertengkar. Kita terima hakikat ini. Ini cara kesaksamaan sosioekonomi yang perlu dilaksanakan.

Mengeratkan perhubungan kaum, mewujudkan perpaduan rakyat, hendak menyatukan manusia bukan macam hendak menyatukan batu bata, bangunan rumah. Manusia bukan batu, manusia bukan kayu. Manusia ada perasaan, ada hati nurani. Hendak menyatukan mereka bukan diambil kira isi perut termasuklah isi hati dan perasaan, bukan perlu dilayan perut dan kemahuan perut sahaja. Perasaan hati juga dengan keadilan yang sebenarnya, ini yang menyatukan rakyat... [*Tepuk*]

Modal insan, insan adalah manusia. Manusia mempunyai naluri dan fitrah yang tersendiri. Untuk membangun manusia mestilah membangun fitrahnya, membangun sifat-sifat semula jadinya. Manusia ada roh, manusia ada jasad, manusia ada perasaan individualistik, manusia hidup bermasyarakat. Islam memberi perhatian kepada semua aspek ini. Islam berbeza dengan ajaran yang lain, yang memberi penekanan kepuasan jasad sahaja.

Ada yang memberi penekanan kepuasan roh sahaja tanpa mengira jasad, hendak menjadikan manusia macam malaikat. Ada yang memelihara kepentingan masyarakat sehingga menghapuskan hak-hak individu macam komunisme. Ada yang memelihara kepentingan individu tanpa masyarakat. Aspek-aspek kemanusiaan ini perlu diambil kira dalam semuanya dalam membangun modal insan.

Bukan sahaja dibangunkan kesihatannya, mesti dibangunkan akalinya dengan ilmu, ilmu pengetahuan mematangkan akal dan ilmu pengetahuan yang memahirkan kehidupan diri.

■1550

Dalam masa yang sama, ilmu yang membuahkan akhlak yang mulia, ilmu yang melahirkan semangat patriotik. Ini perlu diambil kira atau kita hanya memberi penekanan dalam ilmu-ilmu pengetahuan akal sahaja, tanpa akhlak dan tanpa semangat patriotik, manakan mendatangkan hasil yang sebenarnya.

Walaupun ramai mereka yang lulus universiti, tapi ramai yang menunggu kerja kerajaan sahaja, tak sanggup nak bekerja sendiri. Yang bekerja, menyeleweng pula, jadi penipu. Cerdik tak boleh tumpang, bodoh tak boleh harap. Ini berlaku dalam masyarakat, mendidik akhlagnya tahu dosa dan pahala, kena dan sabar, adil dan zalim, jangan kita didik rakyat menjadi rakyat, menjadi rakyat mengukur benda yang salah, yang diukur siapa bagi duit? Sehingga minda kita nak berpolitik pun dipengaruhi politik wang, bukan politik memilih siapa yang layak.

Dalam pilihan raya pun sama, memilih pemimpin yang dapat bagi wang, bagi benda, bukan pemimpin yang bertanggung jawab. Ini kerana kita tidak mendidik manusia membangun manusia dengan akhlak. Dengan ilmu saja tidak boleh, mesti dengan akhlagnya. Dengan semangat patriotik, sangat malang, kita mengajar anak-anak kita seolah-olah wira kita hanya tahun 1946. Padahal kita menentang penjajah sejak kedatangan Portugis dan Belanda. Di mana pejuang-pejuang kemerdekaan yang menentang penjajah sejak zaman itu hilang, seolah-olah keperkasaan kita, hanya tahun 1946 selepas mencapai kemerdekaan dihilangkan.

Sejarah-sejarah silam yang sepatutnya membangkitkan semangat, dalam menangani modal insan ini, melahirkan semangat patriotisme. Kita belum belajar dari Jepun yang ranap dalam perang dunia yang kedua. Jerman yang roboh dalam perang dunia kedua bangkit menjadi kuasa besar ekonomi dan politik.

Taiwan, China bangkit dengan cara mereka sendiri, di samping mereka mendidik rakyat dengan ilmu dan semangat, untuk menimba ilmu dari mana sahaja datangnya. Ini kerana di nyatakan oleh Nabi s.a.w... [*Membaca sepotong ayat Al-Quran*] "Kebijaksanaan adalah barang tercicir kepunyaan orang yang beriman" di mana saja dia jumpa, dia mesti ambil. Tamadun Islam, belajar dulu Tamadun Cina, Tamadun India, Tamadun Rom, Tamadun Parsi, Tamadun Mesir, diambil semua yang menjadi manfaat, diterjemahkan dalam bahasa Arab. Untuk mempelajari tamadun lain dengan bahasa masing-masing, untuk membanyakkan tenaga mahir yang melahirkan tamadun bangsa itu mestilah bangsa ibunda sendiri.

Jepun meramaikan manusia-manusia yang di bangun yang dibina dengan bahasa Jepun. Taiwan dengan bahasa Cina, kita belajar Taiwan dengan kemajuan dia, bukan dengan bertumbuk dalam Parlimen. China bangkit dengan bahasa Cina, dia nak pergi luar, dia belajar dengan bahasa Inggeris, bahasa Perancis. Begitu juga negara kita, mestilah kita memperkasakan bahasa kebangsaan supaya menjadi bahasa ilmu, bahasa ibunda. Jangan dihalang belajar bahasa ibunda masing-masing. Ini kerana masing-masing bangsa ada bahasa dia sendiri, dia selesa dengan bahasa dia, dan kita telah berjaya menjadikan bahasa kebangsaan sebagai bahasa perantaraan.

Akhir-akhir ini saya melihat bahasa kebangsaan tidak diperkasakan, dilekehkan. Kita lihat bagaimana pemimpin Jepun buat perjanjian dengan bahasa Jepun terjemah dengan bahasa lain, kalau silap, mesti balik dengan bahasa asal dia. Dia boleh kelentong ikut bahasa dia. Inggeris dengan bahasa Inggeris, Perancis dengan bahasa Perancis. Kita dengan bahasa orang,

orang kelentong kita, ini yang berlaku. Tidak menjadi salah kita banyak belajar bahasa asing, tapi dalam masa yang sama nak memperkasakan bangsa kita sendiri mestilah dengan bahasa kita sendiri.

Dalam memantapkan ekonomi rakyat dan negara, pembangunan sektor sokongan dan pembangunan industri logistik amat penting. Kita melihat sebagai contoh, saya orang kampung, melihat sendiri bagaimana petani nak bertanam, menghadapi masalah harga baja yang mahal. Penternak nak pelihara binatang, harga makanan binatang ternakan mahal.

Orang yang tinggal di Pantai Timur sebagai contoh, terpaksa beli dari Johor, dari Pantai Barat. Mengapa tidak dibina di Pantai Timur, di Malaysia timur, dibanyakkan? Begitulah juga kemudahan dalam bangunan kilang besi, kilang simen, teknologi macam PERWAJA yang dah diambil tindakan, dah meninggal dunia, tak tahulah apa jadi. Kita mahu kilang besi, kilang simen yang benar-benar memberi kemudahan kepada industri-industri yang lain untuk memantapkan ekonomi kita.

Industri Kecil Sederhana atau IKS perlunya ada sokongan dan hiliran. Kerajaan perlu mempelajari lebih kesilapan-kesilapan yang lalu. Sebagai contoh, rakyat digalakkan menceburi industri pertanian di pasarannya tidak mencukupi menyebabkan berhenti di tengah jalan. Di Pantai Timur, sebagai contoh pertanian industri rozel ditanam begitu banyak, oleh sebab pasarannya tidak ada, akhirnya petani menjadi mangsa, pengusaha kecil menjadi mangsa. Saya harap yang kena ini juga jangan jadi begitu, saya dah beri peringatan dalam ucapan saya yang lalu. Mestilah projek hilirannya, pasarannya disusun dengan baik, dengan bertanggung jawab dengan berjaya, dan kerajaan wajib memanfaatkan semua hasil bumi.

Kurnia Allah SWT, Allah SWT bagi kita sumber hasil bumi yang banyak, sumber petroleum, sebagai contoh, dengan Petronas hendaklah ditingkatkan dan dilaksanakan dengan betul. Sumber hasil galian ini dipelihara dengan sebaik-baiknya dengan cara yang ekonomik, jangan rakus dengan mengeluarkan dengan sebanyak-banyak, mesti ada simpanan kita dengan sebaiknya. Dalam masa yang sama, hasil daripada itu hendaklah diagih kepada program-program yang lain yang akan membantu negara bila sumber ini tidak ada lagi.

Saya menghargai Petronas melaksanakan projek-projek sehingga peringkat antarabangsa hingga di luar negara. Akan tetapi mestilah berhati-hati, saya dapat satu berita ada projek di Mauritania. Satu kompeni dibeli oleh Petronas, saya tak tahu betul ke salah, biar kerajaan jawab. Dikatakan kompeni ini sakit, tenat, kita beli yang tenat ini, orang lain tidak mahu beli. Walaupun penasihat-penasihat yang pakar dalam Petronas menasihatkan jangan beli, tapi yang lebih atas, suruh beli juga. Mungkin ada lagi tempat-tempat lain, kita tak mahu hal-hal seperti ini berlaku. Komoditi, pertanian, penternakan hendaklah ditingkatkan dengan cara sebaik-baik.

■1600

Kita mempunyai tanah yang luas terutama dalam menghadapi krisis makanan, hendaklah diselaraskan dengan Dasar Jaminan Makanan Negara dengan bergantung import. Kita melihat negara-negara mahu dalam dunia, negara industri besar, mereka memberi perhatian kepada makanan yang cukup. Di Amerika, di England, Jerman, di Perancis, kalau kita melawat di sana, kita melihat sendiri mereka mempunyai sumber-sumber pertanian yang cukup untuk sara hidup negeri mereka sendiri sekiranya berlaku apa-apa hal, berlaku apa-apa perkara darurat. Saya pernah menyebut perkara ini dalam Dewan ini dalam tahun 90-an tetapi Menteri Pertanian di masa itu mengatakan tidak ekonomik. Lebih baik kita beli daripada luar, import. Lebih baik kita buat program pertanian di luar, bawa balik ke negara kita. Dipandang lekeh begitu saja.

Hari ini baru tahu bila kita menghadapi krisis makanan. Tak apalah, kita boleh perbetul balik dalam perkara ini. Jepun sebagai contoh, memberi subsidi 99% kepada petani. Kerajaan sanggup menghabiskan wang untuk menyediakan jaminan makanan negara. Ini sebagai satu contoh. Tanah di negara kita luas, tanah terbiar masih banyak. Dalam masa yang sama untuk menghadapi krisis ekonomi, diharap kerajaan supaya mengalih pergantungan kepada dunia Barat.

Alihkan pergantungan kita kepada tolong-menolong di kalangan sesama sendiri, di kalangan negara Islam dan negara serantau. Sudah tiba masanya kita menamatkan pergantungan dalam tukaran antarabangsa kita dengan dolar. Patutnya negara yang sedang membangun, negara serantau dan negara Islam ada asas sendiri. Mata wang sendiri menjadi pergantungan kepada mereka supaya kita tidak terikut-ikut dengan gejala ekonomi yang berlaku pada kuasa-kuasa yang lain.

Seterusnya saya ingin menarik perhatian, semua perkara-perkara ini dapat dilaksanakan dengan jaya sekiranya kita dapat membangun insan dalam erti kata yang sebenar. Dengan cara-cara yang saya sebut yang kita mengubati penyakit-penyakit yang sedang berlaku dalam diri kita. Di antaranya ialah krisis keyakinan, kita sedang menghadapi krisis keyakinan dalam diri kita sendiri. Tak percaya pada diri kita sendiri, tak percaya pada kekuatan dan sumber yang ada pada kita sendiri. Krisis keyakinan perlu diselesaikan. Maka pendidikan, pelajaran, penerangan perlu memainkan peranan dalam mengubati krisis keyakinan ini.

Di antara yang menimbulkan krisis keyakinan ialah tidak percaya kepada pentadbiran kerana banyaknya rasuah, tidak percaya kepada badan kehakiman kerana berlakunya kelakuan-kelakuan tidak senonoh, tak percaya kepada BPR kerana tindakan-tindakan yang tidak berkesan yang tidak boleh mengatasi masalah rasuah. Sepatutnya kadar rasuah makin kurang tapi makin bertambah. Ini semua menghilangkan keyakinan.

SUHAKAM dalam Laporan SUHAKAM supaya kerajaan melakukan reformasi terhadap kehakiman, BPR, media, SPR, undang-undang yang dianggap tidak sesuai seperti ISA, undang-undang pada zaman penjajah kita masih amal lagi. Ini perlu diubah, dipinda pada undang-undang

yang adil, yang baik. Undang-undang hukum gantung sampai mati. Baru-baru ini di peringkat antarabangsa golongan hak asasi manusia menimbulkan hukuman gantung sampai mati, ini hukuman zaman kuno. Masih diamalkan. Undang-undang yang seperti ini hendaklah dihapuskan, ditukar pada yang lain. Bukan tak ada undang-undang langsung. Bukan bermakna kita minta hapuskan ISA bermakna tak ada undang-undang, ada undang-undang. Buat undang-undang yang lain, yang baik, yang adil, yang sesuai dengan perkembangan masa, yang sesuai dengan kita sudah merdeka. Undang-undang yang menimbulkan rasa tanggungjawab yang tidak menghilangkan kasih sayang antara kerajaan dan rakyat, antara satu sama lain... *[Tepuk]*

Saya yakin dan percaya sekiranya kita sedia untuk membuat perubahan-perubahan ini, kita berada di negara yang selamat. Kalau kita masih lagi berkeras, tak mahu mengakui kesilapan, kesalahan, tak sanggup nak kembali ke pangkal jalan, maka kita akan menerima akibat malang di samping saya menerima hakikat Yang Amat Berhormat Perdana Menteri nak mengundurkan diri. Saya berharap Perdana Menteri akan dapat melaksanakan ikrar sebelum berundur. Nak memulihkan kehakiman, nak memulihkan BPR, nak memulihkan banyak perkara lagi.

Mudah-mudahan beliau meninggalkan peninggalan yang baik sebelum mengundurkan diri dan kita sokong sekiranya Perdana Menteri ingin buat perubahan yang sungguh-sungguh... *[Tepuk]* untuk menyelamatkan negara. Saya rasa itulah ucapan saya. Sekian, terima kasih.

Tuan Razali bin Haji Ibrahim [Muar]: *[Bangun]*

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: *[Bangun]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat, kita dah bahas hampir tiga hari. Kita hanya ada lapan hari saja untuk peringkat dasar. Jadi dengan itu saya terpaksa mengehadkan masa perbahasan kepada 35 minit lepas ini, Yang Berhormat. Dengan itu saya jemput Yang Berhormat Muar, sila.

4.07 ptg.

Tuan Razali bin Haji Ibrahim [Muar]: *Auzubillahiminnasyaitannirrajim, Bismillahirrahmanirrahim. Assalamualaikum warahmatullahi wabarakatuh.* Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua, saya yang pertamanya ingin mengucapkan rasa penghargaan kepada Yang Amat Berhormat Datuk Seri Yang Berhormat Pekan selaku Menteri Kewangan yang baru yang akan memikul tentang perkara yang akan menjadi satu amanah yang sangat berat dalam kita mengendalikan urusan kewangan negara. Saya juga mengucapkan terima kasih kerana diberi peluang untuk sama-sama terlibat dalam membahaskan Bajet 2009 yang mana kita diberi maklum sebanyak RM207 bilion telah diperuntukkan untuk kita bahaskan dan untuk kita kemudiannya luluskan.

Bagi saya, bajet ini sebenarnya adalah satu pelunjuran perbelanjaan yang mana dibuat atas kemampuan negara mendapat pendapatan dan kita tahu dalam perkara-perkara yang kita

buat untuk dinikmati oleh rakyat, untuk membangunkan negara, untuk meningkatkan daya saing kita, untuk menambah ekonomi pendapatan, mengeluarkan rakyat daripada kemelut kemiskinan.

Ada beberapa perkara yang dapat membantu pelunjuran yang dibuat oleh kerajaan ini yang boleh mempercepatkan pencapaian perkara-perkara yang diunjurkan. Umpamanya apabila ekonomi dunia boleh distabilkan dengan kadar yang cepat, ia dapat membantu kita merangsang bajet yang dirancang ataupun harga minyak dunia yang mungkin akan terus turun kita doakan dan ini juga boleh menjadi perangsang, pemangkin kepada cepatnya kita mencapai apa yang kita sasarkan.

Namun begitu, dalam satu-satu pelunjuran, sebagai manusia, kita tidak tahu apa yang berlaku di mana yang akan datang. Kita tidak tahu apa yang boleh mengganggu gugat pelunjuran yang kita sasarkan. Umpamanya kita tidak boleh menyekat berlakunya peperangan di negara jiran yang boleh menyebabkan limpahan masalah kepada negara kita. Pelarian boleh mengganggu jiran-jiran di sekitarnya.

■ 1610

Begitu juga dengan kadangkala berlaku mala petaka apabila diturunkan satu hujan yang sangat lebat ataupun taufan yang melanda. Ini juga boleh mengganggu pelunjuran perbelanjaan, ataupun perkara-perkara yang boleh berlaku seperti wabak. Wabak penyakit yang besar boleh juga timbul, wujud dan berlaku yang boleh menjejaskan perbelanjaan negara, ataupun perkara-perkara yang menimbulkan rasa tidak senang di kalangan masyarakat, pergaduhan, huru-hara, perkara-perkara yang tidak dapat kita elak. Ini juga boleh mengganggu pelunjuran.

Sebab itu Bajet 2009 ini adalah satu pembentangan yang dibuat oleh kerajaan yang pada saya kita lihat, kita kena kaji dan kita berterima kasih kebetulan kali ini sidang Dewan selepas bajet dibentangkan kita ada hampir satu bulan setengah untuk kita melihat apa yang dibekalkan saya rasa dokumen yang diberi oleh kerajaan dalam bagaimana mencapai bajet yang dibentangkan dengan jumlah, *figure*, perancangan yang cukup teliti. Namun begitu saya percaya satu-satu pelunjuran ada kelemahan, kelebihan yang boleh kita perbahaskan tanpa kita meluluskan di peringkat dasar satu-satu belanjawan maka kerajaan tidak dapat berfungsi dengan baik untuk mencapai objektif-objektif yang cuba disasarkan.

Justeru itu Tuan Yang di-Pertua, saya mengharapkan agar kita terlebih dahulu menerima bahawa bajet ini merupakan satu perkara yang hendaklah kita teliti dan pertahankan. Cuma saya ada sedikit kerisauan, bajet, undang-undang Dewan Rakyat adalah satu badan tertinggi yang kita bukan sahaja melihat kewangan negara, kita juga melihat undang-undang. Saya sebut di awal tadi, ada perkara-perkara yang boleh ditimbulkan kekacauan, yang boleh melewati. Saya dengar beberapa ucapan sebelum ini dan saya cukup tertarik, insya-Allah mungkin saya menyambung apa yang disampaikan oleh Yang Berhormat Marang tetapi sebelum itu saya dengar ada banyak sangat perkara yang ditimbulkan dan pelbagai andaian.

Perkara ini sudah tentu akan menimbulkan keresahan dalam masyarakat. Disebut juga sebelum ini bahawa ada negara yang dapat dibangunkan dengan kadar segera tetapi kita kena lihat negara yang dibangunkan dengan kadar yang begitu segera, mempunyai masyarakat rakyat yang begitu rasa kasih sayang kepada negara yang tinggi. Sebab itu dalam soal ini saya rasa, saya menyeru kita semua untuk menunjukkan rasa kasih sayang kita kepada negara kita.

Saya faham kita ada sentimen, ada perasaan, ada rasa kepuasan hati, tidak puas hati tetapi kalau keputusan kita buat dalam keadaan yang marah, yang hilang kewarasan, sudah tentu kita tidak dapat melahirkan hasil yang baik. Jadi dalam Dewan ini saya mengharapkan *rule of law*, perundangan yang kita luluskan dalam Dewan ini dapat kita pertahankan, dapat kita manfaatkan, dapat kita gunakan. Kalau kita luluskan satu undang-undang untuk dipatuhi menjaga keharmonian rakyat tetapi kita sendiri tidak dapat mengangkatnya sebagai satu peraturan, maka sudah tentu apa yang hendak dicapai itu tidak dapat sampai ke tahap yang maksimum...

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: *[Bangun]*

Tuan Razali bin Haji Ibrahim [Muar]: Yang Berhormat Shah Alam.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Shah Alam. Jangan panjang sangat Yang Berhormat Shah Alam, tiga puluh lima minit sahaja.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Tidak sampai pun, sekejap sahaja, satu soalan sahaja hendak tanya kepada Yang Berhormat. Terima kasih kerana berikan laluan, yang mempunyai perasaan kasih sayang kepada negara ini golongan yang menentang rasuah ataupun golongan yang makan rasuah? Saya hendak dapat penjelasan. Terima kasih.

Tuan Razali bin Haji Ibrahim [Muar]: Saya menyebut tentang kasih sayang, saya tidak sebut pasal rasuah tetapi pada saya kalau diminta pandangan tentang rasuah, saya rasa semua rakyat Malaysia sayang negara tetapi perlakuan kita itu sebenarnya boleh menunjukkan sama ada kita benar-benar kasih atau sayang kepada negara kita. Saya tidak ada kompromi kepada sesiapa juga yang apabila memburukkan negara, membuat satu perlakuan yang tidak baik sehingga boleh menjejaskan keyakinan orang kepada negara kita, maka itu saya anggap sebagai musuh kepada negara. Jadi sebab itu pada saya, penentangan kepada rasuah yang cuba dibawa oleh kerajaan perlu kita sokong. Bila kita sokong kita hendaklah sokong tanpa kita menimbang tentang kepentingan, puak, parti atau diri.

Tuan Haji Khalid bin Abd. Samad [Shah Alam]: Terima kasih. Saya rasa apa yang telah dizahirkan di kalangan Ahli-ahli Parlimen Pakatan Rakyat dan juga rakyat jelata khususnya di dalam pilihan raya yang telah berlangsung pada Mac 2008, membuktikan bahawa penentangan terhadap Kerajaan Barisan Nasional adalah penolakan amalan-amalan yang menjatuhkan imej negara yang mana banyak persoalan-persoalan yang telah diketengahkan dan

tidak ditangani dan tidak dijawab. Malahan sebaliknya dijawab dengan menuduh bahawa golongan-golongan ini hanya ingin membawa kacau bilau dan merosakkan imej negara.

Sebenarnya golongan yang merosakkan imej negara adalah golongan-golongan yang mengamalkan rasuah, yang campur tangan dalam kebebasan institusi kehakiman, yang menghalang BPR daripada melakukan siasatan secara yang bebas dan sebagainya. Saya rasa tindakan-tindakan yang seperti itu adalah tindakan-tindakan yang paling patriotik dan golongan yang melakukan ini sebaliknya adalah golongan yang tidak mencintai negara. Terima kasih.

Tuan Razali bin Haji Ibrahim [Muar]: Masih kepada pandangan, saya boleh setuju dan boleh tidak bersetuju dan kalau kita hendak bahas dia akan jadi panjang. Pada saya dalam perkara ini kita kena serahkan kepada undang-undang. Sebab itu kalau Yang Berhormat Shah Alam ada semalam, perkara ini sebenarnya telah dibangkitkan. Kalau saya ulang mungkin tidak menyenangkan hati dan mengambil masa yang panjang. Semalam pun disebut apabila ada dua Exco Kerajaan Negeri Perak didakwa oleh BPR, perkara itu dibawa ke mahkamah. Pada saya itu pun tidak betul juga kerana biarlah proses perundangan itu berjalan seperti biasa.

Ada pula kata itu semua adalah pakatan, adalah *frame*, ada gerakan, itu pun andaian. Sebab itu pada saya kalau hendak kita panjangkan benda ini, kalau betul pun ada *frame*, yang penting buat atau tidak. Walaupun keluar kenyataan dalam surat khabar, saya pun macam Yang Berhormat jugalah baca surat khabar juga. Betul tidak betul ikut surat khabar punya laporanlah, dia kata ini sedekah. Saya tidak nampak apabila kesalahan itu berlaku, sedekah atau tidak, betul atau tidak kita kena buat pendirian. Ini bukan soal parti kita, ini soal maruah.

Saya tidak dengar pula ada kenyataan besar mengatakan itu boleh atau tidak. Sebab itu kalau hendak dipanjangkan cerita ini maka perbahasan ini akan menjadi *too political*. Kita boleh berbahas, berhujah dengan panjang lebar dari segi itu. Pada saya biarkan mahkamah menentukan dan hari ini kalau kita tengok, banyak perkara yang sedang dibicarakan di mahkamah menjadi perbualan, menjadi perbincangan, tidak ada lagi rasa hormat. Kita sebut *subjudice*, kita sebut menghina mahkamah, kita sebut mengganggu proses mahkamah, tidak ada pun tindakan diambil. Saya tidak dengar pula *Bar Council* membuat kenyataan perkara-perkara yang *subjudice* kepada mahkamah disebut.

Banyak, kalau saya tiba di luar di kawasan saya berceramah cerita tentang kes-kes perjalanan mahkamah, mungkin ada yang tidak senang tetapi ini bukan soal senang atau tidak, perkara yang tidak boleh, perkara yang dihalang oleh undang-undang hendaklah kita elakkan. Kalau ada yang melanggar maka pihak penguatkuasaan ambillah tindakan. Hari ini pun banyak perkara yang disebut, Yang Berhormat Ipoh Timur pun sebut perkara yang sama. Jelas terang-terang *subjudice* tetapi kita benarkan juga. Justeru itu pada saya dalam kita membina negara, peraturan, kerukunan masyarakat hendaklah kita pertahankan walaupun ia tidak menepati selera kita. Sebab tanpa kerukunan, tanpa peraturan maka kita tidak dapat hidup dalam sebuah negara yang dapat dibangunkan dengan rasa yang selesa dan cepat.

Sebab itu saya setuju kalau negara-negara kecil, rakyatnya lebih sedikit, sumber mahsulnya lebih sedikit dapat dibangunkan dengan cepat kerana rakyatnya bersatu padu dan rasa cinta. Saya tidak berkompromi siapa pun sama ada di pihak kerajaan atau tidak. Sebab itu kalau kerajaan hari ini mengambil tindakan kepada Ketua Pengarah, DG, kita baca dalam surat khabar, masih ada kata bukan yang itu hendak ditangkap, yang hendak ditangkap ahli politik. Sebenarnya perkara-perkara ini sudah lama diperjuangkan. Cuma kadangkala persepsi bahawa yang buat itu orang politik dalam Barisan Nasional dalam UMNO.

Disebut juga tadi, RM1 juta, RM2 juta dan mencabar Ahli-ahli Parlimen dalam UMNO untuk berdiri menafikan, ini *assumption, too political*, saya tidak guna duit pun bertanding tetapi saya tidak bangun. Tidak bangunnya saya bukan kerana saya tidak hendak menafikan tetapi pada saya mainan sebegitu tidak menguntungkan. Ceritalah dekat luar dalam ceramah tidak apa tetapi dalam Dewan Rakyat kita ada bajet di hadapan kita, RM207 bilion yang sedang dikemukakan untuk kita luluskan. Sebab itu kalau hendak bercerita tentang politik baik kita cari tempat lain. Dalam ini biarlah kita berfikir tentang bagaimana kita dapat tunjukkan rasa kasih kita kepada negara perbelanjaan ini besar.

Saya rasa semua setuju, besar dan bagaimana kita dapat lakukan penjimatan sebelum kita luluskan. Saya tidak akan sekali-kali meluluskan satu perkara yang kalau jelas terang-terang tidak memberi manfaat kepada rakyat. Justeru itu 35 minit yang diberikan akan saya gunakan untuk saya memberi pandangan bagaimana kerajaan dapat menggunakan setiap sumber yang ada dalam kita memastikan kumpulan sasar itu tadi dapat manfaat. Saya tidak halanglah kalau ada yang hendak tanya kita tanya lagilah.

■1620

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Penjelasan.

Tuan Razali bin Haji Ibrahim [Muar]: Ya.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Penjelasan. Terima kasih Yang Berhormat Muar. Saya rasa adalah baik sekiranya tidak gunakan wang, kita boleh jelaskan tidak guna wang. Jadi, mereka yang tidak jelaskan itu, saya tidak tahulah sama ada mereka gunakan wang, jadi mereka tidak jelaskan.

Namun, saya rasa pandangan Yang Berhormat adalah bagus dan juga sikapnya pun sihat juga. Saya hendak tanya satu sahaja sama ada pandangan atau pendirian Yang Berhormat tentang cerpen yang disiarkan di dalam Utusan itu sama ada Yang Berhormat bersetuju dengan apa yang ditulis itu yang seolah-olahnya memperkembangkan benci kepada seseorang yang tertentu khasnya rakan kita di dalam Dewan ini dan mencadangkan bahawa ia boleh menggunakan keganasan seperti pembunuhan untuk menghabiskan seorang YB sama ada pendirian Yang Berhormat kerana saya rasa Yang Berhormat selalunya merupakan seorang yang lebih berpandangan terbuka dan juga selalunya hendak satu politik yang sihat.

Jadi, saya rasa cerpen ini merupakan politik yang tidak sihat. Utusan ini selalunya saya lihat seolah-olahnya dia juru kepada Yang Berhormat Seputeh. Yang Berhormat Seputeh kita semua tahu dia orang bukan lawa, jelita. Dia hati baik... [*Dewan riuh*] Dia memang tidak anti mana-mana dan dia selalu memupuk keharmonian. Jadi, saya tidak faham bagaimana orang boleh mengatakan dia bahawa Yang Berhormat Seputeh ini yang orang baik ini, yang hati baik, yang juga jelita, yang lemah lembut ini bahawa dia anti Melayu, anti Islam. Tengok dia berpakaian baju kurung. Dia pakai baju Melayu juga. Jadi, saya ingin mendapat pandangan Yang Berhormat yang merupakan generasi baru di dalam UMNO, di dalam negara ini. Apakah pandangan atau pun pendirian Yang Berhormat.? Terima kasih.

Tuan Razali bin Haji Ibrahim [Muar]: Pertama, saya rasa laporan surat khabar bukan satu autoriti dalam Dewan ini. Itu adalah pandangan penulis dan kalau kita rasa tidak sesuai, kita ambil tindakan seperti yang dibuat oleh Yang Berhormat Seputeh. Betullah itu. Maka, kita serahkan kepada mahkamah untuk kita tengok sama ada ia ada berbau hasutan dan sebagainya. Tentang pendirian saya, Yang Berhormat kalau buka *blog*, kita ini didakwa diletakkan muka kita dengan buruk, dituduh macam-macam, dikata kita macam-macam. Ini asam garam sebab kita didik begitu. Satu generasi di Malaysia sudah mula boleh bersifat begitu. Pada saya, kalau kita tidak mahu menghadapi suasana begitu kita kena tolak sikap yang telah menjadi mainan. Kalau kita tengok anak kita buka, bapanya disamakan dengan buruk. Ada juga *website* saya baca, bunuh Perdana Menteri. Yang Berhormat boleh buka. Kalau kita baca, saudara mara kita baca, bolehkah kita terima suasana itu?

Jadi, pada saya sebab itu awalan tadi, proses undang-undang. Ini bukan soal apa pandangan saya, ini soal kerukunan. Kalau semua ikut peraturan, undang-undang saya rasa tidak timbul masalah. Saya tidak boleh menjatuhkan hukuman bersalah atau tidak kepada ataupun Yang Berhormat Seputeh bersalah atau tidak. Saya pun tidak tahu sebab kalau kita baca dalam *blog* ada yang mengatakan dakwaan itu seolah-olahnya betul. Ada yang mengatakan tidak betul. Dalam surat khabar yang sama, yang saya rasa Yang Berhormat juga boikot surat khabar itu, buat apa baca. Kalau sudah boikot surat khabar itu biarlah dia tetapi kalau dalam surat khabar yang sama menafikan cerita itu maka biarlah proses mahkamah berjalan untuk meneliti apa juga hujah.

Pada saya berani cakap berani tanggung sebab itu yang lebih menyedihkan saya perkara itu bukan sekadar dalam surat layang kalau satu masa dahulu. Dalam surat khabar perdana hari ini, dalam *blog* jauh lebih banyak kalau kita hendak sebut. Saya tidak hendak gunakan Dewan ini untuk memberitahu satu perkara yang tidak sepatutnya kita tahu tetapi ini hakikat. Ini ialah yang terpaksa kita hadapi dalam negara kita sebab itu dalam kita membina negara, perkara-perkara sebegini boleh melengahkan sebab rakyat sangsi, rakyat keliru, rakyat rasa seolah-olah apa yang tidak dikeluarkan oleh surat khabar perdana itu semua tidak betul,

yang keluar dalam *blog-blog* itu semua perkara yang betul walaupun boleh dipersoalkan. Sila Yang Berhormat Petaling Jaya Utara.

Tuan Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Terima kasih Yang Berhormat.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Sebentar Yang Berhormat. Saya hendak bagi garis panduan sedikit. Bacakan 37(1)(b) Yang Berhormat ya.

Tuan Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Saya bacakanlah, Yang Berhormat belum baca ini. Jika hendak minta penjelasan. Duduk Yang Berhormat, saya bercakap. Penjelasan mengenai apa-apa perkara yang dikeluarkan oleh ahli-ahli yang sedang bercakap itu dalam ucapan dengan syarat ahli yang sedang bercakap itu mahu beralah dan duduk, ahli yang hendak mengganggu itu dipanggil oleh pengerusi Yang Berhormat. Pengerusi ataupun Yang di-Pertua masih relevan dalam Majlis ini. Sila Yang Berhormat.

Tuan Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang lama, yang baru mesti kena tahu peraturan ini.

Tuan Pua Kiam Wee [Petaling Jaya Utara]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya akui salah. Terima kasih Yang Berhormat Muar kerana memberi peluang untuk membuat penjelasan. Saya berasa kecewa sedikit mengenai *statement* yang telah dibentangkan tadi sebab Yang Berhormat Muar macam enggan atau *reluctant* untuk membuat pendirian mengenai satu cerpen yang menghasut rakyat Malaysia untuk membuat perkara buruk, perkara ganas seorang insan di Malaysia. Apakah salahnya kita semua tak kira parti, kalau ada cerpen yang menuduh ataupun menghasut kita supaya kita menggunakan Perdana Menteri saya akan berdiri di sini supaya kita akan membantah kerja-kerja seperti itu.

Kenapa ada khianat kalau *compare* dengan muka saya diletak ke atas satu muka buruk. Itu politiklah. Kita tahu buruk, tidak apalah. Saya pun kena dibuat, saya tidak *complain*, saya tidak pergi polis kerana muka saya jadi buruk tetapi kalau menghasut orang, membunuh orang. Ini sudah *cross the line*, ini sudah jadi satu *out of point*. Jadi, saya harap Yang Berhormat-Yang Berhormat yang ada di sini boleh secara *sincere* secara ikhlas memberikan pandangan sendiri mengenai perkara ini, kalau ada salah mesti tegur, kalau tidak ada salah kita akan sokong. Terima kasih.

Tuan Razali bin Haji Ibrahim [Muar]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat. Kalau saya buat pendirian pun tidak semestinya dia bersalah ataupun tidak sebab itu saya katakan tadi serah kepada mahkamah. Kalau saya kata hari ini, Yang Berhormat hendak dengar saya kata perkara yang dibuat itu tidak betul, sama juga tidak betul tetapi tidak semestinya menjadikan Yang Berhormat Seputeh sebagai betul. Sebab itu saya kata.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Bukan, bukan. Mohon...

Tuan Razali bin Haji Ibrahim [Muar]: Sekejap sahaja.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: [*Bercakap tanpa pembesar suara*] ...Di sini ialah kita hendak satu pendirian terhadap membuat satu cerpen untuk menghasut orang untuk membunuh. Saya rasa tidak kiralah yang dia hendak bunuh orang itu siapa, itu adalah salah. Siapa orang yang kena bunuh itu tidak penting. Ini bukannya untuk membuktikan bahawa tulisan adalah betul. Bukan. Hanya satu *point* sahaja sama ada penulisan seperti ini perlu diketuk atau tidak? Itu sahaja. Terima kasih.

Tuan Razali bin Haji Ibrahim [Muar]: Apa sahaja bentuk penulisan sama ada hendak suruh bunuh atau tidak asal saya ia membawa kepada satu masalah yang lebih besar sehingga mewujudkan *racial* tension di kalangan masyarakat akan saya tentang. Terima kasih. Sila Yang Berhormat Kinabatangan kalau Tuan Yang di-Pertua bagi.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih. Tuan Yang di-Pertua ini peraturan ya? Betul-betul ya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Ya.

Datuk Bung Moktar bin Radin [Kinabatangan]: Terima kasih Yang Berhormat Muar. Saya melihat keadaan pembangkang kita ini keliru dalam keadaan mereka tidak terkeliru. Memaksa orang untuk membuat pendirian sedangkan cerpen ini adalah luahan hati, imaginasi. Dia tidak tujukan kenapa siapa-siapa, ia *general*. Bagi saya, saya pun ada baca. Ya, bagus memperingatkan saya tentang keselamatan kita, diri kita, dan memperkayakan kita dalam suasana negara kita ini aman, damai, makmur.

Jadi, saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat. Apakah Yang Berhormat setuju *blog-blog* yang dikelola oleh pembangkang banyak unsur-unsur hasutan, maki hamun dan sebagainya. Pun dia tidak bising pun. Ini merupakan bukan lagi *double standard, triple standard* pembangkang semata-mata untuk mengaut keuntungan daripada rakyat. Minta penjelasan?

Tuan Razali bin Haji Ibrahim [Muar]: Ini pun saya hendak tambah. Bukan sekadar saya setuju. Banyak lagi perkara, contoh HINDRAF semasa kita menyambut Aidilfitri. Kenapa tidak ada kenyataan-kenyataan yang membantu menyokong? Kita tidak boleh terima perkara macam itu.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Diperingatkan Yang Berhormat.

Tuan Razali bin Haji Ibrahim [Muar]: Kita kena keluarkan dalam suasana di mana kepentingan negara itu lebih mustahak.

■1630

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Yang Berhormat Muar tinggal 12 minit lagi Yang Berhormat ya.

Tuan Haji Khalid bin Abd Samad [Shah Alam]: [*Bangun*]

Tuan Razali bin Haji Ibrahim [Muar]: Saya hendak sangat bagi Yang Berhormat Shah Alam tapi saya ada 12 minit. Sebab nanti saya tidak sempat masuk. Saya belum masuk lagi ini.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Haji Wan Junaidi Tuanku Jaafar]: Duduk Yang Berhormat.

Tuan Razali bin Haji Ibrahim [Muar]: Bagilah saya masuk. Sebab itu sebelum saya masuk kepada perkara yang hendak saya capai, apa juga perkara baik yang hendak kita buat kalau, yang ini tidak dapat kita selesaikan terlebih dahulu. Maka tidak gunalah kita hendak buat perkara-perkara yang lain. Sebab itu sebelum saya masuk kepada perkara-perkara yang cuba saya bawa dalam 12 minit ini, saya harap kita terima dulu. Supaya pembinaan negara ini salah satu elemennya adalah perbelanjaan ada juga undang-undang dan pelbagai elemen lain yang perlu kita sepakati dan pertahankan.

Yang baik kita kena pertahankan barulah segala apa juga perancangan yang hendak dijalankan dapat dicapai dengan sempurna. Sebab itu Tuan Yang di-Pertua dalam kita menonjolkan bajet perbelanjaan negara dalam buku yang dibekalkan sudah banyak perkara tentang bagaimana punca pendapatan dapat kita gunakan kelak. Sama ada punca pendapatan yang disasarkan itu menepati jumlah yang kita harapkan atau tidak perkara kedua. Akan tetapi yang ingin saya sampaikan dalam kita berbelanja selain daripada sumber pendapatan yang bakal kita peroleh, ada beberapa perkara yang dapat kita gunakan daripada penjimatan perbelanjaan. Saya ingin sentuh tentang penjimatan yang boleh kita buat.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Ronald Kiandee) *mempengerusikan Mesyuarat*]

Perkara pertama menyambung kepada apa yang disebut Yang Berhormat Marang tadi - inisiatif, usaha kerajaan memperkenalkan buruh asing satu masa dulu sangat baik kerana kita hendak mempercepatkan pembangunan, merangsang ekonomi dengan tenaga mahir yang dibawa masuk. Kemudian ada pelbagai sektor lagi dikembangkan tentang bagaimana buruh asing ini dapat kita gunakan dan hari ini ada 2 juta yang berdaftar. Yang masuk secara tidak sah pun ramai, yang hendak balik secara tidak sah pun ramai. Yang berlaku semasa kita menyambut Aidilfitri sangat mengecewakan. Mereka ini cuba balik setelah masuk secara tidak sah dan cuba balik secara tidak sah dan perkara ini menimbulkan pelbagai masalah lain. Saya tidak menafikan sumbangan tenaga buruh asing dalam negara kita sangat mustahak.

Banyak sumbangan yang telah diberikan, tetapi kita diberitahu RM15 bilion dibawa keluar setahun oleh tenaga buruh asing yang berdaftar. Bayangkan RM15 bilion duit negara kita dibawa keluar, walhal kita diberi maklum RM12 bilion sahaja kutipan cukai pendapatan individu yang diraih oleh kerajaan. Bagaimana dapat kita jimatkan RM15 bilion ini daripada keluar? Saya tidak ingin mencadangkan untuk kita menghapuskan terus buruh asing, tetapi sedikit sebanyak tenaga buruh asing ini kalau kita dapat kenal pasti sektor-sektor yang paling mustahak sahaja. Sebab itu semasa sambutan Aidilfitri bagi mereka yang ada di Kuala Lumpur semua masjid kita di

Putrajaya cantik, besar, penuh sembahyang oleh warga buruh asing. Begitu ramai buruh asing rupanya, penuh.

Sebab itu kalau jumlah ini dapat kita kecilkan maka banyak perkara yang dapat kita selesaikan, umpamanya pengangguran seperti yang disebut. Keduanya mungkin masalah jenayah dapat dikurangkan. Mungkin tumpuan kepada sektor-sektor ini dapat di isi oleh rakyat kita. Sebab itu perkara-perkara yang sering kali dikaitkan dengan buruh asing ini walaupun pihak kerajaan sering mengatakan bahawa pengangguran tidak ada kena-mengena dengan buruh asing. Masalah jenayah sebenarnya terlalu kecil dilakukan oleh buruh asing, tetapi sebenarnya budaya yang dibawa ataupun budaya kita yang tidak difahami telah menjejaskan sedikit dan tidak kurang juga ramai buruh asing yang sudah berkahwin dengan orang tempatan. Sama ada yang lelaki luar, rakyat kita wanita atau sebaliknya. Menimbulkan pula masalah pendaftaran anak di sekolah dan sebagainya. Sebab itu sektor-sektor mungkin perkhidmatan, perladangan, *construction* boleh dikenal pasti di mana dapat kita manfaatkan tenaga buruh asing.

Selepas itu saya akan ditanya kalau kita kurangkan bagaimana tentang daya saing negara. Bagaimana tentang kos keluaran kita mungkin menjadi tinggi. Bagaimana hendak digantikan ruang-ruang yang sering diisi oleh buruh asing seperti yang sering disebutkan tempat kerja-kerja yang bahaya, tempat kerja-kerja yang kotor, busuk dan sebagainya. Siapa yang hendak kerja? Adakah rakyat Malaysia yang hendak bekerja di ruang-ruang ini? Sebab itu saya hendak mencadangkan, saya dapat berkesempatan untuk pergi ke Pusat Serenti. Malahan di Pusat Serenti ini, latihan yang diberikan oleh kerajaan sangat baik. Mereka duduk di situ dua, tiga tahun dan di Johor seumpamanya Pusat Serenti Muar pelatih-pelatihnya telah memenangi pertandingan kawat kaki.

Kalau kita tengok susuk tubuhnya, persiapannya dia lebih kurang macam tentera kita, polis kita hebat. Akan tetapi kita digambarkan kebanyakan penagih kita apabila keluar daripada pusat-pusat ini 40% menagih semula. 40% masuk balik ke pusat. Kenapa? Kerana apabila mereka keluar mereka tidak diterima oleh masyarakat. Apabila mereka keluar, mereka tidak mendapat peluang pekerjaan.

Saya ingin mencadangkan kepada kerajaan khasnya Kementerian Sumber Manusia boleh melihat satu inisiatif bagaimana tujuh ribu pelatih kita yang telah dirawat ini dapat ditempatkan di tempat-tempat sektor perladangan umpamanya. Satu ribu orang ditempatkan di satu syarikat swasta, syarikat yang menerima pekerja ini diberikan insentif mungkin pengecualian cukai. Apabila satu ribu orang yang telah dilatih selama tempoh satu dua tahun ini duduk dalam satu tempat yang sama, maka kita boleh pantau. Pegawai AADK boleh datang melihat bagaimana pelatih-pelatih ini berkembang. Wujudkan satu *pilot project*. Yang ini rakyat Malaysia, warganegara kita walaupun kita bayar gaji lebih kepada mereka, mereka ini rakyat kita, yang tidak diterima oleh masyarakat apabila mereka keluar.

Apabila masyarakat tidak terima dia pergi ke zon selesa. Siapa yang terima dia? Kawan-kawan lama, maka mereka pula mula menagih. Sebab itu pada saya kalau kita dapat sediakan satu skim di mana mereka ini ditempatkan dalam sektor-sektor tertentu, kalau tidak ada kepakaran dalam tempoh latihan, bagilah kepakaran kepada mereka supaya mereka dapat membantu mengurangkan atau mengisi tempat-tempat yang ditinggalkan.

Puan Chong Eng [Bukit Mertajam]: Terima kasih Yang Berhormat Muar dan juga Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin menyokong cadangan Yang Berhormat Muar walaupun kita dari pihak yang tidak sama tetapi saya rasa ini adalah satu cadangan yang baik. Selain daripada ini saya rasa kita juga mengkaji balik pendekatan anti dadah kita kerana pendekatan kita ini memberi kesan kepada pandangan orang ramai terhadap..., sekarang kita tidak panggil mereka *drug addict* ataupun penagih. Kita panggil mereka *drug user* untuk meneutralkan pandangan negatif, kerana kita rasa dulu kita punya pendekatan sangat negatif terhadap orang yang menyalahgunakan dadah ini.

Selanjut daripada itu orang takut kepada mereka walaupun mereka pun sudah tidak menggunakan dadah ini. Saya baru pergi ke satu woksyp, di mana *drug user* mereka sudah dapat mengendalikan woksyp sendiri. Saya rasa sekarang di seluruh dunia *drug user* begitu di *empower*, sekiranya kita memberi *opportunity* ataupun peluang kepada mereka. Mereka dapat menjadi seorang yang dapat menyumbang kepada masyarakat. Jadi ingin mendapatkan pandangan daripada Yang Berhormat sama ada Yang Berhormat setuju bahawa kita perlu mengkaji balik pendekatan yang digunakan oleh Serenti. Terima kasih.

Tuan Razali bin Haji Ibrahim [Muar]: Saya setuju, sebab anak-anak muda ini semua orang muda ada tenaga yang tidak dapat pemerhatian masalah keluarga dan sebagainya, terjerumus dengan penyalahgunaan dadah. Mereka ini bukan hendak hisap dadah. Mereka ini telah terpilih jalan yang salah tetapi setelah mereka bertaubat mereka dipulihkan, tetapi mereka tidak diberi latihan untuk menghadapi masyarakat. Mereka terpaksa berhadapan dengan masyarakat dalam suasana dalam moral yang terlalu rendah. Rasa kecil, tetapi sebenarnya kita perlu menerima mereka dengan lapang dada, dengan tangan terbuka. Kita kena sediakan kehidupan.

Kalau mereka ini diberikan pilihan untuk menagih semula dan satu kehidupan yang sempurna, saya yakin 100% daripada mereka yang dipulihkan ini ingin kembali kepada masyarakat dan hidup sebagai orang biasa. Malang sekali seperti yang disebut atau dicadangkan oleh Yang Berhormat Bukit Mertajam mereka ini hanya cuba dipulihkan. Kemudian selepas pulih kita kata, "Kau pergilah balik kepada masyarakat dan hiduolah seperti biasa".

■1640

Yang ini perlu kita perbaiki supaya dalam AADK, dalam pusat-pusat serenti latihan ini diberikan sehingga kita dapat mereka wujud sebagai satu keluarga dalam satu kehidupan yang sempurna. Tidak boleh mereka ini kita biarkan terus, bercampur dan bersaing dengan rakyat-rakyat yang lebih sempurna.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat Indera Mahkota.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya juga rasa suka untuk setelah saya dengar Yang Berhormat Muar menyebut berkenaan dengan rancangan untuk mengadakan *something* kata macam pemulihan terhadap masalah kedatangan atau kebanjiran pendatang asing tanpa izin, terutamanya. Walaupun mereka ini menyumbang atau menjadi penyumbang yang agak *significant* dalam pembangunan negara serta ekonomi dalam negara kita.

Walau macam mana pun saya rasa perkara yang agak merumitkan bidang penguatkuasaan adalah apabila aspek penglibatan di kalangan penguat kuasa. Lebih jelas lagi melibatkan agensi-agensi kerajaan sendiri yang memudahkan kemasukan mereka ataupun mempermudah penyusupan mereka untuk berada di beberapa tempat yang strategik termasuk di bidang-bidang pembinaan dan sebagainya.

Kita ingat dua tahun dahulu Pengarah Operasi Program Pemutihan sendiri membuat kenyataan secara terbuka bahawa beliau merasakan ada kegagalan dalam operasi tersebut apabila tidak dapat mengesan 1% pun daripada 70,000 orang PATI yang masuk dan masih berada di dalam negara. Ini kerana katanya diberi perlindungan dan sebagainya. Yang jauh lebih buruk lagi mereka ataupun beliau mengatakan perkara ini adalah berkaitan dengan urusan kemasukan yang diberi kelulusan secara jelas oleh orang-orang tertentu. Banyak diperkatakan dalam masyarakat kita, orang-orang tertentu itu ialah orang-orang yang secara langsung terlibat dengan orang yang mempunyai kuasa untuk meluluskan kemasukan mereka.

Sebagai contoh Yang Berhormat Muar....

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Panjang sangat Yang Berhormat.

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Sedikit sahaja. Kemasukan pendatang asing atau pekerja asing daripada Sri Lanka dan India. Saya diberitahu secara jelas oleh salah seorang wakil mereka, mereka menerima bayaran sebanyak RM5,000 untuk satu kepala, *per head counting* RM5,000. Bayangkan berapa mewahnya banyaknya faedah yang mungkin akan diraih oleh pihak tertentu daripada hasil transaksi sebegini. Saya mohon minta Yang Berhormat Muar untuk sedikit penjelasan.

Tuan Razali bin Haji Ibrahim [Muar]: Secara mudahnya saya dapat faham bahawa pelaksanaannya itu tidak betul. Cerita tentang ini saya rasa kalau Yang Berhormat tidak sebut pun saya ada dengar. Pada saya, kalau saya tahu depan mata saya tangkap, saya akan laporkan. Berapa ramai orang kita yang boleh jangan cerita beritahu. Bagi bukti saya tangkap. Bagi tahu saya, saya akan berjumpa dengan mana-mana menteri pun dan bukan kita tidak pernah buat. Namun, tidak ada orang yang datang jumpa saya. Apabila saya kata bawa bukti, saya...

Tuan Azan Ismail [Indera Mahkota]: Saya jumpa nanti ya...

Tuan Razali bin Haji Ibrahim [Muar]: Jumpa saya, kita pergi jumpa dengan dakwaan dengan benda yang cukup. Sebab pada saya mempunyai penuh harapan selepas kita cuba membuat satu aspirasi yang baik untuk pembinaan negara. Saya mengharapkan semua kepimpinan yang ada di hadapan ini saya penuh percaya akan cuba buat yang baik. Cuma kadang-kadang maklumat untuk kita lakukan itu sangat sukar diperolehi.

Saya setuju, saya dengar dengan penuh harapan tetapi kes-kes yang saya berhadapan, saya boleh selesaikan. Akan tetapi kes itu kecil-kecil. Saya tidak ada penglibatan dalam kes-kes yang besar begitu. Namun, kalau ada kerjasama, kalau terang-terang tidak betul, kalau ada peraturan yang disediakan tetapi kita tidak menggunakan kita cakap-cakap sahaja, masalah ini sampai bila pun tidak selesai.

Oleh sebab itu pada saya selain daripada melihat tentang penguatkuasaan, saya lebih berminat mencari jalan membantu anak-anak muda kita yang terjerumus dalam kes-kes penyalahgunaan dadah tadi. Begitu juga dengan anak-anak muda kita yang kadang-kadang yang ditahan di lokap, masuk penjara. Walaupun mereka tidak terlibat dengan gejala dadah, tetapi mereka ini juga boleh digunakan kalau kita memberikan latihan yang betul.

Dengan itu, kerjasama di antara sumber manusia dengan AADK dapat kita manfaatkan supaya anak muda kita modal insan yang disebut tadi benar-benar dapat merasakan bahawa kerajaan hari ini benar-benar memikirkan tentang masa hadapan mereka. Sebab saya tidak nampak banyak perkara yang dibentangkan benar-benar memberi manfaat kepada anak-anak muda.

Dalam ini jelas ada satu inisiatif yang dikemukakan oleh kerajaan RM150 sebulan kepada Orang Kurang Upaya, Alhamdulillah. Kita suka dengar bantuan-bantuan kepada orang miskin, Alhamdulillah. Kita boleh sebenarnya memberi bantuan kepada anak muda kita. Bagaimana? Saya pernah sebut perkara ini. Kenapa saya sebut tentang bantuan kepada pusat serenti, pelatih-pelatihnya? Bukan kerana perkara baru, ini berkaitan dengan perbelanjaan. Kalau anak muda ini tidak lagi menagih dan terima kasih ingin kembali ke pusat serenti, maka ia akan dapat jimatkan duit kerajaan. Ini yang cuba saya sampaikan dari segi kita mencari sumber pendapatan. Kita buat satu penjimatan agar penjimatan itu tadi tidak berlaku pembaziran.

Begitu juga tentang anak muda. Saya sebut Kementerian Kesihatan banyak sangat perkara-perkara yang menyentuh jangan makan garam, jangan makan gula, nanti kencing manis nanti darah tinggi. Anak muda kalau diberi kempen begitu, ataupun tidak hendak hisap rokok RM32 juta kerajaan belanja. Jikalau kita beritahu anak muda jangan makan garam nanti darah tinggi, kencing manis kalau makan gula banyak. Dia akan kata banyak darah tinggi dan kencing manis ini orang tua sebab orang tua dahulu memang makan garam dan gula dengan banyak. Kita ini muda, sihat...

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titivangsa]: *[Bangun]*

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: *[Bangun]*

Tuan Razali bin Haji Ibrahim [Muar]: Tidak ada orang muda umur 20 tahun ke bawah kata dia tidak sihat. Dia akan kata dia sihat sebab dia masih muda. Bagaimana hendak bagi tahu dia ini tidak sihat?

Saya pernah cadangkan, kalau boleh kita sediakan satu dana RM100 satu kepala anak muda kita untuk pemeriksaan wajib air kencing, darah dan x-ray; maka keputusan hasil pemeriksaan kita itu tadi kita serahkan kepada anak muda kita. Barulah anak muda ini kata memang penting modal insan itu untuk kita pelihara. Bila kita tunjuk saudara ada darah tinggi, kolesterolnya tinggi, maka jagalah makan. 500,00 anak muda kita dalam satu *cohort* kalau RM100 baru RM50 juta.

Oleh itu, perkara ini perlu kita pertimbangkan barulah anak muda boleh rasa bahawa kerajaan memang betul-betul melihat tentang kesempurnaan kesihatan mereka selaku modal insan dalam negara ini. Saya...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, sudah lima minit, hendak bagi jalan?

Tuan Razali bin Haji Ibrahim [Muar]: Saya tidak ada masa, sedikit sahaja lagi.

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Sedikit sahaja.

Tuan Razali bin Haji Ibrahim [Muar]: Okey, sebab rayuan kita bagilah.

Dr. Lo' Lo' Mohamad Ghazali [Titiwangsa]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Muar. Saya cukup sensitif apabila sebut sebab rokok ini. Saya hendak bertanya Yang Berhormat Muar, adakah rasanya budak-budak muda kita mendapat satu contoh yang baik daripada Ahli-ahli Parlimen sendiri yang merokok sewenang-wenangnya di kawasan dalam Parlimen, bangunan Parlimen itu sendiri. Ini termasuk pegawai-pegawai kerajaan, penyokong-penyokong yang dibawa masuk yang hisap rokok *like no business* punya inilah.

Jadi saya hendak tanya adakah ini satu contoh yang patut kita bagi? RM32 juta kata kerajaan belanjakan untuk kempen. RM3 juta satu hari duit dibakar untuk hisap rokok.

Tuan Razali bin Haji Ibrahim [Muar]: Faham, faham. Sedikit menyesal pula bagi. Kalau Yang Berhormat beritahu saya seluruh orang muda hidap rokok sebab Ahli Parlimen, saya akan jawab. Kalau ada satu kajian, sebab ini bukan masalah Ahli Parlimen hisap rokoklah Yang Berhormat, kalau saya hendak buat kenyataan. Cuma Yang Berhormat mungkin berpendirian begitu.

Kalau ada statistik menyatakan rakyat Malaysia menghisap rokok kerana Ahli Parlimen menghisap rokok, saya akan jawab. Yang Berhormat Machang saya bagilah sebab yang ini tidak berapa ini. Yang Berhormat hendak tanya? Tidak hendak tidak apa. Yang Berhormat saya ingin meneruskan bahawa pada saya kalau perkara ini dibuat, insya-Allah anak muda kita pada umur 16 tahun tahu mereka akan dibuat satu pemeriksaan air kencing yang boleh mengelakkan diri mereka mengambil dadah sebelum umur tersebut. Saya rasa ini satu kebaikan.

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: [Bangun]

Tuan Razali bin Haji Ibrahim [Muar]: Sebab kita menunjukkan *result* kepada mereka, keputusan bahawa mereka ini tidak sihat dan tolonglah jangan ambil dadah dan sebagainya. Perkara ini saya mencadangkan supaya perbelanjaan daripada kita buat untuk kempen hidup segar, hidup sihat ini dapat kita kurangkan sedikit kerana impak kepada orang-orang muda yang hendak kita jaga ini tidaklah capai kepada matlamat. Sedikit lagi.

Tuan Saifuddin Nasution bin Ismail [Machang]: Terima kasih Muar. Saya tertarik dan bangun hendak menyokong pandangan Muar. Bukan isu rokok tetapi isu program sokongan kepada bekas penagih. Di Penjara Pengkalan Chepa dijalankan satu projek perintis, *pilot* projek tiga empat bulan sebelum banduan kes dadah dibebaskan, mereka sudah dimasukkan dalam satu program diberikan jarum suntikan percuma dan dadah tiruan.

■1650

Kepada mereka diberitahu hospital mana dan klinik swasta mana mereka boleh ambil dadah tiruan itu dengan kadar dos yang berbeza setia hari dan mereka juga akan diminta untuk mencari kalangan bekas penagih untuk mengagihkan jarum-jarum ini. Jadi sementara sistem sokongan Yang Berhormat Muar bangkitkan, soal sokongan keluarga, soal masyarakat, soal sokongan kerajaan tapi program ini agak merisaukan saya. Sebab kalau kita tengok statistik kes yang terbabit dadah yang dilaporkan dimasukkan ke pusat pemulihan dan kes yang berulang grafnya itu sama kalau pun tidak tinggi sedikit. Jadi kalau mereka sudah pernah masuk mereka ulangi lagi tabiat lama.

Jadi kekhuatiran saya ialah program memberikan dadah tiruan ini dengan memberikan pula jarum secara percuma. Mereka tak semestinya ambil bekalan dadah tiruan itu di klinik-klinik yang mereka disyaratkan. Mereka boleh dapat daripada pembekal-pembekal lain dan ini akan menambah terukkan lagi. Oleh kerana itu saya difahamkan projek ini menelan lebih RM100 juta sebenarnya. Satu kos yang cukup besar. Ini menakutkan. Saya mohon pandangan Yang Berhormat Muar. Saya hendak dengar calon Naib Ketua Pemuda UMNO Malaysia. Terima kasih.

Tuan Razali bin Haji Ibrahim [Muar]: [Ketawa] Terima kasih. Saya setuju dengan Yang Berhormat Machang. Perkara yang berjaya dilakukan di tempat lain tak bermakna berjaya di tempat kita. Ada perkara yang boleh dibuat di tempat lain tak boleh dibuat di tempat kita kerana tahap pendidikan, pemikiran sangat berbeza dan kerisauan itu sebenarnya menjadi kerisauan saya dan kita fikir banyak macam mana hendak kita bantu menggalakkan mengambil dadah secara sempurna ini pada saya bukan jalan penyelesaiannya. Mereka ini perlu kita bimbing sampai mereka dapat satu kehidupan yang sempurna. Saya tahu Tuan Yang di-Pertua sudah mula menggoyang-goyangkan kerusi, mungkin masa saya sudah pun tiba...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, gulung Yang Berhormat.

Tuan Razali bin Haji Ibrahim [Muar]: Jadi untuk itu saya mohon untuk memberikan kata-kata ini. Saya mengharap benar agar apa yang berlaku yang baik sedang kita buat ini dapat

kita teruskan. Yang mana agak-agak sengaja kita buat walaupun kita tahu tak baik kita hentikan dan saya mengharapkan pembentangan bajet ini dapat disahut oleh seluruh rakyat dengan ingatan bahawa bagi mereka yang dipertanggungjawabkan untuk mengendalikan perbelanjaan ini jalankanlah tugas dengan amanah dan penuh tanggungjawab. Pada mereka yang bakal menikmati apa yang dihasilkan dari bajet ini terimalah dengan rasa syukur dan terimalah dengan satu azam untuk memulangkan balik manfaat yang diterima agar dapat diperoleh oleh generasi yang akan datang dan dengan doa dan harapan agar kita memperoleh berkat dan rahmat tersebut saya menyokong. Terima kasih.

4.53 ptg.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. *Bismillahirrahmanirahim.* Tuan Yang di-Pertua, saya ucap terima kasih kerana diberi kesempatan untuk mengambil bahagian membahas belanjawan bagi tahun 2009.

Pertamanya Tuan Yang di-Pertua, saya hendak mengalu-alukan Ahli Yang Berhormat daripada Sepanggar dan Ahli Yang Berhormat daripada Tawau menjadi anggota BEBAS. Dahulu saya seorang sahaja. Jadi sekarang tiga maka Alhamdulillah saya sudah pun menjadi presiden BEBAS... [Ketawa] Oleh itu, saya juga berharap saya diberi kesempatan lebih sedikit masa walaupun saya tidak mahu menggunakan Dewan ini menyampaikan ucapan retorik dengan isu-isu yang sudah dibangkit sebab kita diberi Allah SWT boleh bercakap, maka tujuh hari tujuh malam pun kita boleh bercakap.

Saya mohon keadilan sebab Ketua Pembangkang berucap sampai enam jam. Tak apalah Ketua Pembangkang tapi yang lain-lain juga dua jam setengah, dua jam. Bagilah keadilan kepada pihak-pihak lain dan saya duduk dengan sabar tak mahu mengganggu bagi tujuan memperoleh lebih banyak masa bagi kita menyampaikan pandangan untuk kepentingan agama, bangsa dan negara. Itu mukadimah.

Yang kedua, oleh kerana masa tidak mengizinkan dan saya pula orang bebas saya akan bercakap Tuan Yang di-Pertua macam mesin rumput tak ada tuan iaitu saya akan bercakap perkara yang benar dengan tidak terikat dengan mana-mana pihak dan jangan tafsir ucapan saya ini saya hendak ke sana, saya hendak ke sini, hendak masuk parti itu, hendak masuk parti ini tak ada.

Saya hendak bercakap perkara yang benar. Itu pendirian saya sehinggalah satu hari nanti saya hendak pilih parti Allah Taala bagi hidayah kepada saya, saya akan putuskan nanti tetapi sekarang ini saya bersifat demikian dan oleh kerana masa tidak mengizinkan kalau ada masa nanti kawan-kawan hendak mengganggu hendak mencelah saya akan bagi tetapi saya akan bagi signal. Dengan syarat Tuan Yang di-Pertua sanggup bagi masa kecederaan sebab saya pun *gentlemen* juga dan bila bertanya nanti saya akan jawab dengan sopan-santun. Kita sebagai pemimpin kalau kita rasa diri kita hebat, betul, canggih maka kita akan melayan soalan-soalan ini dengan cara yang demikian sopan-santun dengan tidak memperlekehkan orang.

Kecuali kalau soalan itu ditanya dengan sengaja ataupun soalan-soalan sarkastik hendak mengenakan orang maka saya pun boleh jawab juga dengan cara yang sarkastik. Akan tetapi pada saya sudah pun sampai ke peringkat negarawan. Kalau kita sudah jadi negarawan, jangan kita perlekehkan orang.

Saya hendak tegur mula-mula pertama, saya bersetuju teguran yang dibuat oleh Ahli-ahli Parlimen yang sudah berucap ini *banned* kerajaan, menteri dengan timbalan menteri kosong. Saya tahu sesetengah mereka ada kerja tetapi ada timbalan menteri. Sepatutnya sewaktu perbahasan kalau pun tidak semua separuh ke bergilir-gilir masuk Dewan Rakyat dan ada juga menteri dan timbalan menteri duduk di luar minum. Panjang lebar bersembang di luar. Gaji mereka lebih. Sudah gaji lebih duduklah dalam dengar. Sebab kita makan gaji, kita orang kerajaan... [Tepuk] Saya bersetuju. Kalau bersetuju itu kena hargailah apa yang saya kata saya setuju tetapi pihak pembangkang pula kalau saya tegur pun janganlah melenting.

Saya hendak sebut di sini sebab saya mengatakan saya dengar semalam dengan angkuh. Saya hendak berterus-terang saya tidak boleh bersetuju dengan cara Ketua Pembangkang bercakap semalam apabila melayan pertanyaan Ahli-ahli Parlimen memang dengan sombong dan angkuh yang tidak mencerminkan seorang negarawan. Ini saya cakap dengan ikhlas. Sepatutnya diberi ruang orang tanya jawab dengan baik. Sebab itulah sifatnya sebagai seorang pemimpin. Jangan pula jawab bila orang tanya ha ini hendak jadi menteri, ha ini kaki pengampu. Lepas itu tak sokong tapi memuji-muji juga. Sistem parti politik di negara kita ini ikut parti *Whip*.

Saya hendak beritahu terang-terang paling tidak saya hargai Ahli-ahli Parlimen daripada Barisan Nasional. Mereka berani juga menegur kerajaan. Mereka tegur pemimpin-pemimpin mereka tapi bila sampai undi mereka kena ikut parti *Whip*. Sama juga dengan pihak parti pembangkang ikut parti *Whip* juga. Bila disuruh keluar, keluar. Kalau hendak dikatakan yang sini hendak jadi menteri, yang sini pun hendak jadi menteri juga... [Ketawa]

Jangan kata dulang paku serpih, mengata orang kita yang lebih. Teguran saya ini teguran yang membina. Sebab ini parti *Whip*. Kalau tak hendak ikut parti *Whip* hendak ikut suka hati hendak mengundi, masuk BEBAS. Masuk. Yang 30 orang kata hendak lompat itu masuk bebas. 30 orang Barisan Nasional itu masuk bebas maka sekarang ini ada tiga jadi 33. Kalau jadi 33 tubuh kerajaan baru saya ada harapan menjadi calon Perdana Menteri... [Ketawa]

Why not? Saya juga ada ijazah. Tak ada masalah tapi saya tahu mungkin saya tidak sampai ke situ lagi. Maka mungkin saya hendak cadang Yang Berhormat daripada Marang, Tuan Guru Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang jadi Perdana Menteri sebab pada saya pemimpin yang besar ini bukan sahaja bersih tetapi mesti dilihat bersih bukan sahaja dari segi isu-isu korupsi kroni termasuk moral dan akhlak juga mesti dilihat bersih... [Tepuk]

Maka saya menyokong Dato' Seri Haji Abdul Hadi bin Awang Ahli Parlimen Marang menjadi Perdana Menteri dan saya orang Islam kerana bila dia kata PAS memperjuangkan Islam

hendak menegakkan negara Islam, Malaysia pula negara yang Islamnya agama rasmi maka tentu saya akan menyokong sebab dia hendak melaksanakan Islam.

■ 1700

Itu pendirian saya, mudah sahaja. Jadi sebab itu, saya haraplah supaya pandangan-pandangan supaya kita jangan mudah sinis, kita mudah melenting sebab kita semua hendak mencari kebenaran untuk kebaikan.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya hendak nyatakan di sini dari segi perbahasan. Ini banyak juga isu-isu yang saya hendak bawa. Pertamanya ada disebut bajet ini tidak boleh dibahaskan kerana angka sudah berubah. Samping saya pun hendak jatuh... [Ketawa] Orang tanya saya, Tuan Yang di-Pertua, sudah tiga hari saya pakai baju Melayu, apa sebab. Sebab saya baca surat khabar, negeri Sarawak arah rakyat dia pakai baju Melayu seminggu semasa Aidilfitri ini. Sarawak! Jadi saya pun rasa prihatin dan saya orang Melayu dan saya tahu negeri ini dulu pun asalnya orang Melayu punya, maka saya pakailah baju Melayu... [Ketawa] Itu sahaja. Jadi hendak jatuh samping ini.

Tuan Yang di-Pertua, dikatakan angka-angka sudah lari bajetnya oleh kerana sebulan yang lalu. Dahulu saya ingat apabila PAS bentang bajet, keesokan hari terus dibahas. Ada yang mengatakan ini singkat. Hari ini bentang, besok bahas. Ini masa sudah panjang. Mungkin angka pula lari, maka tidak boleh bahas. Walaupun kata tidak boleh bahas, saya menyambut baiklah Ketua Pembangkang cakap enam jam dalam pada tidak boleh bahas tetapi tidak apalah, alhamdulillah.

Jadi soalnya, angka ini sudah lari, betul. Sebab bajet yang dibentangkan baru-baru ini dijangkakan defisitnya lebih kurang 4.6% atas unjuran pendapatan termasuk hasil daripada petrol. Harga petrol jatuh, maka di manakah pendapatan negara. Angka ini sudah lari. Jadi ringkasnya saya meminta Yang Berhormat Menteri Kewangan nanti bila menjawab, walaupun angka-angka itu sudah lari dalam bajet dulu, bila kita bahas, dia boleh jawab balik waktu menggulung nanti dengan angka-angka yang terkini. Jadi tidak ada masalah. Saya hendak minta Menteri Kewangan jawab angka-angka yang dikatakan lari ini. Jangan pula kita bermain dengan kata-kata. Ini tidak boleh bahas tetapi kita bahas.

Dalam bab ini, Tuan Yang di-Pertua, banyak angka. Saya hendak mulakan dengan menyatakan penghargaan. Yang bagus saya kata bagus. Bajet bantuan untuk orang-orang kurang upaya daripada dulu RM150 naik kepada RM300, murid OKU daripada RM50 kepada RM150, bil elektrik kalau guna tidak sampai RM20, percuma. Pencen – had pencen sudah naik kepada RM720. Bonus untuk kakitangan kerajaan RM1,000 walaupun bayar dua kali. Elaun polis, bagus, alhamdulillah. Saya menyokong dan sambut baik apa yang dibuat oleh pihak kerajaan untuk menolong rakyat.

Soalnya sekarang ini krisis ekonomi, ada duit atau tidak ada duit, sudah janji, kena buat. Walaupun saya dengar warta berita tadi, Perdana Menteri sudah umum projek-projek mega

koridor mungkin akan dikaji semula kerana krisis ekonomi dunia sekarang ini, tetapi apa pun tugas kerajaan menjaga kebajikan rakyat. Sebab itu kita lihat, Chavez daripada Venezuela atau Presiden Mexico, negara mereka ini sudah lama kadang-kadang menghadapi krisis ekonomi sampai bankrap, mereka tidak tunduk kepada Amerika. Dia kata, biar papa kedana, biar bankrap sekalipun, tetapi perut rakyat dia jaga. Kehidupan rakyat dia pertahankan sebagai kerajaan bukan boneka.

Memang kita hendak tengok defisit atau tidak defisit dari segi bajet iaitu bagus atau tidak bagus, kalau dalam konteks kita berniaga, ya, tetapi kerajaan ialah menjaga kebajikan rakyat. Berhutang, berhutanglah. Seboleh-bolehnya kita tidak mahu berhutang, tetapi jaga kebajikan rakyat itu yang paling utama. Maka ini mesti ditunaikan.

Sebab itu, Tuan Yang di-Pertua, saya melihat secara keseluruhannya Bajet 2009 sebenarnya pada pandangan saya tidak langsung meletakkan hala tuju yang jelas tentang sejauh mana kerajaan yang ada hari ini berupaya untuk memacu ekonomi negara pada satu tahap yang memberangsangkan. Dalam keadaan krisis ekonomi domestik dan global yang cukup gawat sekarang ini, tidak ada sebarang insentif secara lebih praktikal untuk menggalak sektor perniagaan domestik dan korporat di samping pelaburan terus iaitu FDI, *foreign direct investment* yang semakin mengecut dan hampir pupus.

Ekonomi kita semakin hilang daya saing berbanding dengan negara jiran, kos perbelanjaan operasi kerajaan, *operating expenditure* meningkat dengan mendadak hampir 20% dari RM128 bilion pada tahun 2008 kepada RM154.2 bilion tahun 2009, kadar pertumbuhan ekonomi diramalkan 5.7% pada 2008 kepada 5.4% pada 2009 dengan keadaan sekarang, kita tidak tahu, mungkin menurun lagi iaitu terendah sejak tahun 2005. Sementara hutang negara pula meningkat RM192 bilion pada hujung Mac 2004 kepada RM280 bilion pada penghujung bulan Januari tahun ini kadar inflasi tertinggi sejak 27 tahun.

Sejak kenaikan sebanyak 41% harga petrol Jun lalu, kadar inflasi sudah naik kepada 7.7% pada bulan tersebut. Mengikut statistik yang saya kumpul, berlainan daripada Bank Negara, kadar inflasi negara terus melonjak hingga 8.5% pada bulan Julai dan berdasarkan kepada Indeks Harga Pengguna, kadar kenaikan harga makanan meningkat sehingga 11.2%. Kos pengangkutan meningkat sebanyak 22.7% dan barangan bukan makanan mencatat kenaikan sebanyak 7.2%. Saya menjangkakan statistik dan angka ini akan lebih parah dan membimbangkan sekiranya kerajaan masih gagal untuk mengambil apa-apa langkah yang drastik dari segi pengurusan kewangan ekonomi negara secara yang lebih praktikal dalam masa yang terdekat ini.

Walaupun semalam minyak turun lagi tetapi sejak kita naik minyak dahulu, kerajaan naikkan dahulu, turun, masih ada perbezaan 40 sen. Yang kita lihat semuanya ini membebankan rakyat. Harga barang-barang keperluan yang telah dinaikkan tidak diturunkan oleh peniaga malah ia semakin melonjak naik pada musim perayaan seperti Hari Raya Aidilfitri baru-baru ini.

Pemantauan daripada pihak berkuasa masih lemah dan hampir tidak ada di sesetengah tempat. Kerajaan sendiri tidak dapat membendung tindakan pengusaha bas terutamanya, mengenakan dengan surcay perkhidmatan bas yang paling tinggi iaitu sebanyak 30% yang menyebabkan harga tambang bas semakin mahal.

Jadi ianya membebankan rakyat dan kita lihatlah bagaimana golongan nelayan, petani, mereka yang berpendapatan rendah di desa dan pedalaman merupakan mereka yang paling teruk dihimpit oleh keadaan tertekan oleh ekonomi pada hari ini. Jadi kalau saya hendak beretorik, Tuan Yang di-Pertua, memang panjanglah seperti ada orang beretorik, "Ini golongan miskin yang sudah terhimpit dan dipinggirkan..." [*Ketawa*] Saya juga boleh beretorik. Jadi seolah-olah sayalah satu-satunya jaguh mahu membela rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, kita pun bercakap. Waktu perbahasan Dewan Rakyat yang lalu, isu pembelian Bank Indonesia, saya rasa kalau tidak silap saya, saya yang bercakap dahulu dengan panjang lebar sehingga saya mencadangkan Menteri Kewangan bawa Malayan Banking ke Dewan Rakyat buat taklimat. Ada taklimat dan saya soal pengurusan bertubi-tubi tetapi ada orang datang ke Dewan Rakyat ini bangkit balik isu ini..., tidak apalah bangkit, bagus, sebab isu ini belum selesai tetapi janganlah mengatakan, "Di mana dia jaguh-jaguh bumiputera, tidak bercakap." Seolah-olah dia seorang sahaja yang bercakap, kita pun bercakap. Kita pun belangan menidakkan diri kita sahaja jaguh.

Banyak lagi isu-isu lain yang kita bercakap. Saya pernah bercakap, tetapi inilah hakikatnya banyak perkara. Kalau hendak disebut isu-isu yang dibangkit dalam masa lima, enam jam, banyak. Saya pun hendak bangkit. Bukan sahaja Bank Indonesia, bukan sahaja pembelian helikopter, jualan Agusta, apa jadi pada Proton, *double tracking* yang dahulunya harga RM14 bilion dari Johor Bahru ke Padang Besar, hari ini dari Ipoh ke Padang Besar naik RM12 bilion. Kenapa batal? Kenapa yang baru dapat? Saya pun banyak juga hendak bercakap, berjam-jam tidak habis. Saya *balance*. Jadi oleh itu saya mencadangkan kalau boleh semua isu ini sudah kita bercakap banyak kali.

■1710

Saya hendak cadangkan kepada kerajaan, kalau boleh tubuhkan jawatankuasa yang bebas. Kaji semua, semua sekali kaji. Daripada dahulu sampai sekarang, termasuk dengan apa yang dibangkitkan oleh Ketua Pembangkang, isu mengenai dengan MISC iaitu kononnya menyelamatkan satu syarikat perkapalan anak Y.Bhg. Tun Dr. Mahathir. Dia ada jawab. Ketua Pembangkang ada sebut, saya pun dengar, saya pun dengar jawapan daripada bekas perdana menteri. Saya hendak tahu dan saya hendak minta pihak kerajaan menjawab. Semenjak MISC membeli saham ini, saya diberitahu RM2 bilion, berapakah jumlah sebenarnya? Betul atau tidak RM2 bilion? Sekarang ini apakah tanggungan MISC ataupun apakah saham itu sudah pun dijual balik kepada pihak yang lain? Apakah MISC mengaut keuntungan dan apakah MISC rugi?

Saya hendak jawapan daripada pihak kerajaan. Itu perkara yang paling baik. Ataupun saya hendak mencadangkan, tidak habis-habis saya hendak mencadangkan, kalau boleh *web site* macam *Agenda Daily* yang dahulunya menganjurkan debat supaya menganjurkan debat di antara Ketua Pembangkang dengan Yang Amat Berbahagia Tun Dr. Mahathir, *live* semacam *Presidential debate* daripada Amerika Syarikat, supaya kita dengar. Saya hendak mencari kebenarannya. Oleh sebab saya mendengar kedua-dua belah pihak dan saya pun tahu keadaannya yang sebenarnya. Daripada kita tuduh-menuduh. Bila kita kata, saya diserang habis-habisan, sewaktu saya tidak ada di sini. Kita pun serang orang juga, bila orang yang kita serang pun tidak ada di sini. [Ketawa] Biarlah adil! Maka dengan sebab itu, dibuat *debate* supaya rakyat dapat dengar secara *live* sebenarnya.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, isu bahasa Melayu. Bahasa Melayu, bahasa kebangsaan. Saya menyambut baik saranan daripada Ahli Parlimen Marang, termasuk Ketua Pembangkang. Kita hendaklah memperkasakan bahasa Melayu. Bagus! Saya sokong seratus peratus. Takbir! Akan tetapi saya hendak bertanya, seperti yang dijawab, bahasa Inggeris digunakan untuk Matematik dan Sains. Oleh sebab hendak meningkatkan bahasa Inggeris di kalangan pelajar-pelajar, maka diperkatakan diajar di dalam bahasa Melayu. Saya sokong dan inilah tuntutan rakyat sekarang ini. Banyak resolusi kita tengok mahu dikembalikan mengajar bahasa Melayu untuk Matematik dan Sains dan ada cara lain untuk meningkatkan bahasa Inggeris.

Akan tetapi, jangan setakat sekolah kebangsaan! Bahasa Melayu mesti digunakan juga termasuk di lain-lain sekolah, termasuk Sekolah-Sekolah Jenis Kebangsaan Cina dan Tamil, kalau hendak memperkasakan bahasa Melayu. Ini adalah sebab, bahasa Melayu itu tercatat di dalam Perlembagaan sebagai bahasa rasmi negara. Bahasa mengenalkan bangsa. Negara lain tidak ada kompromi. Di Thailand, di Indonesia, hendak tulis label nama bahasa lain pun tidak boleh. Saya duduk di Pasir Mas, saya bersempadan dengan negara Thailand.

Saya cadangkan IPTS juga sarankan. Saya hendak tengok sama ada kita bersetuju ataupun tidak, supaya dibuatkan syarat supaya semua IPTS juga mesti mengajar bahasa Melayu sebagai bahasa penghantaran. Kenapa tidak kita tumpukan kepada dua mata pelajaran ini? Kenapa pula terhad kepada bahasa Ibunda kalau kita hendak jadikan bahasa Melayu sebagai bahasa kebangsaan? P.Ramlee kata, "Bahasalah mengenalkan bangsa!" [Tepuk] Kenapa tidak? Janganlah sensitif! Saya kata jangan sensitif sebab, saya hendak merujuk Tuan Yang di-Pertua, saya hendak baca ini. Baru-baru ini timbul isu 153, banyak kali sudah kita bahas. Baru-baru ini ada forum di Kelantan. Yang bercakap, nombor satunya ialah Profesor Dr. Abdul Aziz Baharin. Pensyarah Universiti Islam Antarabangsa yang pakar undang-undang, yang orang sudah tidak *dispute* dia punya ilmu di dalam bidang undang-undang.

Seorang lagi iaitu bekas Pengarah Urusan MAS yang juga seorang peguam, Tan Sri Aziz Abdul Rahman yang menjadi Pengerusi Muafakat Penasihat Undang-Undang, Muafakat Melayu.

Saya hendak kod apa yang dia kata. Kata Aziz Bahari, “Kerajaan perlu tegas tangani pencabul Perlembagaan”. Saya hendak *quote* apa yang dia kata ini. Katanya, “Perkara ini tidak harus diberi ruang untuk dipertikaikan lagi kerana ia merupakan kunci kepada kestabilan negara yang telah dipersetujui dengan penuh muafakat sebelum mencapai kemerdekaan”.

Sebenarnya keseluruhan Perlembagaan Persekutuan yang perlu diperkasakan bukan hanya setakat fasal 152, 153 sahaja, kerana jika langkah konflik tidak dilakukan, Perlembagaan kita dijadikan seperti hiasan dan kosmetik sahaja”, Kata Profesor Dr. Aziz Bahari. Sementara itu saya ingin mencadangkan, supaya kerajaan mewujudkan satu badan atau jawatankuasa khusus di peringkat pusat dan negeri bagi memperincikan pelaksanaan fasal 153, yang dilihat agak tersasar daripada maksud dan matlamat sebenar undang-undang ini.

Saya difahamkan pada masa ini, tiada badan khusus sama ada di peringkat kementerian atau negeri yang melaksanakannya dan ini adalah di antara punca berlakunya keciciran di kalangan orang-orang Melayu sendiri dan wujudnya pihak tertentu yang mempertikaikan inti patinya.

Saya menyatakan demikian sebab Tuan Yang di-Pertua, saya sambung, kata Profesor Dr. Aziz Bahari, “500 tahun lalu dan ia merupakan kesinambungan daripada Kanun Melaka pada zaman kegemilangan Kesultanan Melayu Melaka. Katanya mengikut Laporan Suruhanjaya Reid yang diberi tugas untuk menggubal Perlembagaan Negara sebelum merdeka, mereka semua bersetuju bahawa kaum peribumi iaitu Melayu perlu diberikan hak keistimewaan semasa penubuhan negara ini. Lord Reid dari Britain mengakui bahawa Melayu masih ketinggalan terutamanya dari aspek ekonomi kerana mereka tidak mendapat pendedahan.

Tadi pun Ahli Parlimen Marang sebut, majoriti orang Melayu bumiputera susah dengan tidak mengabaikan kepentingan pihak kaum lain. Akan tetapi kita menekankan apa yang ada di dalam Perlembagaan kerana orang Melayu pun kalau ditengok dari segi ekonomi pada hari ini, makin teruk daripada dahulu manakala pihak-pihak lain sudah maju ke hadapan. Ini kata Profesor Bahari.

Seorang lagi, Tan Sri Aziz Abdul Rahman. Apa dia kata? Siapa Tan Sri Aziz ini? *Malaysia Bar Council*, Majlis Peguam telah menobatkan Tan Sri Aziz ini sebagai *the eminent person*, orang terkemuka Malaysia. Ini disebabkan dia dilantik di dalam satu jawatankuasa mengkaji isu kononnya mengenai dengan pemecatan Tun Salleh Abbas dahulu. *He is the so called, eminent person and* apa Tan Sri Aziz kata? Jangan melenting, saya hendak baca apa yang dia cakap ini. *So*, kalau tidak bersetuju, balun dia. Jangan balun saya. Kata Tan Sri Aziz, Penasihat Undang-undang Majlis Muafakat Melayu Se-Malaysia, Tan Sri Aziz Abdul Rahman berkata, “Sebelum merdeka, pendatang imigran ataupun warga yang sekarang ini rakyat kita iaitu warga kaum Tionghua, Cina dan India, mereka pada awalnya langsung tidak memikirkan sebarang usaha untuk mencapai kemerdekaan”, katanya.

Contohnya yang paling ketara ialah tiada langsung penglibatan golongan imigran ini semasa Melayu berpakat menentang penubuhan Malayan Union oleh Inggeris. Malahan mereka tidak berbuat apa-apa kerana fungsi Malayan Union itu kelak akan menguntungkan mereka pada waktu itu. Ekoran daripada itu, timbul pelbagai polemik dan perdebatan di kalangan pemimpin Melayu supaya tidak mengiktiraf kerakyatan tetapi akhirnya diwujudkan satu Perjanjian Sosial Kontrak yang diterjemahkan dalam Perlembagaan yang lahirnya fasal 152 dan 153 yang saya tafsirkan Tuan Yang di-Pertua, sosial kontrak ini bukanlah setakat sosial kontrak di antara kaum di negara kita, tetapi sosial kontrak di antara rakyat dan negara.

Dr. M. Jeyakumar Devaraj [Sungai Siput]: *[Bangun]*

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Rakyat Malaysia pada waktu itu mahukan kemerdekaan, berpakat, bersetuju, bahawa inilah dokumen yang akan kita jadikan asas Perlembagaan. Maka diwujudkanlah fasal-fasal ini yang akhirnya saya terjemahkan, ini adalah perjanjian antara rakyat semua kaum untuk setia kepada negara, menjunjung asas kedaulatan negara kita, di mana inilah Perlembagaan 152 dan 153 ini. Jadi Tuan Yang di-Pertua...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, Yang Berhormat Sungai Siput bangun Yang Berhormat.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Nanti selepas ini. Saya hendak habiskan. Saya takut masa saya habis.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ya, tidak bagi Yang Berhormat.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Jadi Tuan Yang di-Pertua, inilah asasnya yang disebutkan oleh mereka-mereka ini dan kita tidak mengungkit hak kaum lain. Hanya kita hendak memperkasakan Perlembagaan yang sedia ada. Di sinilah kelemahan kerajaan juga dari segi pelaksanaannya. Maka sebab itulah saya mencadangkan supaya diwujudkan jawatankuasa untuk mengkaji kelemahan-kelemahan dan dilaksanakan perkara-perkara yang belum lagi dilaksanakan. Akan tetapi dalam pada itu pun, dalam melaksanakan dasar-dasar dan hak keistimewaan orang Melayu ini pun seperti permit, kemudahan pinjaman, perniagaan, biasiswa supaya orang-orang Melayu meningkat dari segi ekonomi. Akan tetapi ada juga cara-caranya yang saya tidak bersetuju.

■1720

Contohnya seperti pengeluaran AP, lambakan AP. Ini tentu pembangkang setuju, Ahli-ahli Parlimen Barisan Nasional pun kena setuju dengan saya yang dulu dikritik oleh bekas Perdana Menteri. Lambakan AP oleh bekas Menteri Perdagangan dulu beribu lambakan AP, puluh ribu sehinggakan - dan ini sudah lagi saya tidak nampak sebagai satu. Ini dari segi kesetiaan Melayu tidak betul sudah ini, sehingga ada yang kaya raya menjual AP - RM30,000, RM50,000. Ada hamba Allah dapat AP berpuluh ribu, hari ini beli kapal terbang, hidup dengan cara mewah, kalau dia beli bangunan seperti Berjaya *Times Square*, orang bumiputera boleh berniaga kita sokong. Ini beli kapal terbang mewah.

Maka sebab itu saya hendak cadangkan, ini saya tidak bersetuju dikatakan hak istimewa. Kemudahan beri permit membawa teksi jangan sampai berbulan-bulan pada bekas tentera, orang-orang Melayu hendak berniaga kemudahan pinjaman, biasiswa. Ini hak orang Melayu yang dijamin dalam perlembagaan tetapi diberinya AP beratus-ratus ribu, puluh ribu bagi AP. Dulu bekas kakitangan kementerian siapa yang bagi? Ha! Ini yang saya tak bersetuju dan saya hendak cadangkan.

Saya hendak tanya Kementerian Kewangan, Menteri kita Yang Amat Berhormat yang baru ini, saya hendak cadangkan mulai sekarang ini semua AP dikenakan bayaran ataupun *surcharge*. Satu AP Tuan Yang di-Pertua, dulu boleh dijual RM50,000 ada sepuluh AP *income* RM500,000 sebulan. Saya hendak tanya, saya hendak minta Kementerian Perdagangan Dalam Negeri termasuk Menteri Kewangan keluarkan senarai balik dengan secara terperinci siapa yang dapat AP ini. Sepuluh AP hidup mewah, lebih daripada Sultan, RM 400,000 berapa banyak mereka bayar cukai?

Saya hendak tanya Jabatan Hasil Dalam Negeri berapa jumlah cukai yang dikutip daripada mereka pengimport yang dapat AP ini? Tidak kira siapa mereka, berapa banyak cukai? Buru mereka ini. Jangan pula keluar akaun hitam bukan akaun putih, bayar. Jadi saya hendak cadangkan saya bayar cukai mulai daripada sekarang mesti satu AP, saya cadangkan RM10,000 dan mana sahaja rakyat hendak AP dia boleh bayar RM 10,000, dia boleh dapat AP. Duit dapat pada kerajaan kita salur untuk biasiswa dan untuk kepentingan rakyat.

Sebab yang dapat RM7,500 AP setahun Tuan Yang di-Pertua, kali dengan tak usah banyak RM30,000 satu AP, RM210 juta dokumen sahaja. Berapa dia bayar cukai? Mana boleh orang berniaga beli kapal terbang. Dia pergi beli benda lain, dari segi tanggungjawabnya, sosial komitmennya. Kita pun akan sokong, jadi RM10,000 satu berapa banyak kerajaan boleh dapat pendapatan daripada hasil seumpama ini. Ini yang kecil-kecil kita kejar, yang besar kita lepas, dan ini berapa banyak saya percaya hasilnya sudah bilion, berbilion ringgit ini hasilnya daripada penjualan AP ini.

Akhirnya kereta Proton terjejas, nasional *car* terjejas. Kalau saya hendak ulas panjang tapi saya cadangkan supaya ianya dikenakan bayaran RM10,000 pada sekarang. Manakala syarikat ini dapat sepuluh AP sebulan maka dia kena bayar automatik RM100,000. Berniagalah bukan suruh ali baba, suruh jual AP ini, suruh berniaga. Ini *show room* pun tak seberapa tapi hidup kaya raya. Ini saya katakan kerajaan patut mengubah dasar dan saya minta kalau hendak dibuat reformasi inilah reformasinya yang saya percaya akan disokong oleh rakyat.

Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu kerana masa tidak mengizinkan. Saya hendak menyentuh soal ISA. ISA ini Tuan Yang di-Pertua banyak kali telah dibangkit, sebelum sidang ini, sidang dulu Tuan Yang di-Pertua ingat tidak masa itu siapa yang *chair session* panjang saya bercakap. Saya cadang ditambah baik nilainya, adalah seorang dua bercakap kita hapus tapi tak ada semua yang sambut, semua diam sahaja. Tiba-tiba bila tiga orang kena baru-baru ini riuh

rendah bab ISA, sehingga cerita telur tak telur keluar. Saya hendak bercakap saya kena ISA dua kali Tuan Yang di-Pertua dulu.

Saya hendak ulang balik, bila kita kena di bawah tahanan dia ada peraturan dia, tidak ada kita masuk tahanan ini boleh makan *steak*, boleh makan *chicken chop*, *macaroni*, ayam percik mana ada, dia ikut peraturan. Orang tahanan ikut orang tahananlah, zaman saya dulu nasi putih tak ada kuah, seketul ikan, air sejuk. Bukan lapan hari, enam puluh hari saya tak tahu siang malam. Sebab itu kalau saya keras pun sebab jati diri jadi kuat ini. Inilah tarbiahnya, saya tak kisah, saya tidak *complaint* sebab itu tahanan. Ini telur dua biji, okeylah. Telur rebus pula tu. Okeylah.

Jadi macam-macam, lepas itu *coverage* TV bukan main hebat, baguslah sebab bapak boleh keluar televisyen, mak boleh keluar televisyen, semua boleh keluar televisyen, publisiti pun banyak, jadi hero. Jadi saya ucap tahniah kepada kerajaan kerana melahirkan wira-wira daripada pembangkang. Saya dulu tidak dapat publisiti macam itu, tidak ada, ada, mana tidak ada. Tapi bila masuk Kem Tahanan Kamunting dua tahun, saya ambil periksa tahun akhir dalam Kem Tahanan Kamunting. Tuan Yang di-Pertua, saya duduk di sana dua tahun, ini fakta macam hotel tiga bintang, blok ada dengan *court tennis*, boleh main badminton, boleh tengok televisyen cuma kebebasannya tidak ada.

Saya bercakap pengalaman saya. *[Disampuk]* Hey! Diamlah. Nanti saya tidak habis lagi ini tanya Tuan Yang di-Pertua dia hendak bagi laluan tak?

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Tolong, tolong...

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Tolong apa? Ikut sayalah, lepas ini hendak cakap, cakaplah.

Puan Fong Po Kuan [Batu Gajah]: Tadi kata mahu bagi peluang...

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Saya tidak habis lagi. Saya boleh bagi, kalau saya bagi tujuh hari, tujuh malam pun bab ini *anytime* saya hendak lawan. Saya boleh lawan, saya tidak ada masalah bab ini. Saya cakap pengalaman saya, ISA cuba masuk tahanan di Singapura apa terjadi pada arwah Syed Zahari dulu? Cuba masuk di Amerika Syarikat, Guatanamo Bay. Adakah dia orang hapus Akta ISA di Singapura sampai sekarang? Tidak ada pun tunjuk perasaan, tulis artikel silap sikit bekas Perdana Menteri Lee Kuan Yew saman, Perdana Menteri dia saman, tengok apa yang berlaku.

Di Malaysia ini bukan main liberal dah. Saya tengok begitu tapi masa tak ada saya hendak sebut di sini, saya hendak sebut dulu. Tuan Yang di-Pertua ada dua *school of thought*. Ada satu suruh hapus, ada satu mengatakan dibaiki, ditambah nilai, dipinda, ditambah baik. Kita tukarlah nama ni bagi senang hati semua orang, kita tukar nama Akta ISA ini kita jadi akta kasih sayang. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak rujuk tujuan asal ISA ini saya dah buat kajian demi kajian sebab dua kali ISA. Bukan lapan hari, kali yang kedua enam puluh hari penuh.

Ia digubal menurut fasal 149 Perlembagaan Persekutuan adalah untuk mencegah kegiatan subversif dan keganasan (*terrorism*) pada waktu itu bertujuan preventif, *detention*, dia berbeza dengan undang-undang jenayah lain yang diperuntukkan di bawah kanun keseksaan kerana ISA adalah untuk pencegahan iaitu kanun keseksaan pula bertujuan untuk menghukum, mencegah dengan menghukum berbeza. Mencegah (*prevention*), menghukum (*panelized*). Kita tengok dalam mahkamah pendakwaan mesti *beyond reasonable doubt*, bukti iaitu berasaskan kepada apa yang dikatakan elemen penyebutan kes jenayah iaitu *mens rea* dan *actus reus* iaitu seseorang penjenayah sama ada penjenayah tersebut sememangnya berniat untuk melakukan jenayah tersebut atau tidak, manakala *actus reus* pula merujuk kepada tindakan sebenar penjenayah tersebut melakukan kesalahan tersebut. Kita tahu polis di negara kita ini belum lagi kepada tahap yang begitu profesional, hendak membuktikan di mahkamah akan mengambil masa maka perlulah kepada pencegahan.

Dalam pada itu kita kena ingat, waktu ia digubal dulu, dan kita kena ingat negara ini negara berbilang kaum, tidak dapat dinafikan bahawa setiap kumpulan kaum atas agama mempunyai kumpulan ekstremis tersendiri yang bertindak di luar batasan dan menggugat keamanan negara. Atas sebab itulah ISA, kita cadangkan daripada di mansuh kita cadangkan ditambah baik nilainya, iaitu saya cadangkan demikian kerana kita ambil kira.

Dulu sebenarnya fasal 149, ISA ini wujud di bawah fasal 149 Perlembagaan Persekutuan ialah kalau Ahli-ahli Yang Berhormat buat kajian ianya bukan digubal oleh pihak eksekutif, Parlimen sendiri iaitu pada waktu itu ianya mengguna kuasa khas Parlimen ini Yang Berhormat Menteri ada dekat sini.

■1730

Digunakan kuasa khas Parlimen menggubal akta ISA di bawah fasal 149 Perlembagaan Persekutuan. Parlimen sendiri. Jadi sebab itu saya hendak cadangkan kalau boleh kerajaan dapat bersetuju menubuhkan satu jawatankuasa Parlimen untuk menambah baik nilai ISA ini di mana saya mencadangkan supaya...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, kena habiskan Yang Berhormat.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Tidak boleh habis lagi, baru. Tadi selama 45 minit saya sedikit lagi Tuan Yang di-Pertua, kalau tidak saya sambung esok, tidak payah.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Saya bagi Yang Berhormat 10 minit lagi untuk habiskan.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: 10 minit, kalau boleh saya hendak habiskan, banyak lagi saya tidak sebut ini. Tuan Yang di-Pertua, saya hendak cadangkan supaya ISA ini kita mengambil kira dalam meminda ISA ini hak-hak individu menurut fasal 5 - kebebasan diri dan setiap individu. Fasal 9 - kebebasan bergerak, fasal 10 - kebebasan bersuara, berkumpul, berpersatuan dan fasal 153 - kebebasan memiliki harta.

Ini kita ambil kira semua, di mana saya hendak cadangkan supaya ISA ini tidak lagi dituduh satu akta yang digunakan oleh pihak politik dan persepsi yang macam-macam. Saya cadangkan dipinda seksyen 8 iaitu *discriminating power*, yang duduk di bawah Menteri Dalam Negeri dipinda kepada satu jawatankuasa khas yang dikenali sebagai Majlis Keselamatan Dalam Negeri. Di mana di dalam itu ada empat lima orang wakil; pihak polis, Pejabat Peguam Negara, wakil SUHAKAM, wakil akademik, NGO. Empat atau lima orang, *share by and no politician* dan biarkan jawatankuasa ini memutuskan seseorang itu perlu ditahan atau tidak di bawah ISA kerana mengancam keselamatan untuk *prevention*.

Kemudian saya juga lihat seksyen 8(b), 8(c), 8(d) ISA ini juga boleh dipinda ataupun dihapuskan sama sekali. Had tempoh tahanan sekarang ini 60 hari, mungkin dipendekkan 30 hari, jangan bagi ruang supaya pegawai IO yang menyiasat mengambil masa pula untuk sebab ada masa 60 hari boleh tangguh-tangguh. Akan tetapi kita tahu beban polis pun tidak sedikit dengan tanggungjawab mereka ini satu polis *officer* ada kes berpuluh-puluh yang mesti disiasat tetapi kita tetapkan had tempoh ini supaya ianya tidak diambil kesempatan dari segi masa.

Apabila selesai 14 hari atau 30 hari, maka orang ini mesti dirujuk kepada mahkamah terbuka. Seperti kata Ketua Pembangkang, patut rujuk kepada mahkamah terbuka, saya setuju terutamanya HINDRAF. Saya sudah mengkaji Tuan Yang di-Pertua Akta Pertubuhan 1966. Dalam akta ini mengatakan seksyen 41, ada tiga jenis pertubuhan yang dikatakan haram. Satu ringkas, yang diisytiharkan oleh menteri iaitu dia kata haram sebab macam al-Arqam dahulu walaupun dia telah didaftarkan, dia buat bermacam-macam aktiviti, dia kata haram maka di *agree* Menteri Dalam Negeri kata haram. Dua, iaitu yang tidak berdaftar seperti HINDRAF. Ketiga, dia sudah wujud tetapi sudah dibatalkan pendaftarannya juga dikatakan haram.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, dalam seksyen 42 perkara 48, kita lihat ada macam-macam peruntukan. Di mana dalam seksyen ini mana-mana orang yang terlibat dalam pertubuhan haram boleh dihukum penjara lima tahun ataupun didenda RM15,000. Mana-mana pihak yang terlibat, yang berjumpa, mengedar risalah, semunya ada di dalam undang-undang. Termasuk kalau ada peguam berjumpa dengan pemimpin pertubuhan haram, dikecualikan dalam mahkamah dia membela orang yang dituduh. Selain daripada itu, kalau dia pergi jumpa atas dasar sosial dia pergi jumpa atas perkara lain, orang yang berjumpa dengan pemimpin pertubuhan haram juga boleh didakwa di bawah akta ini. Kenapa kerajaan tidak mengambil tindakan untuk melaksanakan akta ini?

Maknanya *the government is very weak*. Kalau kerajaan tegas bawa pergi mahkamah dan jelaskan HINDRAF adalah pertubuhan haram. Usul, resolusi yang mereka buat yang dihantar kepada Perdana Menteri Britain. Saya sudah baca memang mereka ada masalah, bukan kita kata mereka tidak ada masalah. Namun, cara yang ditulis memang dahsyat dan tindakan-tindakan mereka memang haram sebab mereka pertubuhan haram. Orang yang membelanya juga boleh diambil tindakan di bawah undang-undang, sesiapa sahaja sebab kita

ada undang-undang tetapi undang-undang ini tidak diguna. Kalau tidak diguna undang-undang ini hapus sahaja undang-undang ini. Itu sebab saya berdasarkan kepada undang-undang, berkongsi pendapat dengan Ahli Parlimen Muar, ini soal *process of the laws*. Jadi kita tidak boleh main-main dengan undang-undang.

Jadi sebab itu Tuan Yang di-Pertua, dalam soal ISA ini kita mesti mempertahankan tetapi ditambah baik nilainya dan saya merayu sekali lagi, saya bukan hipokrit. Maksud saya kata saya tidak hipokrit waktu dalam kerajaan dahulu saya cakap benda yang sama, di luar pun sama. Waktu saya kena tahun 1978 dahulu, Operasi Lalang, alangkah bahagianya saya kalau ada orang bela ISA ini macam mereka bela mereka yang dikenakan ISA lapan hari baru ini, tidak ada juga, berteriak.

Dahulu, tiada siapa bela pun, masuk kita begitu sahaja. Sekarang ini bukan main lagi, atas nama kebebasan bersuara tetapi dia pandai dari segi kata-katanya cakap lapiknya pandailah, hendak mengelak. Tidak usah main politiklah. Sebab itu politik ini saya bercakap Tuan Yang di-Pertua apa-apa pun akhirnya Allah Taala sahaja yang menentukan sebab itu bersih, jujur, amanah akhirnya Allah Taala akan bawa seseorang itu sampai ke tempat itu. Kalau timbul masalah itu juga kehendak Allah SWT atas kita.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, selain daripada itu, saya juga ingin menyentuh tentang soal kehakiman. Ini Perdana Menteri sebelum berhenti membawa reformasi kehakiman ini. Saya selain daripada masalah pelantikan hakim yang diheboh-hebohkan ini, saya juga hendak menarik perhatian sedar atau tidak Tuan Yang di-Pertua nisbah hakim di Malaysia sekarang ini 2.4 hakim untuk 1 juta penduduk. Hakim sekarang ini tidak lebih 80 orang. Di Kanada saya kaji 7.02 bagi 1 juta, UK 50.9 bagi 1 juta, Australia 57.07 bagi 1 juta, India 10.5 bagi 1 juta. Ertinya di Malaysia ini mereka buat kerja seperti 25 hakim, gaji RM13,000. Patutlah dikaji kedudukan mereka ini dan juga beban kerja dan nisbah tadi kalau boleh diubah supaya ditambah lagi hakim-hakim supaya kes-kes tidak bertimbun seperti yang kita lihat sekarang ini.

Selain daripada itu juga Tuan Yang di-Pertua, mengenai dengan rasuah tadi. Pesuruhjaya yang hendak dibentuk yang diheboh-hebohkan baru-baru ini kita tahu setakat mana sehingga hari ini tetapi baru-baru ini *Declaration United Nation*, Malaysia sudah pun menandatangani dokumen tersebut. Dahulu saya tanya belum lagi, saya baca akhbar baru-baru ini. Pokoknya, selagi badan rasuah tidak di bawah Suruhanjaya Diraja dan letak di bawah Parlimen, selagi itulah rasuah ini akan berlaku. Rasuah ini memang tidak mudah untuk dihapuskan, apatah lagi di negara kita ini berlaku rasuah terancang.

Rasuah terancang maksudnya rasuah moral. Katakanlah projek ini harganya sekian bagi kepada seseorang, *legal, committee* lulus, pergi mahkamah tidak guna. Namun orang kata tidak munasabah *so there is no evidence*, memang susah. Akan tetapi pokok pangkalnya itulah saya harap hendak ulang balik nanti orang kata kita tidak bercakap bab ini, kita berkompromi tidak ada. Kemudian...

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, saya hormati Yang Berhormat sebagai Presiden BEBAS tetapi Yang Berhormat terikat dengan had masa yang ditentukan Yang Berhormat. Saya sudah bagi 18 minit tambahan lagi Yang Berhormat. Ada rekod Yang Berhormat, 18 minit. Yang Berhormat kena habis.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Fakta belum cukup. Saya tengok jam saya cukup-cukup 35. Jam Tuan Yang di-Pertua lain dengan jam saya, jam ini mahal sedikit jam ini, jam lain. Saya tengok cukup-cukup. Boleh saya tambah esok 10 minit.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak boleh Yang Berhormat.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Bolehlah Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Tidak boleh Yang Berhormat. Habiskan Yang Berhormat.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya hendak simpulkan di sini satu perkara sahaja. Sekarang ini ada pihak berpendapat ke arah *multi racial party*, Malaysian – Malaysian. Buktinya keputusan pilihan raya baru-baru ini. Saya kata tidak, tidak lama lagi ada berlaku peralihan dalam kerajaan, Perdana Menteri akan ambil alih.

Dua perkara sahaja yang kena buat. Sebagai parti tulang belakang, bukan hendak bercakap bab UMNO. Sebagai parti tulang belakang kepada pemerintah UMNO pertama ialah langkah reformasi dalam parti UMNO ini dahulu. Selagi mana rakyat melihat politik wang berlaku dalam parti UMNO, maka mereka mengatakan apabila pegang jawatan dalam kerajaan inilah rasuah berlaku, reformasi yang ini dahulu.

Dikenalkan kuota 30% Tuan Yang di-Pertua, yang hendak bertanding guna wang, yang hendak mempertahankan jawatan *abuse the power, disqualified* cawangan itu cawangan ini. Orang bercakap di masjid, di surau, di kedai kopi malu. Ubah ini, *this is the first* untuk ubah.

Kedua, dalam kerajaan. Dalam kerajaan memang kita hendakkan kehakiman rasuah ini ditangani semua sekali tetapi *above that* ialah masalah ekonomi, perut rakyat. Minyak sudah turun, turun lagi minyak ini. Rakyat tidak peduli hal lain, dia fikir hal kehidupan dia. Kalau keadaan ini pulih balik, saya percaya mungkin Barisan Nasional akan menang balik pilihan raya akan datang, kalau tidak parti Keadilan Rakyat memerintah. Ini saya pening hendak duduk belah mana ini. Saya hendak tengok sejauh mana berlaku reformasi dalam kerajaan.

Puak-puak Pakatan Rakyat saya kenal juga, sesetengah dahulu pemimpin sebelah sana juga dahulu. *[Ketawa]*

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Yang Berhormat, habiskan.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Sedikit, sedikit sahaja lagi. Jadi Tuan Yang di-Pertua, reformasi ini penting. Jadi kalau ini dibuat dahulu dibuat, pilihan raya dahulu Tuan Yang di-Pertua macam-macam isu bercakap pasal kehakiman, ISA itu ini, Barisan Nasional menang juga.

Namun, yang dia kalah ialah apabila barang naik, minyak naik, rakyat tidak tahan maka muncullah pula kebetulan ada tokoh-tokoh politik yang konon katanya hebat, yang hendak balik

menjadi wira dan Perdana Menteri; maka bercakap maka dia mendapat sokongan. Tidak, ini sebenarnya.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Cukup Yang Berhormat.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Sebenarnya pulih dua perkara ini pulihlah. Saya tengah memerhati mana yang baik.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Kita tidak boleh lepas daripada 5.45 petang Yang Berhormat.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Belum lagi, ada dua minit lagi. Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya percaya kalau ini dibuat, Insya-Allah saya tidak tahulah sejauh mana.

Selepas itu menteri-menteri pula, ini akhir sekali dari segi pembaziran. Penasihat itu, penasihat ini buat apa? Penasihat *North Corridor*, penasihat wanita, penasihat kementerian apa benda ini, berapa gaji ini? Buang duit sahaja. Kalau hendak bagi tempat, bagi tempat lainlah. Saya pun belum bercakap lagi bab Khazanah ini, ini lantik buat apa? Jadi penasihat lebih besar daripada menteri.

Sudah ada menteri yang jaga agama, kalau hendak lantik Mufti Negara. Ini baru lantik bertaraf menteri, lantik wanita pula penasihat wanita, ada Kementerian Wanita, apa benda ini. Lantik menteri-menteri yang dilihat bersih dan berakhlak kalau hendak melihat sokongan daripada rakyat. Saya tidak akan *apologetic, I will not be apologetic*.

Last sekali Tuan Yang di-Pertua, orang hendak kata saya apa pun, katalah. Kalau ada perubahan yang besar, yang drastik, yang meyakinkan, saya tidak dapat apa-apa duduk macam ini pun, saya akan bagi sokongan yang tidak berbelah bagi demi untuk agama, bangsa dan negara. Saya tidak ada apa-apa kepentingan, saya tidak hendak menjadi Perdana Menteri, tetapi kalau hendak lantik, bolehlah. *[Ketawa]*

Jadi saya amat berterima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya juga layak. Kalau Estrada boleh menjadi Perdana Menteri Filipina, tak kan Ibrahim Ali tidak boleh. *[Ketawa]* Kalau GusDur boleh menjadi presiden tak kan saya tidak boleh. Saya 58, Barack Obama umur 48 sudah jadi calon Republikan, saya sekarang parti pun saya sudah tidak ada.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Terima kasih Yang Berhormat.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: Jadi Tuan Yang di-Pertua, ini saya cadangkan supaya dengan pimpinan baru ini, *please mean business*.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Terima kasih Yang Berhormat.

Dato' Ibrahim Ali [Pasir Mas]: *Please mean business*, serius dalam mengendalikan urusan rakyat dan negara, terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Ronald Kiandee]: Ahli-ahli Yang Berhormat, Mesyuarat Dewan hari ini ditangguhkan sehingga jam 10.00 pagi hari Khamis 16 Oktober 2008.

Dewan ditangguhkan pada pukul 5.43 ptg.